

**Bil. 12**

**Khamis  
17 Ogos 2017**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KELIMA  
MESYUARAT KEDUA**



## K A N D U N G A N

<b>MENGANGKAT SUMPAH DUA ORANG AHLI</b>	(Halaman	1)
<b>MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN DUA ORANG AHLI</b>	(Halaman	1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	2)
<b>USUL:</b>		
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	31)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>		
Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Pindaan) 2017	(Halaman	19)
Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Pindaan) 2017	(Halaman	31)
Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Pindaan) 2017	(Halaman	37)
Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Pindaan) 2017	(Halaman	46)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dato' Sri SA. Vigneswaran (Dilantik)(LS)
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad (Dilantik)
3. “ Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim (Dilantik)
4. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin (Terengganu)
5. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan (Perlis)
6. “ Datuk Haji Abidullah bin Salleh (Dilantik)
7. “ Tuan Aknan Ehtook (Dilantik)
8. “ Dato' Dr. Anathan a/l Somasundaram (Lantik Baru)
9. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
10. “ Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki (Dilantik)  
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
11. “ Puan Hajah Azizah binti Haji Harun (Dilantik)
12. “ Datuk Haji Bashir bin Haji Alias (Dilantik)
13. “ Puan Bathmavathi Krishnan (Dilantik)
14. “ Dato' Chai Kim Sen (LS)
15. “ Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah (Selangor)
15. “ Tuan Chia Song Cheng (Johor)
16. “ Datuk Chong Sin Woon (Negeri Sembilan)  
- *Timbalan Menteri Pendidikan*
17. “ Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy (Dilantik)  
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
18. “ YBM. Engku Naimah binti Engku Taib (Terengganu)
19. “ Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin (Dilantik)
20. “ Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
21. “ Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat (Dilantik)
22. “ Dato' Indera Hoh Khai Mun (Pahang)
23. “ Dato' Dr. Hou Kok Chung (LS)
24. “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (Dilantik)
25. “ Dato' Isa bin Ab. Hamid (Dilantik)
26. “ Datuk Jamilah Sulaiman (Dilantik)
27. “ Dato' Jaspal Singh (Dilantik)
28. “ Datuk Haji Kadzim M.Yahya (Sabah)
29. “ Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
30. “ Dato' Sri Khairudin Samad (Dilantik)
31. “ Tuan Khairul Azwan Harun (Dilantik)
32. “ Datuk Koh Chin Han (Melaka)
33. “ Dato' Lee Chee Leong (Perak)  
- *Timbalan Menteri Kewangan*
34. “ Datuk Lihan Jok (Sarawak)
35. “ Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan (Dilantik)  
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*

- 
36. Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas Umbul (Sabah)
  37. “ Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin (Dilantik)
  38. “ Tuan Haji Muhamad bin Mustafa (Lantikan Baru)
  39. “ Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B)
  40. “ Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty (Selangor)
  41. “ Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)
  42. “ Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh bin Tun Said Keruak (Dilantik)  
- *Menteri Komunikasi dan Multimedia*
  43. “ Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah (LS)
  44. “ Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff (Dilantik)
  45. “ Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai (Dilantik)
  46. “ Datuk Ng Chiang Chin (Dilantik)
  47. “ Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar (Pahang)
  48. “ Datuk Paul Low Seng Kuan (Dilantik)  
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
  49. “ Datuk Rabiyah binti Ali (Dilantik)
  50. “ Puan Hajah Rahemah binti Idris (Dilantik)
  51. “ Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
  52. “ Tuan Ramli bin Shariff (Perlis)
  53. “ Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal (Dilantik)
  54. “ Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian (Dilantik)
  55. “ Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail (Pulau Pinang)
  56. “ Puan Sopiah binti Sharif (Dilantik)
  57. “ Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam (Dilantik)
  58. ” Tuan Wilfred Yong Chen Leong (Dilantik)
  59. “ Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas (Dilantik)
  60. ” Datuk Yoo Wei How (Dilantik)
  61. “ Tuan Zahari bin Sarip (Johor)
  62. “ Dr. Zaiedi Haji Suhaili (Sarawak)
  63. “ Datuk Zali bin Mat Yasin (Dilantik)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Datuk Awang Alik bin Jeman

**Setiausaha Dewan Negara**  
Riduan bin Rahmat

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Muhd Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)**

Monarita binti Mohd Hassan  
Azhari bin Hamzah  
Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain  
Rosna binti Bujairomi  
Alzian binti Baharudin

Noraidah binti Manaf  
Siti Norlina binti Ahmad  
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Suriyani binti Mohd. Noh  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Siti Norhazarina binti Ali  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Sherliza Maya binti Talkah  
Nurul Atikah binti Basrudin  
Nor Effazimmah binti Maliki  
Cik Nur Annisa binti Hamid  
Cik Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi  
Herdawati Binti Mohd Amir Abbu  
Hazliha Binti Mohd Zain  
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Siti Zubaidah binti Karim  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Ismalinda binti Ismail  
Hazliana binti Yahaya  
Amir Arshad bin Ab Samad  
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed  
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman  
Nurul Fadhilah binti Ibharim  
Hizamihatim Maggiha bin Juara



**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KELIMA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Khamis, 17 Ogos 2017**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**MENGANGKAT SUMPAAH DUA ORANG AHLI**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah
- Yang Berhormat Senator Dato' Ananthan A/L Somasundaram

*[Upacara Mengangkat Sumpah tamat]*

**MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN DUA ORANG AHLI**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, salam sejahtera dan salam negaraku Malaysia.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan lantikan semula Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah, dan lantikan baru Yang Berhormat Dato' Ananthan A/L Somasundaram. Kedua-dua Ahli berasal dari negeri Kedah Darul Aman... *[Tepuk]*

Pelantikan tersebut merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan Kerajaan Negeri Kedah terhadap kesanggupan Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk berkhidmat dengan cemerlang untuk negara dan masyarakat. Pelantikan Ahli-ahli Yang Berhormat memberi peluang untuk menaburkan khidmat bakti dan sumbangan kepada bangsa dan negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, diharap akan menyumbang ke arah mempertingkatkan mutu perdebatan di Dewan yang mulia ini. Saya juga yakin Yang Berhormat-Yang Berhormat akan patuh kepada ikrar taat setia, Perlembagaan Negara, peraturan-peraturan mesyuarat serta prinsip-prinsip universal dalam piagam negara yang menekan antara lain keluhuran Perlembagaan, kedaulatan undang-undang serta keperibadian mulia yang menjiwai demokrasi berparlimen.

Seperti mana yang kita sedia maklum, demokrasi merupakan konsep yang indah. Ia perlu dibina atas sifat keperibadian yang tinggi disertai dengan pemikiran yang terbuka serta rasional. Sifat yang mulia dan luhur haruslah ditonjolkan sebagai teladan yang terpuji dalam kalangan Ahli-ahli Parlimen bahkan juga di kalangan khalayak ramai terutamanya generasi muda. Tidak kurang pentingnya saya percaya bahawa pematuhan Yang Berhormat-Yang Berhormat terhadap amanat saya ini akan membantu memperkasakan imej Parlimen sebagai sebuah institusi perundangan yang berwibawa dan disanjung tinggi di persada antarabangsa.

Akhir sekali saya mendoakan agar Ahli-ahli Yang Berhormat akan mendukung misi rakyat ke arah membina sebuah negara yang maju dan progresif dalam semua aspek pembangunan. Dengan kata-kata ini maka selesailah Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini.



■1010

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Haji Bashir bin Haji Alias** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, kelebihan Sistem Kawalan Imigresen Nasional (SKIN) yang bakal dilaksanakan dalam Sistem Imigresen Negara 2021, terutamanya dalam usaha agar Malaysia disenaraikan antara negara yang diberi kelebihan Program Pengecualian Visa (VWP) ke Amerika Syarikat.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada kedua-dua Ahli Dewan Negara yang baru dilantik... [Tepuk]

Untuk makluman Dewan yang mulia ini bahawa saya juga pernah berada di Dewan Negara selama satu penggal... [Tepuk] Saya adalah ahli alumni seumur hidup, Ahli Dewan Negara. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ketika saya mahu mengangkat sumpah, saya masuk mengikut pintu ini, Setiausaha Dewan kata belum duduk sini lagi kena duduk belah sana dahulu. Jadi saya silaplah. Sini Menteri-Menteri. Saya duduk belah sana dahulu tetapi akhirnya *alhamdulillah*, saya duduk di sini... [Tepuk] [Ketawa] Ini cerita benar, saya cerita benar kerana mungkin kesilapan saya yang membawa tuah kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada sahabat saya daripada Labuan ini mengenai Sistem Kawalan Imigresen Nasional (SKIN). SKIN menggantikan sistem imigresen yang sedia ada yang dikenali sebagai MyIMMs yang telah digunakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia selama 20 tahun. SKIN ini merupakan satu sistem yang mengintegrasikan semua sistem yang sedia ada di Jabatan Imigresen dan ianya merupakan satu bentuk infrastruktur dan arkitek sistem yang menstrukturkan semua keberkesanan perkhidmatan yang telah diberikan dan ianya disesuaikan dengan usaha untuk menangani pelbagai kekangan yang sedang dihadapi. Ini termasuk menangani pelbagai isu dan ancaman global.

Secara perbandingan SKIN ini adalah melibatkan satu usaha pembaharuan secara komprehensif dengan lebih memberikan penekanan terhadap aspek keselamatan dengan membangunkan modul-modul baru yang saya sebutkan serta memantapkan modul yang sedia ada. Ini termasuklah menyokong fungsi-fungsi teras Jabatan Imigresen Malaysia termasuk, dengan izin, *anti-human trafficking*, *anti-smuggling of migrants*, *anti-money laundering* dan *Risk Assessment Engine (RAE)*. Pelaksanaan SKIN akan memastikan kerajaan dapat memenuhi syarat-syarat di bawah *US Visa Waiver Program* atau pengecualian visa oleh Kerajaan US terutama dari segi meningkatkan keupayaan menyaring kemasukan pelawat ke negara ini supaya Malaysia menjadi negara yang lebih selamat dikunjungi.

Di samping itu, dari segi risiko yang telah kita perbaiki, melalui sistem integrasi ini akan membolehkan Jabatan Imigresen Malaysia melaksanakan *big data analytic* bagi tujuan risikan, *profiling*, *tracking* dan pengurusan risiko. Selaras dengan keperluan untuk memenuhi syarat-syarat yang saya sebutkan pengecualian visa tadi. Setakat ini Malaysia telah memenuhi enam dari tujuh syarat *US Visa Waiver Program*. Semoga dengan pelaksanaan skim ini kelak kerajaan cukup optimis dapat memenuhi semua syarat dan seterusnya diterima sebagai salah sebuah negara yang mendapat pengecualian visa ke US nanti. Terima kasih.

**Datuk Haji Bashir bin Haji Alias:** Terima kasih diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di atas jawapan yang diberikan. Saya agak jawapan yang begitu mantap dan cukup meyakinkan.

Soalan tambahan saya ialah memandang Sistem Kawalan Imigresen Nasional (SKIN) ini hanya akan mula beroperasi pada 2021 iaitu empat tahun daripada sekarang. Apakah kaedah yang diguna pakai oleh pihak kementerian agar sistem sedia ada berupaya menjalankan fungsinya seperti biasa malah bersedia untuk diberi penambahbaikan dan pemodenan sebelum kesemua sistem tersebut di integrasi dan disatukan di bawah SKIN.

Kedua, apakah usaha yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan pelaksanaan sistem SKIN mengikut *timeline* yang ditetapkan dan tidak merugikan wang kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa tempoh penyediaan SKIN ini akan dibuat selama tiga tahun.

Ertinya daripada persiapan sistem itu hingga pelaksanaannya cuma mengambil kira-kira 12 tahun kemudian. Soalnya dalam tempoh peralihan ini, apakah sistem yang sedia ada MYIMMs ini akan diperkukuhkan. Jawapannya ya. Kita antaranya akan masukkan APSS, dengan izin, yang dipanggil sebagai *Advanced Passenger Screening System*. Ini adalah bagi menentukan agar pelancong ataupun pelawat ataupun pekerja asing yang mahu bekerja di Malaysia dikenakan saringan keselamatan terlebih dahulu. Untuk memastikan bahawa tidak ada unsur-unsur negatif ataupun keganasan ataupun jenayah yang dibawa masuk bersama mereka ke Malaysia.

Untuk tempoh tiga tahun awal ini kita telah meminta agar vendor pada SKIN ini bekerjasama dengan sistem *provider* yang sedia ada. Supaya akhirnya semua sistem yang sedia ada dapat diintegrasikan dan dapat dilaksanakan kemudiannya tanpa mengakibatkan berlakunya kelewatan dan juga kekangan-kekangan yang dihadapi oleh *stakeholders* dalam perkara ini. Semua pengguna kepada sistem Jabatan Imigresen sedia ada agar kemasukan ataupun mereka yang akan meninggalkan negara ini tidak menghadapi sebarang permasalahan jika melalui sistem yang sedia ada sebelum sistem baru itu dilaksanakan.

**Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas kehadiran Menteri Yang Amat Berhormat. Soalan saya, Sistem Kawalan Imigresen Nasional (SKIN) ini nampaknya satu sistem yang begitu canggih. Di atas sistem ini dapat kita mengawal pelbagai anasir ataupun ancaman. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri kerana telah mentransformasikan sistem yang sedia ada kepada sistem yang lebih baik.

Jadi soalan saya berapa banyakkah negara yang telah menggunakan sistem ini? Kenapa ianya perlu diselarakan dengan sistem yang VWP ini selaras dengan Amerika punya sistem penyaringan termasuk Yang Berhormat sebutkan tadi. Adakah negara yang telah mencapai tahap yang macam itu seperti apa yang dicadangkan oleh Kerajaan Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sangka soalan ini datang daripada Negeri Sembilan yang memang setakat ini tidak ada pintu masuk ataupun pintu keluar dari Negeri Sembilan. Kecuali jika Yang Berhormat berhasrat untuk membuat satu lagi lapangan terbang, *airport* yang baru antarabangsa di Negeri Sembilan kalau beliau menjadi pemimpin utama negeri itu.

Saya ingin menjawab soalan ini bahawa kebanyakan negara yang telah melaksanakan SKIN ini adalah merupakan negara-negara maju yang telah memperkirakan bahawa soal keselamatan adalah soal bersama yang tidak mengira sama ada mereka yang menjadi pejuang kononnya kepada *human rights* ataupun mereka yang berbeza pendapat.

#### ■1020

Di dalam soal ini, kita lihat negara-negara yang telah melaksanakan program ini. Setakat ini terdapat 38 negara yang semuanya telah dapat mengurangkan risiko kemasukan unsur-unsur yang negatif daripada negara luar. Negara-negara ini adalah negara yang telah juga memperoleh pengecualian visa oleh Amerika Syarikat dan hanya dua negara ASEAN yang telah memperoleh pengecualian visa itu iaitu Brunei dan Singapura. *Insyah-Allah* Malaysia menjadi negara ASEAN yang ketiga. Kita tahu bahawa sistem yang canggih ini akan tidak melibatkan peruntukan tambahan daripada pihak kerajaan. Ia telah diluluskan oleh Jemaah Menteri dengan memperkirakan bahawa perjawatan baru tidak diberikan. Perbelanjaan baru tidak juga diberikan. Ertinya satu kerjasama di antara pihak swasta dan pihak kerajaan yang dipanggil sebagai perkongsian bijak, di mana kerajaan akan memperoleh pendapatan yang lebih sebelum skim ini dijalankan.

Pada waktu yang sama, kerajaan tidak perlu pun membayar sebarang bayaran kepada syarikat yang menjalankan sistem ini. Apa yang akan dilakukan oleh pihak kerajaan ialah, akan melihat dari segi sistem fi atau bayaran yang dikenakan pada pihak yang menggunakan skim ini. Pembayaran yang dilakukan kepada syarikat tidak, sekali lagi saya sebut, tidak menggunakan peruntukan kerajaan tetapi ialah fi yang dikenakan kepada pelawat, pelancong, penumpang dan sebagainya. Lebih daripada pendapatan itu akan pergi ke Khazanah Negara. Ini merupakan satu pendekatan yang baik untuk negara kita...

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Tuan Haji Muhammad bin Mustafa. Silakan.

**Tuan Haji Muhamad bin Mustafa:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat yang dapat mengadakan satu sistem yang baru dalam pengawalan sempadan negara.

Soalan saya, sejauh manakah keberkesanan penguatkuasaan sistem yang sedia ada dalam pengawalan sempadan Malaysia-Thailand, khususnya Rantau Panjang, Sungai Golok dalam mengatasi isu-isu yang kontroversi dan Menteri bagaimanakah usaha-usaha untuk meningkatkan lagi supaya isu-isu kontroversi ini dapat diselesaikan dengan segera? Soalan yang kedua, bilakah tembok sempadan yang telah diisytiharkan pada suatu masa dulu iaitu tembok sempadan di antara Rantau Panjang dan Sungai Golok akan dibina? Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Wah, ini satu soalan yang cukup susah hendak dijawab tetapi senang untuk dilontarkan pertanyaannya. Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin menyebutkan di Dewan yang mulia ini bahawa skim ini atau SKIN adalah merupakan satu sistem integrasi yang telah saya sebutkan pada awal. Manakala, sistem yang sedia ada, tidak kontroversi tetapi ia telah berjalan selama 20 tahun. Ertinya, mesti ada usaha dari pihak kerajaan untuk memperkemaskan sistem yang sedia ada supaya kita bersiap siaga untuk tempoh 20 tahun hingga 50 tahun akan datang kerana kita akan, *insya-Allah* menghadapi tahun 2050.

Di dalam hal ini, apa yang berlaku di Sungai Golok, khususnya di Rantau Panjang, saya tidak pasti sama ada sahabat-sahabat saya yang wakil di Kelantan atau Rantau Panjang bersetuju dengan saya bahawa Rantau Panjang tidak ada masalah di pintu masuk atau di pintu keluar. Tidak ada masalah, terutamanya ketua bahagian yang menjaga kawasan itu... [*Dewan ketawa*]

Yang menjadi masalah ialah, lorong-lorong tikus yang menjadi lorong gajah, di mana pintu masuk dan pintu keluar dengan menggunakan sistem MyIMMs yang sedia ada, diikuti dengan sepenuhnya. Malah, apa yang telah dilakukan oleh KDN, kita telah menukarkan Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) kepada Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) tanpa melibatkan perjawatan baru dan tanpa melibatkan peruntukan tambahan dengan melakukan, dengan izin, *redeployment* pada pasukan polis PGA untuk menambah jumlah yang sedia ada.

UPP sebelum adanya AKSEM, berjumlah seramai lebih sedikit 900 orang. Akan tetapi dengan *redeployment*, dengan izin, kepada PGA ini, ia bertambah kepada 10,000 orang. Saya sebut sekali lagi, tanpa ada belanja tambahan. *Smart move* ini, dengan izin, adalah merupakan satu kaedah untuk membanteras permasalahan yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Oleh kerana di musim kemarau, saya tidak pasti siapakah yang membawa penyeludup-penyeludup yang menyeberang sungai yang tohor itu. Ada juga yang berhasrat untuk menambah cawangan dengan [*Ketawa*] Ini tidak melibatkan Ahli-ahli Dewan ini- menambah cawangan di sana. Saya tidak pasti sama ada disahkan semula atau tidak, setelah cawangan itu disahkan di sana. Yang faham, fahamlah. Yang tidak faham, tidak mengapa.

Di dalam keadaan inilah, KDN melalui PDRM, Jabatan Imigresen dan lain-lain agensi melihat bahawa tembok yang mahu didirikan itu perlu kerjasama daripada Kerajaan Thailand dan perancangan ini telah lama dijalankan. Namun, tembok sahaja tidak mencukupi. Ia harus mempunyai sistem radar dan sistem *unmanned vehicle* (UAV) ertinya seperti dron itu untuk melihat bahawa ada kawasan-kawasan yang tidak boleh didirikan tembok kerana dari segi *contournya* terlalu tinggi dan sebagainya. Jangan lupa bahawa ia tidak hanya melibatkan sempadan Kelantan dan Thailand tetapi melibatkan sempadan hingga ke Perlis. Yang Berhormat Datuk Shukor ada di sini. Orang Perlis pun kecil hati juga kalau kita tidak dirikan tembok sebab walaupun mereka tiga kawasan Parlimen tetapi mereka adalah pengundi penentu kepada kejayaan negara kita.

Di dalam hal itulah, saya ingin beritahu Yang Berhormat, ada masalah penyeludupan yang cukup-cukup *rampant*, dengan izin, terutamanya pil kuda. Pengguna pil kuda yang paling banyak kerana penyeludupan itu adalah di negeri Kelantan. Ia telah menyebar ke Terengganu sekarang ini dan turut juga pergi ke Kelantan. Saya harap Ahli-ahli Dewan Negara yang berasal dari, terutamanya dari kedua-dua negeri ini, harus membantu saya memantau. Jangan turut bersekongkol dengan mereka. Saya tahu yang Tuan Yang di-Pertua bersetuju dengan saya supaya sistem yang sedia ada hendaklah dilihat bukan hanya dari tahap pertama tetapi tahap kedua dan tahap ketiga bagi menentukan tidak ada elemen-elemen negatif yang datang dari luar. Ini termasuk apa yang dipanggil sebagai *human trafficking* dengan *illegal migrant* yang datang ke negara kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Chandra Mohan. Silakan.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi semasa jawapan, saya dengar sedikit mengenai kos dan sebagainya. Selain dari penambahan ciri-ciri keselamatan di SKIN, saya pernah baca satu *report* semasa program tandatangan dengan vendor-vendor Prestariang Skin Sdn. Bhd. itu, sistem ini bukan sahaja akan tambah ciri-ciri keselamatan, bukan sahaja akan mengurangkan kos tetapi juga akan tambah hasil kepada negara. *Figure* yang *diquote* masa itu, kalau tidak salah, lebih kurang RM600 juta setahun. Ini cuma saya hendak *confirmation*. Betulkah sistem ini akan dapat membawa- saya faham tadi, kos yang dibayar oleh visa akan pergi kepada syarikat kerajaan, tidak keluar *additonal cost* dan sebagainya. Itu semua saya faham. Saya cuma hendak tahu dari segi hasil tambahan itu. Betulkah ada hasil tambahan? Terima kasih.

■1030

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu ada penyesuaian perangkaan yang harus saya sebutkan di mana kita tahu bahawa kos keseluruhan projek ini yang tidak melibatkan peruntukan kerajaan adalah cukup besar. Ia melibatkan CAPEX, dengan izin, atau *capital expenditure* sebanyak RM821 juta, dan OPEX atau *operational expenditure* yang terdiri daripada *maintenance service charges* dan *technology refresh funds* kira-kira RM1.248 bilion.

Namun, daripada perbelanjaan-perbelanjaan yang telah diunjurkan ini, terdapat lebih kepada Wang Yang Disatukan yang dikendalikan oleh Kementerian Kewangan yang diperkirakan unjurannya kira-kira RM800 juta setahun. Ertinya, untuk sepanjang tempoh pelaksanaannya 12 tahun selepas sistem ini dibina, ia memberikan keuntungan secara fiskal kepada kerajaan. Pada waktu yang sama, dari segi keberkesanan pada pelaksanaan program ini, ia akan dapat dilihat kemudiannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya memberi soalan akhir kepada Yang Berhormat. Silakan.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak boleh bercakap ini. Sebak hari ini sebab kehadiran Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ini. Saya ingat yang terbaiklah. Setiap kali sidang Dewan dia mari. Terima kasih... [*Tepuk*] *Insyallah*, lepas ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan jadi Timbalan Presiden.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bercakap dia di Negeri Sembilan, saya sempadan. Menyentuh soal sistem kawalan sempadan yang ada sekarang ini, saya ingat kita, yang terbaiklah. Cuma, demi untuk menambah *income* kerajaan, pendapatan kerajaan, saya ingat di sempadan Sungai Golok itu, lorong tikus itu memang banyak. Saya hendak cadangkan kepada kerajaan supaya Pengkalan Mundok itu dijadikan pengkalan halal. Makna, ada pos imigresen...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak cadang atau hendak tanya soalan?

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Hendak cadang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cadang tidak payahlah, Yang Berhormat. Ini untuk soalan. Ada soalan?

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Saya pun hendak tanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalan?

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Jadi, saya hendak tanya kementerian. Kalau boleh, buat pos kawalan imigresen di Pengkalan Mundok itu supaya ia menjadi *income* kepada kerajaan. Sebab, kalau tidak buat halal pun, seluruh Malaysia akan pergi. Seluruh Malaysia termasuklah penyanyi kah, Yang Berhormat Menteri pun ada pergi ke Pengkalan Mundok. Jadi, saya minta supaya Pengkalan Mundok itu dibuat pos imigresen. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Amat Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Saya minta Ahli Yang Berhormat tarik baliklah [*Ketawa*] Ini P.M. 36(6), bersangka jahat, kerana melibatkan Menteri-Menteri yang menggunakan jalan lorong tikus atau lorong gajah itu.

Saya ingin menyebutkan bahawa kita mempunyai pasukan yang mengkaji sebenarnya di mana keperluan CIQ ataupun ICQS bagi menentukan kawasan-kawasan untuk, apa yang dipanggil menghalalkan yang haram. Ini tidak kena mengena dengan fatwa, Yang Berhormat [*Ketawa*] Akan tetapi, kita amat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat, di mana kita melihat bahawa lorong-lorong tikus yang telah jadi lorong gajah ini adalah kawasan-kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan CIQ atau ICQS. Cukup berpotensi.

Kita akan bekerjasama dengan pihak Thailand supaya jalan di Thailand dan jalan di Malaysia itu dapat dihubungkan. Sebagaimana yang dilakukan di Bukit Kayu Hitam sekarang ini, ICQS yang baru telah dipindahkan tetapi ia juga melibatkan pihak Thailand di mana kita telah mohon kepada Thailand, umpamanya daripada operasi selama 16 jam dipertingkatkan kepada 24 jam. Akan tetapi mereka bersetuju untuk kita melaksanakan selama 20 jam di peringkat awalnya dan 24 jam apabila siap sepenuhnya kompleks ICQS di Bukit Kayu Hitam.

Jadi dalam perkara ini, Pengkalan Mundok ini, saya akan minta pasukan mengkaji untuk mengkajinya. Akan tetapi, saya akan pastikan Rantau Panjang akan bebas daripada mereka yang masuk secara haram ini supaya mereka masuk berdokumen dan kita pastikan barang-barang yang masuk daripada sempadan ke Malaysia mesti melalui sistem kawalan dan juga melalui sistem percukaian yang sedia ada. Kita mahu supaya elemen kemasukan senjata atau dadah atau barang bersubsidi daripada negara kita ke negara jiran akan dapat dipantau.

Namun, saya ingin menyebutkan bahawa yakinlah, apa yang kita lakukan, kita mengetepikan perbezaan-perbezaan politik. Walaupun kita tahu bahawa rakan-rakan kita di negeri berkenaan tidak sama warna dengan kita tetapi atas nama keselamatan, kita tetap bekerjasama dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, Kerajaan Negeri Kelantan... [*Tepuk*] Supaya soal *taawun* dan *tabayyun* dapat diterjemahkan dengan sebaik-baiknya agar isu-isu bersama dengan mengetepikan perbezaan-perbezaan warna politik ini akan dapat diterjemahkan dengan sebaik-baiknya oleh kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, contoh seorang pemimpin yang berwibawa- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri... [*Tepuk*] Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan. Silakan.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Pertama, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Ahli Dewan yang mengangkat sumpah pagi ini. Tahniah Yang Berhormat Dato'.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengalu-alukan kehadiran rombongan ketua-ketua Bahagian MCA Sabah ke Dewan yang mulia ini... [*Tepuk*] Diharap dengan lawatan ini akan memberi manfaat kepada mereka. Selamat datang ke Parlimen.

**2. Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, status terkini hala tuju negara dalam sektor perdagangan antarabangsa selepas Amerika Syarikat mengambil keputusan untuk menarik diri daripada Perjanjian Trans-Pasifik (TPPA).

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam negaraku Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor.

Saya juga ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi dan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan atas upacara angkat sumpah tadi dan juga mengalu-alukan rombongan MCA daripada Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, pada 4 Februari 2016, 12 buah negara telah tandatangan satu perjanjian bernama TPP dan antara negara utama ialah Amerika Syarikat. Akan tetapi, pada 23 Januari tahun ini, Presiden Donald Trump buat keputusan untuk menarik balik daripada perjanjian tersebut. Jadi, soalan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor ialah apakah hala tuju Malaysia?

Pertama, saya hendak maklumkan bahawa Malaysia akan meneruskan usaha-usaha untuk meningkatkan dagangan dengan rakan-rakan seluruh dunia. Pada masa ini, kita telah tandatangan 13 buah perjanjian. Kalau jadi TPP, maka 14. Sekarang ini kita sedang merundingkan beberapa perjanjian termasuk dengan Iran, juga dengan Sri Lanka dan satu lagi ialah RCEP iaitu melibatkan 10 negara ASEAN dan enam negara lain melibatkan China, Korea Selatan, Jepun, India, Australia dan New Zealand.

Jadi, itu yang pertama. Hala tuju kita ialah untuk meneruskan usaha bagi mengadakan hubungan dagangan yang baik dengan negara-negara lain.

Kedua, walaupun Amerika sudah menarik balik ataupun menarik diri daripada perjanjian ini, oleh sebab Amerika ini negara terbesar di dunia dari segi *militarynya*, dari segi ekonominya, maka kita akan teruskan usaha-usaha untuk menjalin hubungan ekonomi yang baik dengan Amerika Syarikat. Maka, perbincangan di peringkat bilateral diteruskan. Walaupun Amerika tidak lagi terlibat dalam TPP tetapi kita meneruskan usaha-usaha untuk meningkatkan hubungan antara negara Amerika dengan Malaysia kerana mereka merupakan salah sebuah negara terbesar dari segi pelaburan dalam negara kita, dan keduanya, dari segi perdagangan, nombor 3. Nombor 1- negara China, nombor 2- Singapura, nombor 3- Amerika Syarikat.

#### ■1040

Oleh itu, Amerika Syarikat tidak boleh dipinggirkan atau diketepikan. Oleh yang demikian, walaupun Donald Trump telah keluar daripada perjanjian ini, kita akan teruskan usaha-usaha untuk meningkatkan hubungan perdagangan dengan Amerika Syarikat dan juga negara-negara ASEAN dan negara-negara lain. Prioriti kita pada masa ini ialah RCEP iaitu satu perjanjian yang melibatkan ASEAN 10 negara, enam negara lain yang disebutkan tadi. Kemajuannya ada tetapi belum membanggakan dan kita harap kalau tidak dapat kita selesaikan tahun ini, *insya-Allah* pada suku pertama tahun depan ataupun *first half*, dengan izin, kita akan dapat muktamadkan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, hala tuju kita ialah untuk meneruskan hubungan rapat dari segi ekonomi dengan Amerika Syarikat, tingkatkan usaha untuk meningkatkan integrasi antara Malaysia dengan negara ASEAN. Bagi Malaysia yang menjadi pemacu kepada pertumbuhan antara lain ialah perdagangan dan juga pelaburan. Oleh yang demikian, Malaysia akan terus mencari peluang-peluang baharu untuk meningkatkan hubungan perdagangan dengan negara-negara seluruh dunia. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih kerana sudi datang untuk menjawab soalan secara sendiri. Silakan soalan tambahan.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, bersama-sama kita pada pagi ini juga ada rombongan daripada sekolah-sekolah Putrajaya dan guru-guru. Selamat datang ke Parlimen...  
[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, saya berpandangan keputusan AS atau Amerika Syarikat ini bakal mengukuhkan lagi kedudukan China sebagai peneraju ekonomi di Asia Pasifik. Menerusi beberapa inisiatif liberalisasi pandangan pelbagai hala khususnya membabitkan RCEP dan Kawasan Perdagangan Bebas Asia Pasifik (FTAAP). Soalan tambahan saya ialah apakah implikasi terhadap pengukuhan peranan negara China ke atas negara ASEAN khususnya negara kita yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka? Adakah Malaysia masih berminat untuk meneruskan TPPA dan negara yang masih setia tanpa penglibatan Amerika Syarikat? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor. Pertamanya, TPPA belum- dengan izin, *dead* lagi lah. Masih lagi hidup dan beberapa mesyuarat akan diadakan dan pada hujung bulan ini akan diadakan mesyuarat di Australia melibatkan 11 buah negara. Keputusan seterusnya akan dikemukakan kepada mesyuarat Menteri, ketua-ketua negara APEC di Hanoi pada bulan November akan datang. Jadi belum dibuat keputusan muktamad tentang perkara ini.

Jadi Malaysia terlibat dalam usaha-usaha ini. Kita mengambil pendirian terbuka, maknanya kalau TPP ini jadi maka kita okey kerana kita telah melaburkan banyak masa dan kewangan tetapi kalau tidak menjadi kenyataan maka kita kena fikirkan cara-cara lain untuk meningkatkan perdagangan. Jadi ia belum lagi 100 peratus mati, masih lagi hidup dan masih lagi dalam perbincangan tanpa melibatkan Amerika Syarikat.

Kedua, berkaitan dengan China. Banyak para penganalisis mengatakan bahawa apabila Donald Trump menjadi presiden dan apabila Amerika mengambil sikap untuk memberikan perhatian lebih kepada Amerika Syarikat ataupun, dengan izin, dasar *America First*- nombor satu Amerika dan dasar *bilateralism* iaitu hubungan dua hala, bukan *multilateralism*. Maka peranan Amerika di dunia pada umumnya berpendapat bahawa ia berkurangan dari segi ekonomi dan juga dari segi politik.

Oleh itu ada berpandangan bahawa ini memberikan ruang kepada China untuk memainkan peranan lebih besar. Itu sebabnya ada OBOR, penubuhan AIIB. AIIB ini *Asian Infrastructure Investment Bank*, pejabatnya di Beijing yang ada berpendapat akan menandingi Bank Dunia dan Bank Asia.

Jadi ini semua manifestasi kebangkitan China. Itu analisis. Banyak analisislah, ada yang menyatakan bahawa ini akan mendatangkan kebaikan kepada kita, ada yang kata ini mudarat. Apa pun Malaysia menghargai hubungan dengan negara China. Negara China nombor satu dari segi perdagangan, hubungan Malaysia adalah baik dan Malaysia memainkan peranan yang cukup konstruktif dan positif dalam memastikan bahawa hubungan antara China dan ASEAN sentiasa baik demi *win-win* supaya China mendapat manfaat, ASEAN pun boleh terus hidup dalam keadaan aman dan makmur.

Jadi Malaysia mengambil pendekatan terbuka termasuklah dalam bidang ekonomi. Hubungan ekonomi dengan negara China cukup besar kerana negara China merupakan rakan dagang pertama, nombor satu. Dalam bidang pelaburan pun kita lihat peningkatan dalam pelaburan negara China ke Malaysia. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Muhamad bin Mustafa:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah apakah alasan sebenar yang menyebabkan Amerika Syarikat menarik diri daripada TPPA ini dan apakah justifikasinya? Soalan yang kedua ialah hasil daripada penarikan diri ini, apakah kesannya kepada negara, kita baik dari segi ekonomi dan juga politik? Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad bin Mustafa. Pertama, sebab kenapa Donald Trump menarik diri ini kerana beliau berpendapat bahawa TPP ini merugikan Amerika, menguntungkan Malaysia, menguntungkan Jepun dan negara-negara lain. Itu utamanya.

Kedua, dasarnya ialah dia tidak mahu terlibat dalam rundingan-rundingan yang dipanggil *multilateral* dia mahu *bilateral*. Ada masalah dengan China, Amerika dengan China. Ada isu dengan Malaysia, Malaysia dengan Amerika. Itu dasar dia.

Jadi yang pertama, tarik balik kerana beliau berpendapat bahawa ini tidak menguntungkan Amerika. TPP akan menyebabkan bahawa peluang pekerjaan akan dieksport ke negara lain. Syarikat-syarikat Amerika akan berpindah ke Vietnam, ke Malaysia untuk mendapat peluang. Jadi Trump berpendapat bahawa ia merugikan Amerika, maka itu sebabnya.

Kesan penarikan Amerika Syarikat, kita rasa tidak banyak, tidak ada. Pertama, belum lagi berjalan dan keduanya, kita sedang meningkatkan usaha untuk menambah baik hubungan antara kita dengan negara ASEAN dan kawasan rantau itu termasuk negara China. Jadi kesannya *minimal* dan kita yakin bahawa Malaysia akan terus mendapat faedah daripada hubungan yang lebih baik dengan Amerika Syarikat dan juga negara China dan negara-negara lain. *Thank you*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin.

**Datuk Ng Chiang Chin:** Selamat pagi, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya membuka soalan, saya ingin mengalu-alukan kedatangan Pertubuhan Pembangunan Sosial dan Ekonomi daerah Larut, Matang dan Selama ke Dewan Negara... [*Tepuk*] Diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini. Sekian, terima kasih.

**3. Datuk Ng Chiang Chin** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan:

- (a) jumlah siswazah universiti yang menganggur dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian bagi tahun 2016, dan apakah kursus-kursus yang mempunyai kadar pengangguran yang paling tinggi di kalangan graduan; dan
- (b) apakah langkah-langkah kerajaan untuk membantu mereka dan memperbaiki sistem yang sedia ada dengan kerjasama institusi-institusi pengajian tinggi dalam negara supaya melahirkan siswazah yang berpengetahuan dan berkemahiran selaras dengan permintaan pasaran.

**Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin bersama dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin pada 21 Ogos 2017 memandangkan isu yang dibangkitkan adalah berkaitan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Mengikut kajian yang telah dijalankan oleh kementerian iaitu Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) sejak tahun 2012, peratus kebolehpasaran graduan telah meningkat sebanyak 2.9 peratus. Pada tahun 2015 hingga tahun 2016, peningkatan ialah sebanyak 1.4 peratus. *Alhamdulillah* kebolehpasaran graduan sekarang telah mula menjadi bertambah baik. Jumlah yang menganggur sebagaimana persoalan yang dikemukakan sejak enam bulan selepas tamat pengajian pada tahun 2016 ialah 54,103 orang. Kursus-kursus yang mempunyai kadar pengangguran yang paling tinggi ialah:

- (i) pendaftaran perniagaan;
- (ii) sains gunaan;
- (iii) pengurusan dan juga sumber manusia;
- (iv) perakaunan; dan
- (v) sastera dan sains sosial.

Banyak langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan.

■1050

Saya hendak beri peringatan dan juga angka-angka itu ialah angka-angka yang kita dapati bukan hanya daripada IPTA tetapi juga angka-angka yang datangnya daripada universiti dan juga kolej swasta yang digabungkan bersama. Langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian ialah untuk mengatasi isu-isu personaliti, isu-isu komunikasi kreativiti dan juga di samping pencapaian akademik.

Pertama, yang dilakukan oleh kementerian ialah untuk mewujudkan *integrated cumulative grade point average* (iCGPA). Cara menilai pelajar yang melebihi pencapaian akademik mereka dengan menilai keusahawanan mereka, dengan menilai cara komunikasi mereka, menilai kemahiran sosial praktikal mereka. Bermakna menilai pelajar dengan lebih holistik.

Kedua, menggunakan pendekatan "2u2i" iaitu 2 tahun universiti + 2 tahun industri, iaitu mereka boleh bekerja semasa belajar.

Ketiga, menggunakan Program CEO@Faculty. Di mana CEO-CEO daripada syarikat-syarikat yang besar seperti Khazanah, Maybank, CIMB, AirAsia, Motorola, Shell, Samsung, Huawei, tidak ketinggalan KSU, KSP, KSN, Ketua Polis Negara yang datang mengajar ke universiti.

Di samping itu juga, pusat-pusat kecemerlangan diwujudkan di universiti, industri COE dengan Samsung dan UTeM. Pensyarah-pensyarah dikenakan, dipastikan agar mereka mendapat pengalaman industri di mana pada tahun 2023 nanti 30 peratus daripada pensyarah universiti seharusnya mendapat satu tahun pengalaman industri dan 50 peratus daripada politeknik perlu mendapat pengalaman industri.

Kita juga mahu melaksanakan program *gap year* agar pelajar mendapat pengalaman hidup, pengalaman bekerja secara sukarelawan.

Kita mengenakan *framework jobs creator* agar pelajar boleh menjadi usahawan selepas mereka berhenti belajar dan juga memperkasakan program-program bahasa Inggeris di universiti-universiti.



*Insya-Allah* dengan pendekatan-pendekatan ini kita akan pastikan kita akan melahirkan pelajar-pelajar yang lebih holistik, berciri keusahawanan dan juga seimbang untuk mengatasi isu-isu dan meningkatkan lagi kebolehpasaran pelajar-pelajar apabila mereka bergraduasi nanti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat soalan tambahan.

**Datuk Ng Chiang Chin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas penjelasan mengenai langkah-langkah mengenai masalah pengangguran di kalangan mahasiswa.

Soalan tambahan saya. Selain daripada kejayaan Kementerian menangani isu pengangguran mahasiswa, adakah ada lagi pencapaian lain yang dicapai Kementerian pada ketika ini yang boleh dibanggakan? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** *Alhamdulillah*, terima kasih Yang Berhormat. *Alhamdulillah* sejak kebelakangan ini kita melihat beberapa kejayaan di peringkat Kementerian yang kita menggunakan naratif UMAR. Ada nama "Umar" sini?

"U" – bercakap tentang peningkatan ranking U21 iaitu *country ranking*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, di mana sejak tahun 2012 ranking Malaysia di *system U21, country ranking* kita ialah tangga 36. Tahun ini kita meningkat ke tangga 25. Peningkatan 11 anak tangga. Ini U21.

"M" ialah Universiti Malaya. Universiti Malaya terus meningkat sejak empat tahun yang lalu di tangga 167 pada tahun 2013, meningkat ke tangga 114 pada tahun ini. *Insya-Allah*, dalam masa setahun, dua lagi, Universiti Malaya akan menjadi *top 100 in the world, insya-Allah* Yang Berhormat... [Tepuk]

"A" di *ASEAN University* di kalangan lapan universiti terbaik di ASEAN, lima daripada Malaysia. Kita di tangga tiga, empat, lima, tujuh dan lapan dalam Asia. Bermakna lima daripada lapan yang terbaik di Asia ialah di negara kita Malaysia, amat membanggakan.

"R" untuk *Research University*, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Kita ada lima buah *research university* iaitu USM, UM, UKM, UTM dan UPM. *Research university* kita ialah satu peratus yang terbaik di dunia di kalangan 26,000 universiti seluruh di dunia.

Bahawa UMAR adalah Yang Berhormat adalah antara kejayaan-kejayaan kita-U21 - *University Ranking*; M - Universiti Malaya; A - *Asian Universities*; R - *Research University*, mengatakan- *alhamdulillah* sistem pendidikan negara telah bertambah baik. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu kita patut mengucapkan tahniah dan syabas kepada KPT di bawah Menterinya, Yang Berhormat Dato' Seri Haji Idris Jusoh. Ingin saya jelaskan sebagai seorang akademik, memang saya memerhatikan perkembangan dan *alhamdulillah* di bawah Yang Berhormat Dato' Seri Haji Idris Jusoh, saya boleh *confirm* yang kita memang telah mencapai ke tahap yang amat membanggakan. *Insya-Allah* kita akan memperkukuhkan pada masa-masa hadapan, tahniah.

Yang Berhormat Menteri, seperti yang kita ketahui bahawa di peringkat sekolah rendah dan menengah, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah pun memulakan konsep KBAT iaitu kemahiran berfikir aras tinggi untuk memastikan generasi ini akan bersedia untuk menghadapi dunia global di hari muka.

Persoalan saya, kalau sekiranya anak-anak murid di peringkat rendah dan menengah dibekalkan dengan KBAT untuk kesinambungan apabila pelajar-pelajar ini masuk ke universiti supaya mereka juga bersedia. Apakah tidak mungkin kita juga meneliti kembali kandungan-kandungan kursus supaya murid-murid ini juga dapat meneruskan konsep KBAT ini apabila mereka masuk ke universiti kelak. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Sebenarnya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah itu benar kerana apa yang dipelajari di peringkat sekolah, KBAT atau, dengan izin, *high order thinking skill* memang kita teruskan di peringkat universiti.

Oleh sebab itulah kita memulakan dengan mewujudkan *integrated CGPA*. Saya hendak katakan *integrated CGPA*, 2u2i dan CEO@Faculty Program adalah program-program yang kita lahirkan di negara kita. Dunia tidak ada lagi. Sekarang dunia melihat bagaimana kita melaksanakan *integrated CGPA*. Mengatakan kita tidak perlu menunggu Harvard, tidak perlu menunggu Oxford, Cambridge untuk melaksanakannya.

Bila kita merasakan mengikut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ataupun *blueprint* kita, kita perlu melahirkan pelajar-pelajar yang lebih holistik. Sistem CGPA tidak dapat melahirkan sistem tersebut. Sebab itu kita melahirkan *Integrated CGPA* yang mengukur, menilai pelajar bukan hanya dari segi akademik tetapi saya katakan tadi keusahawanannya, kemahiran hidupnya, kemahiran sosial, kemahiran komunikasi, kemahiran berfikir Yang Berhormat.

Itu mengatakan bahawa memang pertanyaan Yang Berhormat itu kena pada tempatnya dan *integrated CGPA*, CEO@Faculty, semua program-program ini apabila mereka ada peluang bekerja memang mereka perlu berfikir. Kalau kelas ia hanya perlu menjawab. Kalau jawab apa yang pensyarah kata betul, betullah dia. Tidak ada ia-perbezaannya ia dalam alam pekerjaan. Memang telah dilaksanakan, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Datuk Yoo Wei How.

**Datuk Yoo Wei How:** Terima kasih, diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya sikit soalan berkenaan juga dengan pengangguran. Akan tetapi, pengangguran itu merupakan satu jenis sebagai pengangguran yang tidak secara langsung. Kita mendapati bahawa kebanyakan- banyak daripada graduan-graduan terutamanya daripada Fakulti Perubatan Pergigian ataupun Fakulti Farmasi. Di mana graduan-graduan terpaksa menjalankan latihan mandatori ataupun *housemanship*, dengan izin, di hospital-hospital ataupun klinik-klinik kesihatan.

Akan tetapi, kita sering menerima aduan bahawa graduan-graduan tersebut tidak menerima tawaran daripada kementerian ataupun daripada pihak hospital atau klinik kesihatan untuk menjalankan latihan *housemanship* mereka di hospital-hospital kerajaan itu. Saya minta pandangan daripada kementerian, adakah kementerian mempunyai apa-apa cara penyelesaian terhadap masalah ini. Sekian sahaja, terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Memang isu itu telah kita bincang di peringkat Kabinet dan Kementerian Kesihatan sedang mengambil tindakan untuk memastikan tempoh semasa menunggu itu dipendekkan dengan cara penawaran kerja secara kontrak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin.

**Datuk Zali bin Mat Yasin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kebenaran Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sebelum saya mengemukakan soalan. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada pasukan negara Malaysia semalam yang meraih kilauan emas sulung menerusi acara *chinlone linking* yang turut menjadi pingat emas pertama Sukan SEA Kuala Lumpur 2017... [Tepuk] Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

■1100

4. **Datuk Zali bin Mat Yasin** minta Menteri Kewangan menyatakan, pendirian mengenai isu liberalisasi tarif motor mulai 1 Julai 2017 di mana harga untuk produk itu akan diliberalisasikan. Apakah manfaat kepada rakyat khususnya golongan muda yang baru sahaja memiliki kenderaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Kewangan II [Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon untuk menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin bersama soalan daripada Ahli Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal dan Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan memandangkan ia menyentuh perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, polisi liberalisasi diperkenalkan bertujuan untuk memastikan pengguna mendapat akses kepada pelbagai jenis perlindungan motor secara adil dan mampan berdasarkan profil risiko masing-masing. Pada fasa pertama liberalisasi ini, ia telah diperkenalkan pada Julai 2016. Seterusnya di bawah fasa kedua, ia berkuat kuasa sejak 1 Julai 2017.

Liberalisasi kadar premium produk ini menyediakan perlindungan komprehensif dan juga perlindungan pihak ketiga bersama dengan perlindungan kerugian akibat daripada kebakaran, kecurian telah dilaksanakan yang mana penanggung insurans masing-masing dibenarkan menentukan kadar premium yang berpatutan dengan faktor risiko yang lebih luas daripada yang sedia ada iaitu seperti nilai diinsuranskan, keupayaan enjin kenderaan, umur kenderaan dan umur pemandu. Ini termasuklah ciri-ciri keselamatan kenderaan dan tempoh kenderaan yang dipandu.

Untuk soalan Yang Berhormat mengenai, apakah manfaat kepada rakyat khususnya golongan muda yang baru sahaja memiliki kenderaan?

Untuk maklumat Yang Berhormat, manfaat daripada segi takrif motor secara berperingkat ini adalah seperti berikut:

- (i) penentuan kadar premium yang lebih adil berdasarkan perlindungan yang diperlukan oleh pengguna.
- (ii) menyelaraskan subsidi bersilang, *cross subsidies* yang secara ketara pada masa ini di mana sesetengah pemegang polisi membayar premium lebih mahal daripada yang sepatutnya untuk menyokong pemandu dan kenderaan yang berisiko tinggi.
- (iii) menggalakkan amalan pengurusan risiko yang lebih baik dalam kalangan pengeluar kenderaan dan pengguna termasuk memupuk kesedaran yang lebih mendalam tentang keselamatan jalan raya; dan
- (iv) menyediakan perkhidmatan yang lebih baik serta penawaran produk motor yang lebih berinovatif kepada pengguna akibat persaingan di antara penanggung-penanggung insurans dan memberi peluang kepada pengguna untuk membeli produk-produk baru yang tidak ditawarkan di bawah tarif.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, premium secara umumnya akan menurun apabila seseorang itu mempunyai pengalaman yang lebih besar dan lebih tinggi dibandingkan mereka yang baru mendapat lesen memandu ataupun pemandu-pemandu yang kurang berpengalaman.

Walau bagaimanapun, untuk golongan muda yang baru sahaja mendapat lesen, sudah tentu dia tidak mempunyai *track record* dari segi memandu, maka mereka juga boleh memperoleh insentif diskaun yang ditawarkan oleh sesetengah penanggung insurans apabila mereka membeli insurans ini dengan mengambil produk-produk seperti insurans baru yang dipanggil telematik. Telematik ini ia boleh dapat merekodkan *behaviour* kita sebagai pemandu. Kemudian apabila kita buat *renewal* dan telematik ini akan menunjukkan data-data bahawa kita walaupun tidak mempunyai- baru mendapat satu, dua tahun lesen tetapi *behaviour* kita memandu ini akan menyebabkan premium boleh turun.

Di samping itu, kepada golongan-golongan muda yang *IT savvy* ini apabila beli insurans, dia tidak perlu lagi pergi kepada ejen, dia boleh beli *online* dan pihak penanggung insurans akan bagi *10 percent discount direct* kerana membeli insurans melalui *online*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat, soalan tambahan.

**Datuk Zali Bin Mat Yasin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah pun menjawab soalan saya tadi. Soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri, sekiranya berlaku suatu pertikaian ataupun keraguan di antara pihak pengguna dan juga insurans, ke manakah pengguna ini hendak dapat ataupun membuat aduan? Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, selalunya kita ada *Motor Mediation Bureau* yang akan mengendalikan isu-isu yang berkaitan dari segi *dispute* di antara *insurance company* dan juga pemegang-pemegang polisi.

Selalunya *dispute* ini akan juga dipantau oleh pihak Bank Negara Malaysia. Sekiranya mereka tidak dapat buat penyelesaian, dia boleh datang kepada pihak Bank Negara. Selalunya kes-kes ini apabila dikendalikan oleh pihak Bank Negara ia dapat diselesaikan dengan baik terutamanya kita mengambil kira fakta-fakta yang telah dikemukakan oleh kedua-dua belah pihak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri sendiri datang, tidak ada soalan tambahan? Yang Berhormat Dato' Fahariyah binti Hj Md Nordin, silakan.

**5. Dato' Fahariyah binti Hj Md Nordin** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah langkah dan tindakan yang diambil oleh kerajaan dalam memastikan sisa buangan industri di tapak-tapak pelupusan dan pengumpulan sisa tidak mencemar sungai atau sumber air mentah sebagaimana yang berlaku di Simpang Renggam pada Jun 2017 lalu.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Fahariyah binti Hj Md Nordin di atas dua persoalan yang ditimbulkan dalam soalan Yang Berhormat kemukakan.

Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, bahawa pihak kementerian Yang Berhormat sentiasa mengambil inisiatif bagi memastikan supaya pihak industri menguruskan segala sisa industri yang dihasilkan secara sistematik dan tidak memberikan implikasi kepada alam sekitar.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, sisa buangan industri ini Yang Berhormat ia terdiri daripada dua jenis iaitu sisa pepejal perindustrian dan sisa yang dikategorikan sebagai sisa buangan terjadual, dua jenis sisa industri.

Sisa pepejal perindustrian sebagaimana yang ditakrifkan di dalam Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 ataupun kita panggil Akta 672 adalah apa-apa juga sisa pepejal yang dihasilkan daripada mana-mana aktiviti perindustrian seperti sisa daripada industri fabrik, industri pembuatan makanan, industri berat dan juga sebagainya. Manakala sisa buangan terjadual adalah sebagaimana yang telah pun diperihalkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127].

Pada masa kini Tuan Yang di-Pertua, kaedah pelupusan sisa pepejal yang dihasilkan oleh pihak industri iaitu sisa pepejal perindustrian adalah di bawah tanggungjawab premis industri tersebut, yang mana pihak industri perlu melantik penyelia ataupun pengusaha perkhidmatan pungutan sisa pepejal perindustrian yang telah didaftarkan dengan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam untuk melupuskan sisa-sisa industri mereka di tapak pelupusan yang dibenarkan.

Sebagai usaha untuk mengawal pengurusan sisa industri ini Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedang dalam proses akhir penyediaan kepada peraturan-peraturan pengurusan sisa pepejal dan juga pembersihan awam iaitu Skim Bagi Sisa Pepejal Perniagaan 2017. Peraturan ini Tuan Yang di-Pertua, digubal dengan tujuan untuk pertama, mengawal selia sisa pepejal komersial, yang kedua, industri dan sisa institusi. *Insyaa-Allah*, dalam masa terdekat peraturan ini akan dapat diselesaikan bagi tujuan pengawalseliaan ke atas dua jenis sisa yang saya nyatakan tadi.

Ini adalah bagi memastikan Tuan Yang di-Pertua, sisa pepejal tersebut dapat diuruskan dengan teratur dan tidak akan sama sekali mencemari alam sekitar. Manakala bagi sisa buangan terjadual Yang Berhormat Senator, daripada industri dia kawal selia di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 iaitu Akta 127 yang mana kontraktor kutipan sisa yang dilantik perlu menghantar sisa-sisa tersebut ke tapak pelupusan sisa buangan terjadual yang telah pun ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Ini bukan di bawah kementerian saya.

Kepada persoalan kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator, bagaimana berkaitan dengan pengumpulan sisa? Untuk makluman Yang Berhormat, dalam memastikan pengumpulan sisa pepejal yang dihantar tidak mencemari sungai dan tidak mencemari sumber air mentah, sisa pepejal yang dikutip ini akan dihantar ke tapak-tapak pelupusan *sanitary* untuk dilupuskan.

Tuan Yang di-Pertua, tapak pelupusan *sanitary* ini akan dilengkapi dengan sistem *liner* untuk mengawal *leachate* iaitu air sampah daripada mencemari air bawah tanah.

Manakala paip pengumpulan *leachate* adalah untuk mengalirkan *leachate* ke loji rawatan *leachate*. Tapak pelupusan ini juga dilengkapi dengan sistem pengumpulan gas bagi mengawal pelepasan gas metana yang terhasil daripada proses penguraian sisa.

#### ■1110

Loji rawatan *leachate* ini Tuan Yang di-Pertua ataupun kita panggil *leachate treatment plants* (LTP) berfungsi untuk merawat *leachate* supaya ia menepati kepada standard yang telah pun ditetapkan dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 sebelum dilepaskan ke sungai atau pun kepada mana-mana sumber air yang ada. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah pengawalan ini dilaksanakan bagi memastikan *leachate* daripada tapak pelupusan tidak mencemarkan sungai ataupun sumber air mentah serta tidak mencemarkan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan mengambil tindakan ke atas mana-mana operator sekiranya didapati berlaku pelepasan *leachate* yang tidak dirawat dan operator tapak pelupusan berkenaan akan dikenakan penalti berdasarkan kepada *key performance indicator*, dengan izin, yang telah pun ditetapkan oleh pihak kementerian. Merujuk kepada contoh yang diberikan oleh Yang Berhormat, perkara yang ketiga, kes pencemaran sungai yang berlaku di Simpang Renggam pada bulan Jun 2017.

Saya dah turun ke Tapak Pelupusan Sampah Ladang CEP Renggam ini Yang Berhormat. Insiden yang berlaku ini dia adalah disebabkan benteng yang dibina di tapak berkenaan itu pecah kerana hujan dan sebagainya kerana Johor sekarang hujan selalu, jadi benteng tanah itu pecah dan akhirnya ia mengakibatkan limpahan *leachate* daripada Tapak Pelupusan Sampah Ladang CEP itu. Kes pencemaran sungai berkenaan bukan disebabkan oleh pelupusan sistem buangan industri.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedang melaksanakan tindakan jangka pendek untuk kita bina ban baru untuk kukuhkan lagi kolam takungan sementara *leachate* dan yang kedua, untuk membuat *recirculation leachate*, dengan izin, ke kolam takungan yang lebih rendah untuk kita alihkan *leachate* itu, dan kemudian *leachate* itu akan dihantar ke Tapak Pelupusan Sanitari Seelong yang ada. Jadi ini antara tindakan-tindakan yang akan dilakukan sehinggalah selesai pembinaan tapak pelupusan baru di Bukit Payung, Batu Pahat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan soalan tambahan, Yang Berhormat.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dengan jawapan yang cukup panjang lebar dan *detail* dan juga mengucapkan tahniah kepada Menteri kerana sangat prihatin turun ke padang apabila berlaku pencemaran di Sungai Benut di Simpang Renggam.

Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah KPKT melalui SWCorp dan pihak berkepentingan seperti syarikat pengurusan dan pelupusan sisa pepejal, pembersihan awam dan PBT dapat menyokong teras enam dalam Dasar Sumber Air Negara dengan memastikan semua tanggungjawab statutori serta penguatkuasaan dan galakan berterusan dalam memastikan jaminan kelestarian sumber air di seluruh lokasi PBT tidak tercemar.

Soalan saya yang kedua kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah prestasi pelaksanaan Program Pengasingan Sisa di Punca dilaksanakan dan apakah tindakan undang-undang yang akan diambil ke atas mereka yang gagal mengasingkan sisa di punca ini. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tiga soalan ya Yang Berhormat Senator? Panjang itu. Okey, yang pertama tadi saya dah sebutkan apa tindakan yang dilakukan oleh pihak kementerian. Tadi panjang lebar dah, Yang Berhormat Senator pun sebut jawapan saya tadi panjang lebar. Saya dah sebutkan. Jadi, itu adalah peranan dan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan yang diletakkan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dan apakah tanggungjawab kerajaan negeri pula kerana ia bukan satu tanggungjawab kepada satu pihak sahaja.

Jadi bila Kerajaan Persekutuan ada tanggungjawab, kerajaan negeri juga ada tanggungjawab dan kerajaan negeri bekerjasama untuk sediakan tapak-tapak ini. Sediakan tapak-tapak bagi pembinaan fasiliti tapak-tapak pelupusan sanitari.

Buat masa ini Tuan Yang di-Pertua, terdapat banyak lagi tapak pelupusan yang dikategorikan sebagai *dump site*. Belum lagi dikategorikan sebagai tapak pelupusan sanitari. Pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam sedang dalam usaha untuk bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri untuk kita tingkatkan lagi kualiti *dump sites* yang sedia ada untuk ditingkatkan menjadi tapak pelupusan sanitari yang mengikut kepada piawaian yang ada di peringkat kementerian. Itu yang pertama.

Daripada segi urusan pihak berkuasa tempatan, kerana bila saya turun ke Tapak Pelupusan Sampah Ladang CEP Renggam ini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok timbunan bukit tinggi sampah yang ada, dia terdiri daripada kebanyakannya semua adalah beg-beg plastik. Kalau Yang Berhormat pergi, penuh dengan beg plastik. Timbunan tinggi menggunung beg plastik. Jadi apa usaha yang dapat dijalankan, Tuan Yang di-Pertua? Selain daripada kos pengurusan sisa pepejal ini ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan, jadi pihak berkuasa tempatan perlu melaksanakan program bersama dengan pihak SWCorp. Kempen, galakan orang ramai supaya mereka belajar menguruskan sisa pepejal di rumah dengan baik supaya mereka akan dapat bersama-sama dalam program asingkan sampah yang boleh di kitar semula.

Jadi kepada persoalan yang kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator, saya nak jelaslah bahawa penguatkuasaan pengurusan sisa pepejal di punca ini Yang Berhormat, secara mandatori telah pun dimulakan pada 1 Jun 2016 ke atas tujuh negeri yang mengguna pakai Akta 672 ini dan negeri-negeri yang berkenaan adalah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Pahang, Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Kedah dan Perlis.

Menerusi penguatkuasaan tersebut, mana-mana premis yang didapati gagal untuk mengasingkan sisa pepejal mereka daripada rumah iaitu di punca mengikut kategori yang ditetapkan iaitu kertas, plastik dan lain-lain akan berdepan dengan tindakan undang-undang. Apakah tindakan undang-undang yang akan dikenakan? Ia mengikut kepada fasa-fasa. Daripada mula kita memperkenalkan, kita letakkan secara mandatori pengasingan di punca ini. Mereka yang gagal akan dikenakan tindakan. Bermula daripada 1 Jun 2016, kegagalan mengasingkan sisa pepejal boleh menyebabkan tindakan undang-undang.

Yang pertama, isi rumah bertanah atau *landed property*, dengan izin. Isi rumah bertanah, kompaun kesalahan kali pertama RM50. Kompaun kesalahan kali kedua RM100, kompaun kesalahan bagi kali ketiga RM500. Bagi mana-mana isi rumah yang bertingkat strata ataupun *high rise*, kompaun kesalahan kali pertama RM100. Kompaun kesalahan bagi kali kedua RM200 dan kompaun kesalahan kali ketiga RM500 dan bagi kesalahan kali keempat dan seterusnya tak ada kompaun lagi Tuan Yang di-Pertua, kita akan bawa terus ke mahkamah bagi tujuan pendakwaan dan jika disabitkan kesalahan, boleh didenda sehingga RM1,000.

Jadi ini antara usaha-usaha yang dijalankan dan saya mengharap mudah-mudahan Yang Berhormat Senator-Yang Berhormat Senator yang ada di Dewan yang mulia ini akan dapat bersama membantu untuk menggerakkan kempen kesedaran dan perubahan sikap di kalangan masyarakat supaya masyarakat bijak menguruskan sisa pepejal mereka. Keduanya, kurangkan jumlah sisa yang akan dibawa ke tapak pelupusan apabila mereka mempraktikkan amalan kitar semula dan akhirnya dia akan dapat memelihara sumber alam semula jadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim.

**Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan soalan dan jawapan yang diberikan oleh Menteri sebentar tadi. Saya fokus dia punya tangan angkat tinggi, baju angkat, mungkin nak tunjuk baju cantik ataupun baju baru tetapi walau bagaimanapun, saya nampak masalah pelupusan sampah ini semua negeri pun menghadapi masalah yang sama kerana timbunan sampah ini makin hari makin bertambah. Tempat untuk kita buang kurang mendapat tempat yang sesuai kerana pembangunan makin hampir dengan semua dalam keadaan- dan rakyat mahukan bahawa keselesaan hidup tanpa sampah dan sebagainya.

Soalan saya, bagaimana masalah pelupusan sampah yang ada di Sungai Udang dan apakah tindakan penyelesaian terhadap isu yang berbangkit. Mungkin Menteri ada jawapan yang tepat untuk penyelesaian kepada isu ini. Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita dapat uruskan kempen kesedaran dan perubahan sikap di kalangan masyarakat ini, tingkatkan kadar kitar semula dan uruskan pengurusan pembuangan sisa pepejal daripada punca di rumah, aturkan sisa pepejal dengan baik, yang boleh di kitar semula dan yang boleh kita letakkan dalam tong sampah yang disediakan itu adalah sampah-sampah domestik. Makna sampah daripada dapur.

Kalau itu dapat dilakukan, sokongan daripada masyarakat tempatan, *insya-Allah* semua tapak pelupusan yang ada di Malaysia ini, jangka hayatnya akan lebih panjang kerana sampah yang sepatutnya akan dihantar ke tapak pelupusan, yang lain boleh di kitar semula dan yang boleh di kitar semula itu boleh membuat tabungan untuk penambahan sedikit sumber pendapatan baru agaknya untuk tabungan anak-anak sebagai contoh, amalan kepada anak-anak.

Berbangkit kepada persoalan Tapak Pelupusan Sanitari Sungai Udang, Melaka. Saya dah agak dah mesti Dato' Salim akan tanya. Kalau bukan Dato' Salim, Datuk Zali yang akan tanya. Ha! Dua orang ini. Jadi saya ucapkan terima kasih.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka telah pun membangkitkan isu ini. Kalau kita baca dekat *Facebook* pun ada, telah dibangkitkan. Maka kerana itu Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri saya, Yang Berhormat Tan Sri Haji Noh bin Omar selaku Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun membuat lawatan kerja bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka. Jadi dua pemimpin ini telah turun untuk melihat kepada Tapak Pelupusan Sanitari Sungai Udang yang menjadi isu yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

#### ■1120

Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim beberapa tindakan yang akan dilakukan dengan segera. Satu, Kerajaan Persekutuan akan mengambil langkah segera untuk melaksanakan projek naik taraf tapak tersebut dengan membina empat sel yang baru secara berperingkat dengan keseluruhan kawasan yang seluas 34.5 hektar itu, itu yang pertama.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah segera kita hendak selesaikan cepat kerana Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kata kena selesai cepat sebelum pilihan raya. Kalau tidak, dia jadi isu yang akan mungkin diputar belitkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Jadi, sebagai langkah segera kerajaan telah pun memperuntukkan sebanyak RM16.5 juta Yang Berhormat Dato' untuk menaik taraf sel 1A dan membina sel tambahan 1B yang akan bermula pada bulan Ogos 2017 ini dalam masa yang terdekat ini. Keseluruhan projek ini akan mengambil masa 11 bulan iaitu tempoh tiga bulan bagi peluasan projek manakala tempoh lapan bulan bagi pembinaan sel tambahan yang saya nyatakan.

Terakhir Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian juga telah mengemukakan permohonan peruntukan sebanyak RM26.8 juta kepada EPU bagi pembinaan sel tambahan baru iaitu 1C dan 1D. Yang kita akan buat ini 1A dengan 1B dan yang kita hendak mohon peruntukan baru ini ialah bagi 1C dan 1D.

Saya harap selepas ini selesailah masalah tapak pelupusan Sungai Udang *dan insya-Allah* kita boleh menang semua kerusi di Melaka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... [*Tepuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri ini menjawab dengan mengangkat tangan tetapi dia cerdik menjawab. Tahniahlah Yang Berhormat Menteri.

**6. Tuan Wilfred Yong Chen Leong** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah rancangan kerajaan untuk menaik taraf keupayaan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di Sabah memandangkan tugas harian yang semakin mencabar setiap hari.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Wilfred Yong Chen Leong sahabat saya yang bertanya soalan.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Senator yang baru dilantik dan juga kawan-kawan yang ada di sana yang hadir bersama. *Ahlan wa sahan, zao-an, vanakkam* kepada semua yang hadir.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana semua Ahli Dewan sedia maklum, *Malaysia Coast Guard* atau Pengawal Pantai Malaysia merupakan agensi tunggal yang berfungsi bagi menguatkuasakan undang-undang persekutuan dan melaksanakan operasi penyelamat di zon maritim Malaysia yang melibatkan perairan negara di Selat Melaka, Laut China Selatan, Laut Sulu dan Laut Sulawesi.

Justeru itu, kerajaan telah merancang beberapa pembangunan di Sabah terutamanya di kawasan ESSCOM. Ini adalah sejajar dengan misi ESSCOM iaitu mengekalkan dan meningkatkan keselamatan di kawasan Timur Sabah dari sebarang ancaman melalui kerjasama strategik antara agensi kerajaan bagi memacu pembangunan dan kesejahteraan rakyat. Saya kini terdapat beberapa projek pembangunan yang dirancang dan telah dijalankan dengan baik dalam usaha kerajaan menaik taraf keupayaan pengoperasian *Malaysia Coast Guard* di perairan Sabah.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, kerajaan telah meluluskan peruntukan kewangan kepada *Malaysia Coast Guard* bagi aset-aset laut iaitu perolehan enam buah kapal ronda generasi baru NGPC yang panjangnya 45 meter dan tiga buah kapal peronda luar pantai OPV panjangnya 85 meter. Tiga buah kapal NGPC dijangka siap 2018 dan sebuah OPV dijangka siap tempoh tiga tahun lagi akan ditempatkan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu KM Arau yang panjangnya 87 meter telah pun ditempatkan di Kota Kinabalu, kini sedang beroperasi meronda Laut China Selatan dan boleh diatur gerak ke kawasan ESSZONE pada bila-bila masa di perlukan. Pada masa yang sama pembinaan kuarters dan pangkalan di Wilayah Sabah daerah maritim Kota Kinabalu dan juga SWASLA juga dalam perancangan untuk dibangunkan.

Melalui peruntukan belanjawan yang telah disalurkan kepada ESSZONE, *Malaysia Coast Guard* telah mendapat manfaat dengan memperoleh beberapa projek pembangunan di Sabah Timur seperti pembinaan sebuah *remote sensor site* (RSS), Sabah fasa 2 dan juga *area control centre* Sandakan merupakan kesinambungan projek SWASLA fasa 1. Projek ini adalah dalam fasa perancangan dan dijangka siap pada tahun 2018.

Di samping itu pembinaan bangunan kekal lima buah pos *forward operating base* dan Stesen Udara Maritim juga dijangka di bina di Sabah. Pejabat Daerah Maritim Kudat yang merupakan daerah Maritim 16 yang masih menggunakan kabin akan digantikan dengan perolehan pejabat yang baru yang dilengkapi dengan kuarters dan kemudahan lain. Dengan wujudnya Pejabat Daerah Maritim Kudat itu sendiri, maka pengurusan operasi perairan Kudat dan Pitas dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan serta kos efektif.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan soalan tambahan.

**Tuan Wilfred Yong Chen Leong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas Yang Berhormat Menteri datang hadir hari ini untuk menjawab soalan saya. Memandangkan jenayah penyeludupan ketika ini menggunakan aset dan peralatan yang agak canggih, berapakah peruntukan yang diberikan kepada APMM bagi tahun 2012 dan 2017 mengikut kategori perbelanjaan operasi, pengurusan dan pembelian aset yang terkini agar dapat membanteras penjenayah-penjenayah penyeludupan ini dan terutamanya di negeri Sabah. Ini kerana kita rakyat Sabah amat bimbang sebab sempadan perairan yang cukup luas yang merangkumi sempadan dua negara iaitu Indonesia dan Filipina. Adakah Jabatan Perdana Menteri bercadang untuk memberikan bajet tambahan untuk pasukan APMM khususnya untuk negeri Sabah pada tahun 2018. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sepatutnya dijawab bertulis kerana ia melibatkan angka-angka. Akan tetapi saya terbawa jawabannya, jadi saya jawablah jawapan Yang Berhormat yang berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Jadi pada tahun ini *Malaysia Coast Guard* ataupun Pengawal Pantai Malaysia ataupun sekarang ini Maritim Malaysia menerima sebanyak RM294,386,570 juta bagi aktiviti pengurusan dan untuk aktiviti operasi pada tahun 2017 ini ialah sebanyak RM22,538,800 juta. Manakala peruntukan bagi aktiviti logistik RM81,315,900 juta.



Untuk membezakan logistik dengan juga operasi ini. Operasi dia lebih tertumpu kepada aset udara Yang Berhormat, kemudian logistik ialah untuk kapal-kapal kita. Selain itu pada tahun ini juga *Malaysia Coast Guard* belum lagi diluluskan sebarang peruntukan bagi tujuan perolehan aset. Semua ini, untuk yang baru ini walaupun kerajaan telah luluskan tetapi kita belum keluarkan apa-apa peruntukan lagi kerana kita dalam proses perundingan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Laksamana Tan Sri Yang Berhormat.

**Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di dalam perancangan pembangunan aset MMA terutama pembangunan masa depan, adakah kriteria *fit for purpose*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua iaitu *fit for purpose* bermakna sesuai untuk tugas diutamakan supaya kita tidak membeli aset-aset yang—supaya MMA membeli aset yang perlu sahaja untuk tugas yang diamanahkan iaitu menjaga, menjadi penguat kuasa maritim perairan Malaysia dan juga *search and rescue*, dengan izin. Jadi dengan cara ini kita tidak akan membeli aset-aset yang bertindih dengan agensi maritim yang lain. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, ini soalan yang bagus daripada bekas Ketua Tentera Laut dan juga bekas Angkatan Tentera. Yang Berhormat soalan ini cukup bagus.

#### ■1130

Akan tetapi kalau Yang Berhormat masih ingat bahawa penubuhan APMM ataupun Maritim, sekarang ini, *Malaysia Coast Guard*, ini adalah penggabungan-penggabungan aset daripada semua agensi yang terlibat dengan penguatkuasaan iaitu daripada polis, Polis Marin, *navy*, perikanan dan juga setengahnya daripada Jabatan Laut. Jadi semua ini aset yang melibatkan penguatkuasaan diberi kepada APMM dan APMM melaksanakan tugasnya.

Akan tetapi sebahagian daripada aset yang diberi itu ada aset yang diberi tempoh hayatnya hanya seminggu sahaja. Selepas itu tujuh hari selepas itu kita terpaksa lupuskan kerana umurnya sudah mencapai 50 tahun Yang Berhormat. Jadi kita ambil aset ini berdasarkan penguatkuasaan yang dijalankan oleh agensi yang terlibat dengan maritim. Bukan sahaja kita ambil aset mereka, kita ambil orang mereka daripada *navy*, terutamanya daripada *navy* yang dimasukkan dalam APMM. Jadi sekarang ini tugas kita ialah untuk menggantikan aset yang telah berada di tahap yang agak berumur sikit itu, kita ganti.

Contohnya sekarang ini kita ganti dengan NGPC. Ini untuk *New Generation Patrol Craft* yang berukuran 45 meter. Ini kita dapat enam buah. Kemudian OPV kita dapat tiga buah. Kemudian Kerajaan Jepun beri kita dua buah iaitu KM Arau dan juga KM Pekan. Untuk NGPC yang baru ini, telah pun siap KM Bagan Datuk. Cantik itu nama itu beriringan. Pekan, Bagan Datuk dan juga Arau. So, KM Arau sekarang ini digunakan untuk beroperasi di Sabah dan juga di Sarawak. KM Pekan ialah untuk Laut China Selatan di Kelantan dan Terengganu. Sementara Bagan Datuk ialah di Selat Melaka. Ini ialah kapal besar yang diperlukan.

Kemudian untuk penguatkuasaan ini, kita sedia maklum bahawa bila APMM ditubuhkan, semua agensi lain sewajarnya meminda undang-undang untuk bersama-sama dengan APMM. Akan tetapi terdapat dua agensi yang masih mengekalkan undang-undang masing-masing dan juga membuat penguatkuasaan. Jadi kita *overlap* sikit, dengan izin, tanggungjawab ini. Saya pun tidak mahu berkata apa-apa sebab kita juga memerlukan mereka dan mereka juga menjalankan tugas masing-masing. Akan tetapi tugas sebenarnya ialah terletak kepada APMM yang bermula daripada satu *nautica mile* sampai 200 batu *nautica miles*. Akan tetapi agensi lain ada yang *overlap* kerja, ada yang membuat tugas di peringkat satu *nautica mile* sampai lima kilometer dan ada yang membuat lebih daripada itu.

Akan tetapi mereka tidak ada aset baru, mereka menggunakan aset yang sedia ada. APMM melaksanakan tanggungjawab berdasarkan tugas tadi. Jadi kalau kawasan di persisiran pantai, kita masih lagi dibantu oleh agensi lain. Akan tetapi untuk kawasan EEZ sepenuhnya dilaksanakan oleh APMM dengan diawas bersama oleh pihak *navy*.

So, pembelian aset ini didasarkan khusus kepada tugas yang diberikan. Akan tetapi tugas kita sekarang ini Yang Berhormat sedia maklum cukup mencabar. *Navy* juga menghadapi tugas yang mencabar di kawasan EEZ kita sebab kita ada pencerobohan nelayan asing yang mana asetnya lebih besar daripada kapal kita. Pernah sekali ketika dulu 100 buah lebih nelayan asing dengan kapal yang lebih besar daripada kapal kita, masuk mengejar ikan tuna dan 50 buah lagi daripada sebuah negara.

Jadi 150 buah berada di dalam kawasan kita dengan kekuatan kita menggunakan tiga buah daripada *navy* dan mungkin dalam enam daripada kita untuk mengejar mereka keluar. Akan tetapi sebelum mereka keluar sebab proses mengejar itu mengambil masa seminggu. Sudah pasti mereka sudah mengambil banyak daripada harta kita.

Jadi pembelian dia sekarang ini kita khusus kepada keperluan dan dalam masa yang sama menggantikan aset yang sudah berumur. Kalau negara-negara lain umur 30 tahun itu dikira sudah berumur. Akan tetapi di Malaysia 50 tahun pun kita masih pakai lagi. Sebenarnya yang berumur 50 tahun itu sedang masuk ke 51 tahun. Masih boleh pakai. Selagi boleh pakai, kita terus, kita menggunakan aset yang ada. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

*[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab lisan tamat]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (PINDAAN) 2017**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

11.35 pg.

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Pindaan) 2017 iaitu suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah 1981 [Akta 249] dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum, senario perubahan pentadbiran negara sentiasa menuntut semua agensi, meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatannya kepada rakyat. Perubahan yang relevan untuk melaksanakan dasar-dasar negara dalam pelbagai aspek hendaklah mencapai tahap penyampaian yang cemerlang sehingga ke peringkat akar umbi.

Dalam konteks merencanakan agenda pembangunan wilayah, tuntutan ke atas pindaan Akta 249 ini amatlah diperlukan bagi memantapkan pentadbiran agensi ini di dalam membangunkan wilayahnya sejajar dengan dasar kerajaan untuk mentransformasikan kawasan luar bandar. Secara umumnya, pindaan-pindaan yang dicadangkan ke atas Akta 249 melibatkan pindaan-pindaan di dalam aspek pengurusan dan pentadbiran agensi. Pindaan ini adalah bagi tujuan penambahbaikan Akta 249 dan penyelarasan dengan amalan semasa agensi serta penyeragaman dengan arahan pekeliling, undang-undang yang berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Pindaan) 2017 atau selepas ini disebut sebagai akta, telah dicadangkan bertujuan untuk meminda Akta 249 yang telah berkuat kuasa pada 28 Mei 1981. Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) merupakan Badan Berkanun Persekutuan yang telah ditubuhkan pada 28 Mei 1981 di bawah Akta 249 untuk membantu mempercepatkan pembangunan sosioekonomi di kawasan operasi KEDA yang meliputi keluasan 8,279 kilometer persegi atau 89 peratus daripada keseluruhan negeri Kedah.

Sebagai salah satu agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, KEDA telah dipertanggungjawabkan di dalam pelbagai aspek pembangunan terutamanya pembangunan sosioekonomi, pembasmian kemiskinan dan pembangunan fizikal di kawasan operasinya. Walau bagaimanapun peruntukan sedia ada- Akta 249, khususnya seksyen 34, Akta 249 berhubung tempoh kuat kuasa Akta 249 iaitu selama tempoh 20 tahun dari tarikh ia dikuatkuasakan dan tempoh itu boleh dilanjutkan lagi sebagaimana ditentukan melalui persetujuan antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan telah menghadkan perancangan permohonan KEDA.

Perlanjutan tempoh operasi KEDA melalui persetujuan antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan telah dibuat sebanyak tiga kali dan tarikh kuat kuasa terkini adalah sehingga 28 Mei 2020. Namun, kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh KEDA sejak tahun 1981 membuktikan bahawa KEDA masih diperlukan dalam pembangunan sosial, ekonomi dan modal insan masyarakat luar bandar di kawasan operasi.

Tuan Yang di-Pertua, objektif utama akta yang dicadangkan adalah untuk-pertama, mengadakan peruntukan undang-undang yang bersesuaian dan selaras dengan perubahan tugas dan tanggungjawab KEDA, ekoran daripada perubahan dasar dan peraturan urus tadbir semasa kerajaan bagi memastikan Akta 249 sentiasa relevan dan selari dengan undang-undang yang berkuat kuasa.

Kedua, menyelaraskan Akta 249 dengan beberapa undang-undang, dasar dan peraturan urus tadbir semasa berkaitan Badan Berkanun Persekutuan seperti Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan) 1980 [*Akta 240*], Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [*Akta 605*] dan juga Surat Pekeliling Am Bil. 3, Tahun 1998 bagi meningkatkan urus tadbir dan kecekapan sistem penyampaiannya.

#### ■1140

Pindaan-pindaan dalam akta yang dicadangkan merangkumi pindaan lima seksyen dan satu jadual sedia ada, penggantian satu seksyen sedia ada, pewujudan tiga seksyen baru dan satu jadual baru serta pemansuhan sembilan seksyen.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang dicadangkan ini mengandungi 16 fasal kesemuanya. Fasal-fasal yang tidak dinyatakan secara khusus adalah fasal-fasal yang melibatkan pindaan kecil atau berbangkit.

Antara fasal-fasal pindaan utama dalam rang undang-undang ini ialah fasal 2 bertujuan untuk meminda takrif "Menteri" dalam Akta 249.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 5 berhubung dengan keanggotaan Lembaga. Antaranya, mengenai pelantikan anggota Lembaga oleh Menteri termasuklah pelantikan wakil khusus daripada kementerian dan agensi pusat serta pelantikan anggota-anggota Lembaga lain yang difikirkan sesuai oleh Menteri.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 5A bagi memberi kuasa Menteri untuk melantik anggota silih ganti berhubung dengan anggota tertentu Lembaga.

Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan sub seksyen 12(1A) dan (1B) yang baharu ke dalam Akta 249. Seksyen 12(1A) baharu dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan tanggungjawab Pengerusi.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda sebahagian seksyen 13 yang mana termasuk pelantikan Pengurus Besar serta fungsi-fungsi Pengurus Besar.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda subseksyen 14(2) untuk memperuntukkan bahawa pegawai yang menjaga tiap-tiap bahagian hendaklah dilantik oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri.

Fasal 8 bertujuan untuk menggantikan seksyen 16A untuk memperuntukkan bahawa Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [*Akta 605*] berkenaan dengan tatatertib pekerja Lembaga hendaklah terpakai.

Fasal 9 bertujuan untuk memotong seksyen 16B, 16C, 16D, 16E, 16F, 16G, dan 16H yang berbangkit daripada pindaan yang dibuat daripada seksyen 16A.

Fasal 10 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 28A untuk memberi Lembaga kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa.

Fasal 11 bertujuan untuk memasukkan seksyen 32A untuk memberi Lembaga kuasa dengan kelulusan Menteri untuk meminda Jadual, Akta 249.

Fasal 12 bertujuan untuk memotong seksyen 34 dan 35 selaras dengan kelulusan Jemaah Menteri bertarikh 10 September 2014. Pemansuhan kedua-dua seksyen ini juga bagi memastikan KEDA tidak lagi terikat akan tempoh operasi dan dapat meneruskan peranan dan fungsinya sebagai agensi pembangunan wilayah serta memastikan sinergi strategik yang telah dan sedang dan akan dilaksanakan oleh KEDA dengan pelbagai agensi dan jabatan kerajaan mahupun swasta.

Fasal 13 bertujuan untuk meminda sebahagian daripada Jadual Pertama kepada Akta 249.

Fasal 14 bertujuan memasukkan Jadual baharu Ketiga bagi mengadakan peruntukan berkaitan dengan pelantikan mesyuarat dan tatacara jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Akta 249.

Fasal 15 bertujuan untuk menjelaskan bahawa Akta 249 hendaklah terus kekal berkuat kuasa selepas tamat tempoh persetujuan yang dibuat antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan di bawah seksyen 34, Akta 249.

Fasal 16 bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian. Sehubungan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, dan terima kasih juga Yang Berhormat Menteri datang sendiri dan kita mengucapkan terima kasih pada dia ya. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah 1981 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Di sini ada dua tiga orang yang hendak berbahas. Ada siapa-siapa hendak bercakap, sila bagi saya nama secepat mungkin. Pertama sekali saya minta Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah. Dipersilakan.

**11.46 pg.**

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Mengucapkan doa dalam bahasa Arab]*

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kedah yang telah pun menyambung saya bagi penggal kedua dan saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah merestui kesinambungan saya ini.

Kepada Yang Berhormat Menteri, saya ucapkan tahniah di atas pembentangan rang undang-undang ini di mana ia melibatkan banyak orang-orang kampung, dan saya terlebih dahulu hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada KEDA khususnya kepada pegawai-pegawai mereka yang telah pun bertungkus-lumus dan menaikkan nama dan imej penduduk-penduduk kampung yang selama ini menyokong mereka dengan seadanya. Kepada Yang Berhormat Menteri, saya mengucapkan tahniah. Yang Berhormat Menteri cukup rajin. Saya sentiasa mendapat maklumat bahawa Yang Berhormat Menteri memberi tumpuan penuh kepada KEDA kerana KEDA ini telah pun membawa hasil yang begitu banyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tidak menyiapkan apa-apa kerana saya telah menyangka bahawa saya tidak disambung. Jadi walau bagaimanapun, saya mendapat sedikit fakta tadi di mana semenjak penubuhan KEDA, beberapa kejayaan yang telah menyerlah telah dicapai oleh KEDA dari segi pembangunan sosial, ekonomi dan juga modal insan sebagaimana yang telah digariskan dalam Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB).

Pelbagai program pembangunan seperti pembangunan bandar dan pusat pertumbuhan, pembangunan pertanian, pembangunan kampung tradisional, keselamatan dan pembangunan KESBAN, pembangunan infrastruktur dan ameniti sosial, golongan termiskin, skim pembangunan kesejahteraan bandar yang dahulunya dikenali sebagai Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), Pembangunan Sosial dan Institusi (PSI) serta Pembangunan Manusia dan Institusi (PMI) telah dilaksanakan dengan berkesan.

Saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi di sini kerana saya sendiri pernah terlibat dengan KEDA ini. Sebab itu saya mengambil kesempatan tadi mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai tertinggi dan juga seluruh pegawai-pegawai KEDA di negeri Kedah kerana mereka begitu bertanggungjawab.

Saya hendak cerita satu perkara iaitu perumahan KEDA sendiri, yang mana saya terlibat iaitu perumahan Kampung Sungai Tok Pawang yang dibina oleh KEDA, dan telah pun ditambah oleh KEDA.

Dalam pembangunan tersebut, ramai sekali rakyat pemugar kawasan itu, rakyat yang- mula asalnya di mana tempat tersebut penuh dengan ular sawa, ada harimau- yang diceritakan kepada saya pada ketika itu tapi KEDA masuk membuat pembangunan dan kini kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ke kampung KEDA Kampung Sungai Tok Pawang, Ahli-ahli Yang Berhormat tidak tahu bahawa dulu kawasan ini adalah kawasan hutan.

#### ■1150

Yang Berhormat Menteri, tahniah Yang Berhormat Menteri. Inilah satu kerja yang saya- Yang Berhormat Menteri, apabila soalan ditanya esok, apabila Yang Berhormat Menteri di dalam alam barzakh esok, akan ditanya apa Yang Berhormat Menteri buat? *Alhamdulillah*, jawapan ini sudah tentu sekali- malaikat pun akan terkejut dengan kerja yang dibuat oleh Menteri ini.

KEDA telah melaksanakan program projek pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas meliputi pembinaan 250 projek di bawah projek menaik taraf dan pembinaan jalan kampung. 171 projek jalan pertanian dan 281 projek imuniti sosial untuk kemudahan penduduk luar bandar. Projek-projek tersebut telah meningkatkan infrastruktur dan kemudahan asas secara optimum serta menyokong aktiviti ekonomi di kawasan luar bandar.

Satu persoalan sahaja yang ditimbulkan oleh orang-orang kampung berkenaan dengan jalan ini. Jalan KEDA ini nombor satu kadang-kadang urusan memperbaiki jalan yang rosak itu agak lama. Kadang-kadang berlaku dua tiga kemalangan motor baru hendak dibuat. Jalan itu tebingnya agak tinggi. Kalau berselisih kadang-kadang ada kawan kita yang jatuh.

Jadi saya minta supaya kalau dapat KEDA ubahkan sedikit cara hendak membuat jalan itu supaya tidak ada tebing yang tinggi. Maklumlah jalan KEDA ini jalan kecil. Akan tetapi memberi satu manfaat yang banyak kepada orang-orang kampung. Cuma kemalangan selalu berlaku apabila tebingnya begitu tinggi. Kalau boleh mungkin bahagian teknikal KEDA dapat membuat sesuatu di atas perkara ini.

Bagi memenuhi keperluan perumahan untuk penduduk yang berpendapatan rendah, KEDA telah membina dan membaik pulih sebanyak 10,695 unit rumah di seluruh Kedah. Rumah-rumah tersebut adalah jenis sesebuah satu tingkat kos rendah yang ditawarkan kepada keluarga miskin secara sewa beli dan rumah yang dibina di bawah Program Bantuan Rumah Kepada Keluarga Termiskin.

Sedikit persoalan yang ditimbulkan oleh orang-orang kampung oleh kerana syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak KEDA untuk mendapatkan rumah ini agak sukar sedikit kepada mereka. Mereka kata sekiranya dilonggarkan sedikit. Contoh, kadang-kadang mereka memerlukan kalau hendak baik pulih rumah contohnya, mereka memerlukan terlalu banyak kadang-kadang hendak geran, kadang-kadang duduk rumah arwah bapa. Bapanya pula anak 10. Tidak tahu hendak bagi dekat anak mana. Jadi hendak baiki itu, hendak tengok geran dan sebagainya. Jadi mereka rasa amat susah sekali. Kalau hendak baiki rumah ataupun mendapat perumahan yang baru.

Saya memohon supaya agar Menteri melonggarkan sedikit syarat-syarat bagi mereka ini untuk mendapatkan rumah-rumah seperti di kawasan-kawasan yang telah pun ditetapkan. Kemudian, ada juga yang dibangkitkan bahawa di dalam kawasan KEDA salah satu syaratnya ialah sekiranya ada mereka ini yang ada kes polis maka mereka akan ditolak ataupun disuruh keluar. Jadi soalnya kepada Yang Berhormat Menteri, berapa banyak yang sudah berlaku? Ini kerana ramai yang bertanya kenapa masih ada lagi mereka yang ada kes polis masih lagi tinggal di dalam kawasan tersebut?

Yang Berhormat Menteri, saya ini Timbalan Yang di-Pertua PEMADAM. Apabila saya tengok angka kawasan KEDA ini, salah satu kawasan *hotspot* bagi mereka yang menagih dadah khususnya di dalam kawasan KEDA. Terlalu ramai Yang Berhormat Menteri, terlalu ramai. Sudahlah mereka ini miskin, anak-anak mereka terlibat.

Saya hendak mencadangkan supaya NBOS program diadakan dengan AADK ataupun dengan PEMADAM supaya ditempatkan khas dalam kawasan KEDA, ada pegawai yang memantau mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah menceritakan dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua bagaimana seorang ibu Tuan Yang di-Pertua. Saya berceramah di Perak pada satu ketika, sedang saya berceramah, seorang perempuan telah memanggil saya untuk ke rumahnya. Saya mengikut ke rumahnya. Sebelum hendak naik ke rumah itu dia beritahu kepada saya Tuan Yang di-Pertua, Dato', tolong jangan beritahu sesiapa yang Dato' datang rumah saya termasuk...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, semasa Yang Berhormat pergi ke rumahnya, rumah dia ada orang tak?

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Rumah dia tidak ada orang. Ini hendak cerita ini. Dia pula ibu tunggal Tuan Yang di-Pertua, ibu tunggal. Jadi apabila hendak suruh masuk, dia suruh saya bersumpah. Saya kata tidak apalah saya bersumpah. Dia kata sumpah jangan beritahu AADK dan polis. Saya apabila sebut AADK dan polis, saya sudah faham.

Jadi, saya kata saya bersumpah kakak. Saya tidak beritahu. Dia kata tidak boleh. Kena *wallahi, wabillahi, watallahi*. Sampai begitu sekali minta supaya bersumpah. Apabila saya masuk dalam rumah dia Tuan Yang di-Pertua. Saya masuk dalam rumah dia, saya kata kakak, sudahlah ibu tunggal. Saya masuk dalam rumah ini, saya boleh bawa *driver* saya. Dia kata tidak usah. Saya pun beritahu *driver* saya, saya kata dekat dia kalau saya tidak keluar lagi 15 minit, kamu masuk dalam rumah. Saya bimbang ini.

Apabila masuk Tuan Yang di-Pertua, dia buka baju dia. Buka satu-satu, ambil kain batik dia. Orang Kedah panggil tentang ke dada, atas sedikit daripada dia punya buah dada itu dia ikat, tentang ke dada. Jadi selepas itu Yang Berhormat Menteri, dia kata Dato' ini yang saya hendak tunjukkan kepada Dato'. Dia buka Tuan Yang di-Pertua, dia buka kain dia. Buah dada dia yang sebelah kanan itu cantik. Sebelah kiri Yang Berhormat Menteri, ada kuning dan hilang, tidak ada. Saya apabila tengok, saya kata, "*Allah kakak apa jadi ini?*" Dia kata ini yang saya hendak cerita, ini yang tidak mahu beritahu.

Dia kata saya ada anak seorang, dahulu saya berkahwin. Apabila saya kahwin, dia kata ada orang Indonesia perempuan datang rumah saya dan suami saya ikut dengan perempuan tersebut kata dia. Kemudian, sampai 17 tahun anak ini dan dia tahu anak dia hisap dadah. Dia kata, "*Saya tahu*". Saya tanya perempuan ini, kenapa tidak beritahu AADK atau polis? Dia kata, "*Saya tak nak sebab muka anak saya ini sama seperti suami saya*". *Allahu Akbar*.

Rupa-rupanya dia duduk ingat lagi suami dia yang sudah lama meninggalkan dia. Kemudian saya tanya, apa jadi? Satu hari dia kata, dia jual nasi lemak. Satu hari anak dia pulang ke rumah minta duit dengan dia. Tiga hari hujan berturut-turut. Dia tidak dapat hendak cari makan. Jadi anak dia minta duit. Dia tahu anak dia hendak pergi beli dadah. Dia tidak bagi Tuan Yang di-Pertua. Anak dia pergi ke dapur minta rantai dia. Dia duduk pakai rantai yang diberikan oleh suaminya. Anaknya ke dapur ambil pisau Tuan Yang di-Pertua, potong buah dada mak dia. Mak dia takut kena pergi ke hospital, letak kunyit dengan kopi seperti mana orang dahulu kunyit dengan kopi.

Cuba bayangkan seorang dadah sanggup buat begitu. Buah dada yang pernah menyusukan beliau semasa beliau kecil. Inilah saya kata dalam kawasan KEDA pun banyak anak kita. Saya rasa Yang Berhormat Menteri, AADK, AADK lah. Narkotik, narkotik lah. Kadang-kadang kita tidak dapat hendak buat apa lagi dah. Angkanya meningkat. Saya baru-baru ini pergi rasmi satu program di Segantang Garam. Mungkin pegawai-pegawai tahu di mana Segantang Garam dalam kawasan KEDA. Tok imam terkotang-kanting seorang yang datang. Tok imam kata ada 17 ahli jawatankuasa masjid tetapi tidak berani datang kerana token-token telah menyekat mereka. Token-token telah bagi amaran kepada mereka.

Saya beritahu polis tidak boleh buat apa juga. Tangkap 12 hari, selepas itu dilepaskan. Yang Berhormat Menteri, *please do something*, dengan izin. Mungkin KEDA dapat mengadakan sesuatu kerana kawasan ini kawasan KEDA. KEDA juga yang bertanggungjawab. Jadi apa salahnya kalau kita buat NBOS program dengan kementerian-kementerian lain.

#### ■1200

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Program Pembangunan Bandar dan Pusat Pertumbuhan, sebanyak lima buah pekan pusat pertumbuhan iaitu Pekan Baling, Pekan Kupang, Pekan Sik, Pekan Jeniang dan Pekan Naka telah dinaikkan taraf dan dibangunkan. Pelbagai kemudahan disediakan di peringkat pekan pusat pertumbuhan tersebut termasuk infrastruktur bandar, kemudahan peruncitan, kemudahan awam dan perindustrian. Di samping itu, sebanyak enam buah Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) atau PPD Lubuk Buntar, dan PPD Relau di kawasan Bandar Baru, PPD Napoh, PPD Binjal di daerah Kubang Pasu, PPD Kubang Panjang dan PPD Sungai Tiang di daerah Pendang telah dibangunkan oleh KEDA. Banyak sangat Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada KEDA di atas pembangunan-pembangunan ini.

Cuma tadi saya dapat bercakap dengan pengerusi JKKK kawasan Jeniang sahaja. Dia kata di Jeniang ini, *alhamdulillah* pekannya sudah teratur di bawah KEDA. Cuma kata beliau, sampah ini tidak dikutip oleh MPSB, Tuan Yang di-Pertua. Saya faham bukan kerja Tuan Yang di-Pertua, bukan kerja KEDA, MPSP tidak kutip sampah. Bila tidak kutip sampah depa buang dalam sungai. Bila masuk dalam sungai akhirnya KEDA juga yang akan menjadi masalah kerana sistem pengairan ini tidak teratur. Jadi, saya minta dan penduduk-penduduk kampung di Jeniang minta supaya KEDA dapat membantu mereka menyelesaikan masalah ini.

Di bawah Program Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana sehingga kini KEDA telah membangunkan 177 lot industri, 51 bangunan industri, 85 rumah kedai, 110 gerai dan 122 bengkel industri ringan di samping berjaya membawa masuk pelaburan bernilai RM32 juta dan berjaya mewujudkan peluang pekerjaan kepada lebih 2,000 orang penduduk tempatan.

Saya yakin di bawah Yang Berhormat Menteri yang ada sekarang ini, yang saya rasa kepalanya kepala orang berniaga, kepalanya kepala korporat tentu penambahan 2,000 orang ini dapat ditambah lagi. Kalau kita pergi tengok *business* yang dijalankan di kawasan-kawasan KEDA ini Yang Berhormat Dato' Sri, kena bantu mereka-mereka ini. Kadang-kadang modal tidak cukup, yang menjadi masalahnya Ketua Bahagian dan Yang Berhormat di kawasan tersebut.

Apa salahnya kalau kita bagi insentif? Enam bulan tidak bayar sewa kah *something like that*. Insentif kepada mereka supaya mereka dapat bergerak terlebih dahulu. Kita bagi enam bulan insentif, selepas itu daripada enam bulan itu mungkin kita mula mengutip sewa daripada mereka dan juga mereka-mereka ini kita tahu, mereka-mereka ini daripada industri kecil dan sederhana perlu dibantu. Di Kedah hari itu ada karas besar yang tidak ada di tempat lain, tetapi *marketingnya* tidak pandai. Maka dia tidak ke mana Yang Berhormat Dato' Seri. Kalau boleh Yang Berhormat Dato' Seri boleh adakan dengan pasar-pasar raya yang besar-besar supaya dimasukkan mereka ini.

Saya faham, saya sendiri pun ada *shampoo company* tetapi tidak boleh hendak bergerak kerana mereka ini bayar selepas enam bulan. Kadang-kadang walaupun namanya *Giant* tetapi bayarannya kurang. Jadi saya faham, ini perlu kerajaan memberi insentif kepada mereka-mereka ini supaya mereka dapat bergerak dengan lebih cerdas.

Di bawah Program Keselamatan dan Pembangunan KESBAN pula, sebanyak lapan projek penempatan semula iaitu di Kampung Bendang Man, Kampung Kota Aur Belantik, di daerah Sik, Kampung Tanjung Pari, Kampung Teluk Teduri, Kampung Ulu Regung dan Kampung Kemangi di daerah Baling, serta Kampung Pasir Putih dan Kampung Selatan di daerah Padang Terap telah siap dibina oleh KEDA. Projek-projek ini telah dapat membantu mempercepatkan lagi pertumbuhan dan pembangunan di kawasan sempadan dalam lingkungan 25 kilometer daripada Sempadan Antarabangsa Malaysia dan Thailand.

Selain itu, kemudahan-kemudahan di bawah Program Pembangunan Sosial dan Institusi juga diberi keutamaan dengan pembinaan Pusat Latihan KEDA, PUSTIKA di daerah Sik yang berjaya melatih seramai 53,259 pelatih daripada kalangan anak-anak keluarga miskin dan miskin tegar. Dalam tempoh yang sama, KEDA telah menubuhkan 20 koperasi pembangunan kampung melaksanakan projek pembangunan keluarga dan kanak-kanak di 56 buah desa KEDA, di samping mengadakan aktiviti ceramah, kelas agama, dan musababah Al-Quran peringkat desa KEDA, gotong-royong dan lawatan sambil belajar kepada kumpulan sasaran.

Sekali lagi saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan kementerian kerana program-program sebegini amat berguna di dalam kawasan-kawasan kita. Saya pernah menghadiri, kadang-kadang ada juga yang Ketua-ketua Bahagian ataupun pemimpin-pemimpin tempatan bila hendak ada program sahaja, hendak bawa ke KEDA. Kerana apa tuan-tuan? Kerana sambutan orang-orang KEDA kepada program-program begini amat meyakinkan mereka. Jadi saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri.

Prestasi pencapaian KEDA sepanjang tempoh tersebut menunjukkan bahawa KEDA telah memainkan peranan secara holistik dan komprehensif sebagai peneraju pembangunan wilayah di negeri Kedah. Saya juga hendak minta kepada Yang Berhormat Menteri supaya memberi *consideration*, dengan izin, supaya kawasan-kawasan yang di luar KEDA itu Tuan Yang di-Pertua- kadang-kadang dekat sangat, tetapi tidak dimasukkan di dalam kawasan KEDA.

Apa salahnya Tuan Yang di-Pertua memperbesarkan kawasan KEDA itu supaya menyeluruh supaya mereka ini dimasukkan dalam kawasan KEDA dan dengan perkembangan ini mungkin hasil akan bertambah. Dulu kita dengar KEDA, MADA hendak buat estet, tetapi hendak buat estet macam mana bila bendang mereka ini terlalu kecil? Saya mencadangkan supaya mereka ini diperbesarkan, kawasan KEDA ini diperluaskan dan mungkin strategi NBOS boleh dipakai di sini Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya menyokong rang undang-undang pindaan ini. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikummussalam.* Jadi ramalan saya betul, lama juga Yang Berhormat tidak masuk ke Dewan sebab belum lantikan dibuat. Hari ini lantikan kedua iaitu lantikan semula ya. Tahniah dan apa ramalan saya betul, saya rasa kalau ada Dato' Suhaimi, dia bagus bercakap panjang. Dia bab hujah-hujah ini baik dan hari ini nampaklah. Nampak gayanya hari ini Yang Berhormat yang lantikan kedua ini bersemangat, bagus, hujah yang bernas. Tahniah dan terima kasih ya. Saya minta Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk bangun membahaskan dalam Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan dan Wilayah Kedah. Ini yang sebenarnya dekat di hati saya kerana negeri asal saya. Perlis turut menerima tempias permohonan hasil dari pelbagai program yang dilancarkan oleh KEDA ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat dan meneliti bahawa rang undang-undang ini diwujudkan bertujuan untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah 1981 [Akta 249]. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk melicinkan dan mempercepatkan urusan pentadbiran Lembaga dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan. Pindaan yang dicadangkan juga selaras dengan amalan biasa Lembaga.

Izinkan saya mengimbas kembali sejarah penubuhan KEDA ini iaitu pada tahun 1981. KEDA ditubuhkan pada 28 Mei 1981 di bawah Akta 249, Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah 1981 dengan tujuan membantu mempercepatkan pembangunan sosial ekonomi di kawasan operasi KEDA. Kawasan operasi KEDA meliputi keluasan 8,279 kilometer persegi iaitu 89 peratus daripada keseluruhan kawasan Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Kemajuan Wilayah KEDA membawa impak besar dalam membangunkan kawasan luar bandar dalam pelbagai aspek terutama ekonomi dan sosial dalam usaha mengatasi masalah kemiskinan tegar di luar bandar di samping melahirkan lebih ramai usahawan muda di Kedah.

#### ■1210

Kewujudan KEDA sejak 3 dekad yang lalu jelas berjaya membantu penduduk luar bandar khususnya dalam meningkatkan taraf hidup dan ekonomi mereka. Saya melihat komitmen berterusan KEDA yang secara tidak langsung mencorakkan pembangunan di kawasan yang dahulunya merupakan pekan-pekan kecil dan terpinggir untuk muncul menjadi pekan baharu yang pesat membangun seperti pekan Baling, Kupang, Sik, Jeniang, Kubor Panjang dan Naka.

Proses pembangunan KEDA ini jelas bersesuaian dengan kedudukan negeri ini yang kaya dengan sumber alam. Agensi tersebut secara berterusan melaksanakan pelbagai projek berasaskan pertanian sekali gus memanfaatkan penduduk kawasan pedalaman. Jelas kewujudan KEDA telah merubah landskap kawasan pedalaman dalam projek komersial dan kita cuba libatkan anggota masyarakat kawasan yang berkenaan, termasuk menyediakan peluang pekerjaan. Malah turut libatkan mereka dalam bidang perniagaan.

Hari ini semakin banyak penduduk di kawasan terbabit sudah maju ke hadapan dengan melibatkan diri dalam bidang perniagaan dan bimbingan KEDA. Malah penduduk di kawasan KEDA ini berpeluang menceburi pelbagai bidang pembangunan ekonomi di kawasan masing-masing melalui peningkatan pendapatan petani dan aktiviti pertanian, ternakan dan perikanan serta projek pemuliharaan sawah dan tanah terbiar di kawasan terpencil. Hasil usaha agensi itu, kini menyaksikan banyak pekan baharu diwujudkan dan penubuhan industri kecil dan sederhana seperti Napoh, Kubang Pasu, perkampungan KEDA dan pembaikan serta pembinaan rumah-rumah.

Tuan Yang di-Pertua, cerita kejayaan KEDA meliputi pelbagai projek pembangunan termasuk program pembasmian kemiskinan, pembangunan industri kecil sederhana dan program keusahawanan, latihan kemahiran, pembangunan modal insan, pembangunan infrastruktur dan ameniti sosial.



Projek pembangunan ladang yang dahulunya sangat bergantung kepada hasil asas komoditi, ditransformasikan kepada perkhidmatan yang menggabungkan ladang-ladang yang sedia wujud dengan menerapkan elemen agropelancongan dengan mewujudkan chalet, kolam renang, dewan, dewan serba guna, dewan kuliah, auditorium, bilik mesyuarat, surau dan masjid.

Kini projek agropelancongan KEDA dilihat berjaya mencapai matlamat dan sasarannya apabila semakin hari semakin berjaya menarik pengunjung sekali gus menambah pendapatan bagi projek dan usahawan-usahawan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh beberapa fasal terpilih daripada rang undang-undang ini. Fasal 6 bertujuan untuk meminda subseksyen 13(1) dan (2), Akta 249. Perbezaan tanggungjawab dan peranan antara pengerusi dan pengurus besar agar tidak timbul kuasa bertindih antara kedua-dua jawatan ini.

Saya menyokong pindaan di mana ia memperuntukkan bahawa pengurus besar hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri dan Lembaga dan bukan lagi kepada Pengerusi.

Fasal 6 untuk meminda subseksyen 3(5), Akta 249 seterusnya juga menyentuh kuasa yang lebih kepada pengurus besar dan lembaga pengarah. Dalam pindaan ini, saya yakin akan wujud lebih kurang kebebasan kepada pengurus besar dan ahli-ahli lembaga pengarah untuk memajukan KEDA. Seterusnya memberi peluang ekonomi kepada penduduk setempat tanpa perlu melalui banyak kerenah birokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhirnya Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengulas beberapa kenyataan yang dibuat oleh beberapa pihak berkepentingan yang mendakwa ketidakseimbangan kerjasama antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat dan juga dakwaan mengaitkan kisah ini di Kelantan iaitu perbezaan kerajaan negeri dan Pusat. Namun secara realitinya dakwaan ini tidak benar kerana Kerajaan Pusat masih lagi memberi bantuan dan dana tanpa mengira perbezaan pegangan politik. Malah ECER iaitu Projek Koridor Pantai Timur turut menyenaraikan Kelantan antara negeri yang menerima tempas pembangunan ekonomi.

Juga yang terakhirnya, adakah Kerajaan Pusat melihat negeri Perlis turut berpotensi untuk diwujudkan Lembaga Kemajuan Wilayah Perlis demi membangunkan kawasan luar bandar dalam pelbagai aspek terutama ekonomi dan sosial dalam usaha mengatasi masalah kemiskinan tegar di luar bandar di samping melahirkan lebih ramai usahawan muda di Perlis?

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah KEDA (Pindaan) 2017. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukur dan ada lagi siapa yang hendak bercakap saya akan panggil ya. Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh, dipersilakan.

#### 12.16 tgh.

**Dato' Jaspal Singh:** Terima kasih saya mengucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, memberi peluang kepada saya membahaskan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah 1981.

Saya pertamanya, nak mengucapkan tahniah kepada kedua-dua rakan dari Kedah Yang Berhormat Dato' Suhaimi dan juga Yang Berhormat Dato' Dr. S Ananthan di atas pelantikan pada pagi ini. Saya nak mengambil kesempatan ini hendak mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah kerana telah memberi peluang kepada rakan saya iaitu Timbalan Pengerusi MIC negeri Kedah mengambil jawatan Senator lantikan daripada negeri Kedah.

Ini adalah satu bukti perkongsian kuasa di antara komponen-komponen parti Barisan Nasional. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Menteri Luar Bandar yang turut bersama-sama dengan kita hari ini untuk mendengar perbincangan mengenai Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah dan nak ucapkan tahniah sekali lagi kerana memang di negeri Kedah, saya rasa di mana-mana kita pergi pun semua penduduk-penduduk terutamanya penduduk di luar bandar dia, ada dia punya *touch point* dengan agensi Kedah.

Saya ada beberapa poin yang saya nak bawa hari ini bila saya melihat kepada objektif-objektif Kedah ini iaitu memajukan masyarakat luar bandar melalui beberapa mekanisme iaitu pembangunan modal insan, latihan kemahiran, ekonomi dan fizikal dan juga meningkatkan penyertaan golongan sasaran dalam kegiatan ekonomi ataupun lebih dikenali sebagai, dengan izin, *people empowerment*.

Bila kita mengkaji penduduk-penduduk luar bandar ini, saya terlibat dua tahun ini banyak ke Bukit Selambau, selalunya ke pekan Bukit Selambau dengan penduduk-penduduk luar bandar Tuan Yang di-Pertua. Mereka semua kalau kita lihat *trend* dia, mereka semua sokong kerajaan macam *fixed deposit* kita. Lebih kurang 70-80 peratus penduduk-penduduk luar bandar ini memang adalah dengan kerajaan dan selalu bersama-sama dengan kita. Akan tetapi bila kita lihat kepada pembangunan, pembangunan yang datang selalunya banyak-banyak pembangunan ini dia bertumpu di kawasan bandar.

Infrastruktur di kawasan bandar bagus, semua kolej-kolej yang kita bina di kawasan bandar selepas itu tempat-tempat niaga, macam-macam tempat, semua di kawasan bandar dan penduduk luar bandar bila kita bersantai dengan mereka, dia pun ada perasaan dia. Dia kata, "*Tengok kita ini memang penyokong kuat tapi jalan, business pun tidak boleh buat di sini. Apa pun tidak ada.*" Semua benda ini *concentrate* dalam kawasan bandar.

Jadi saya rasa sebab itulah *role* yang KEDA boleh main ini, peranan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah boleh mainkan untuk penduduk-penduduk luar bandar ini saya rasanya peranan yang begitu penting sekali nak memastikan pembangunan ini dia seimbang. Ada pembangunan di kawasan bandar dan macam-macam pembangunan pun boleh sampai ke luar bandar.

#### ■1220

Saya tahu macam di Pekan Bukit Selambau, walaupun kita ada rumah tetapi penduduk luar bandar beritahu hendak ambil keluar wang daripada bank pun *post office* pun tidak ada, ATM pun tidak ada, internet pun tidak sampai ke kawasan ini. Jadi kita kena cari cara lain, satu cara NBOS, ini adalah permintaan luar bandar. Mungkin ia agensi lain tetapi saya harapkan Lembaga Kemajuan KEDA boleh bukan sahaja melihat kepada pembinaan rumah tetapi juga fasiliti-fasiliti, kemudahan-kemudahan *basic* juga sampai ke penduduk-penduduk luar bandar.

Saya setuju dengan perbincangan saya daripada Kedah tadi, Dato' Suhaimi. Banyak tanah-tanah dimiliki oleh orang-orang luar bandar, mungkin tanah pusaka dan dia mungkin tidak mempunyai geran atas namanya. Jadi saya berasa dalam pembinaan rumah ini, hendak betul-betul bantu orang-orang kampung, orang-orang luar bandar, kita perlukan satu mekanisme kelonggaran syarat sikit. Jadi terdapat banyak yang memang dia mempunyai tanah tetapi saya tidak tahu mungkin bapa dia meninggalkan, masalah tanahkah, dia ada tanah tetapi bantuan itu tidak boleh sampai sebab ada *technical issues*.

Satu lagi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, cara seorang meminta bantuan perumahan ini sebab ada juga dua, tiga tempat yang saya telah pergi, mereka telah memberitahu saya telah membuat permohonan dua, tiga tahun Yang Berhormat, yang ini boleh minta pertolongan tidak, *find out what is the status*, di manakah saya sekarang. Jadi saya hendak tahu mekanismenya macam mana, sama ada dia meminta kepada KEDA atau dia meminta daripada Kementerian Luar Bandar, aplikasinya.

Saya juga dapati bahawa penduduk-penduduk luar bandar, golongan pemuda dan wanita memang mempunyai minat *entrepreneur*. Memang dia tahu cara mereka hendak maju ini dia kena buat sedikit *business* sambil. Kawasan ini banyak tanah, ada banyak peluang, jadi seperti Dato' Suhaimi cakap, Yang Berhormat Menteri kita ini kepala *business*, kepala dia korporat dan hati dia memang hendak bantu rakyat. Jadi saya berharap dari segi membantu memberi peluang kepada pemuda-pemuda yang ramai di luar bandar membuka *business* sama ada satu warung, sama ada menjadi sosial *entrepreneur*, membantu wanita-wanita membuat kuih tetapi dia membuat pasaran dalam internet, macam-macam itu. Saya mahu minta Menteri memberi sedikit keterangan apakah program-program yang kita ada untuk bantu pemuda-pemuda memasuki bidang keusahawanan.

Mengenai kolej KEDA ini, saya tengok dalam *website* ada begitu banyak program sebab program TVET ini *it's the way to go*, adalah program-program baru untuk pemuda-pemuda.

Saya minta keterangan kejayaan kolej KEDA dan *intakenya* macam mana, dan sama ada mereka yang keluar itu akan kita bantu untuk menjadi seorang *entrepreneur*.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada agensi KEDA sebab telah membantu menyelesaikan awal masalah penduduk-penduduk India di kawasan Sungai Tukang. KEDA telah membantu membeli tanah dan saya difahamkan dalam proses mencari jalan untuk menyerahkan lot-lot ini kepada penduduk-penduduk. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat memberi sedikit penjelasan *time framenya* dan kaedah bagaimana kita bercadang untuk menyerahkan tanah-tanah ini kepada penduduk-penduduk di kawasan Sungai Tukang.

Itu sahaja, terima kasih sekali lagi. Saya dengan ini menyokong rang undang-undang D.R. 26/2017. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Mengikut catatan saya, Yang Berhormat dapat cakap 9 minit. Sekarang sudah tidak ada hendak berbahas, saya hendak pergi kepada lain, minta Yang Berhormat Menteri menjawab, silakan.

12.25 tgh.

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbahasan pindaan rang undang-undang Akta KEDA ini iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shukor daripada Perlis, dan juga Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh.

Terima kasih kerana kesemuanya bukan sahaja menyokong tetapi menjelaskan kepada Dewan mengenai cerita kejayaan KEDA ataupun *success story* KEDA sejak ditubuhkan sehingga ke hari ini. Jadi, saya kira mempermudah kerja sayalah kerana telah pun diperjelaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap tadi. Cuma saya ingin menjawab beberapa perkara yang dibangkitkan, mula-mulanya oleh Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi Abdullah mengenai keadaan jalan iaitu yang tebingnya tinggi dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, jalan-jalan ini semuanya telah mempunyai *spec-spec* tertentu. Kalau projek jalan di kampung, *specnya* sudah ada dari segi ketebalan, dari segi luas jalan dan sebagainya. Walau bagaimanapun saya faham apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat iaitu tebingnya tinggi dan sebagainya. *Insyah-Allah* kita akan lihat secara spesifik jalan-jalan tersebut yang mana yang memerlukan kita perbaiki dari segi tebing yang curam dan sebagainya, yang terlalu tinggi. Mungkin saya faham kalau berselisih kereta, ada kereta yang terjatuh ke tepi kerana tebingnya tinggi itu *insyah-Allah* kita akan lihat secara spesifik jalan-jalan tersebut mana yang perlu kita perbaiki dan kita akan perbaiki seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Keduanya mengenai rumah syarat juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh. Dari segi rumah, memang syarat rumah ada dua iaitu rumah bina baru dan *repair* rumah ataupun baik pulih. Untuk yang bina baru, memang kita memerlukan syarat iaitu mesti mempunyai geran tanah ataupun kalau tiada geran pun, tuan punya tanah boleh membenarkan, memberikan kebenaran untuk membina di atas tanah tersebut. Apa yang disebut oleh Dato' Jaspal tadi, apabila tanah pusaka, ini sebenarnya lebih rumit.

Tanah pusaka mungkin tidak dimiliki oleh seorang anak, mungkin dimiliki oleh beberapa orang anak. Kadang-kadang ia akan menjadi satu pertelingkahan kalau kita benarkan anak yang, kalau ada tiga beradik, satu anak mendirikan rumah. Kadang-kadang ini akan menyebabkan berlaku perselisihan antara adik-beradik dan sebagainya. Jadi sebab itu dari segi rumah yang didirikan di tanah pusaka, perlulah mereka menyelesaikan isu pentadbir harta pusaka dan sebagainya supaya perkara ini dapat diselesaikan.

#### ■ 1230

Mengenai rumah yang *repair* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tidak ada keperluan untuk mempunyai geran. Mereka cuma perlu ada rumah yang perlu di-*repair* tersebut, dengan izin, *repair*. Untuk memohon dan juga kelulusan sama ada melalui KEDA, melalui KKLW, melalui pejabat daerah tetapi akhirnya keputusan akan dibuat oleh pejabat daerah kerana di pejabat daerah setiap permohonan akan diproses dan akan diputuskan oleh *focus group* pejabat daerah.

Jadi kalau rumah PPRT ini memang *focus group* yang akan membuat keputusan. Merekalah yang akan pergi ke kampung untuk menyiasat, mengambil gambar dan sebagainya dan keputusan akan dibuat oleh pejabat daerah. Cuma mungkin mulai tahun ini saya melonggarkan sedikit syarat tersebut iaitu dengan mendapatkan senarai daripada kepimpinan di peringkat Parlimen, bahagian dan sebagainya kerana saya percaya pemimpin itu lebih memahami yang mana yang lebih diperlukan keutamaannya.

Jadi sebab itulah senarai daripada kepimpinan di peringkat Parlimen, bahagian dan sebagainya juga kita terima dari segi senarai mereka. Ini untuk mempercepatkan manakala terlampau kerana setengah-setengah pejabat daerah *focus group* mungkin tidak bermesyuarat, mungkin setahun dua, tiga kali sahaja. Jadi kerana terlampau lambat kadang-kadang kita *proceed* dahulu dengan senarai yang diberikan oleh kepimpinan di peringkat Parlimen yang ada. Ini telah pun kita laksanakan.

Dari segi kadar sewa, Yang Berhormat Senator membangkitkan mengenai kadar sewa tadi, memang kita mempunyai polisi iaitu sewanya rendah dan ada insentif pengecualian sewa sehingga *business* itu stabil, memang kita ada. Akan tetapi adalah kita mengikut *case-to-case basis*. Kalau kita memerlukan, maka boleh menulis kepada pihak KEDA dan pihak KEDA boleh mempertimbangkan untuk memberikan mereka pengecualian sewa dan jangka masanya akan dibincangkan oleh KEDA dan juga pemilik-pemilik kedai tersebut.

Mengenai isu dadah, kita faham isu dadah ini merupakan isu di mana-mana sahaja di dalam negara. Memang KEDA mempunyai kerjasama yang rapat dengan pihak AADK dengan pihak PDRM, dengan pihak PEMADAM dan sebagainya untuk kita dapat memerangi isu dadah yang berlaku di dalam kawasan KEDA.

Kadar IKS juga sama sahaja dengan kedai kalau kadar sewa untuk pengecualian. Memang ada *cooling period* untuk penyewa-penyewa tersebut. Perluasan kawasan KEDA boleh saya jawab terus bersama dengan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor.

Untuk Kedah, KEDA telah pun meliputi kawasan seluas 89 peratus. Hampir keseluruhan negeri Kedah di bawah KEDA, 89 peratus dan selebihnya di bawah MADA. Ada beberapa kawasan Parlimen di bawah MADA. Jadi di Kedah ini ada KEDA sudah 89 peratus ada lagi MADA. Kedah ini negeri yang paling untung ini hampir keseluruhan ada agensi wilayah dan juga di bawah Kementerian Pertanian. Perlis pun ada kawasan yang mempunyai MADA. Perlis kita tahu besar negerinya, jadi ada sebahagian MADA itu saya ingat sudah mempunyai sebahagian daripada negeri Perlis.

Walaupun tidak mempunyai KEDA, MADA dan sebagainya, tanggungjawab untuk membangunkan luar bandar masih lagi tanggungjawab Kementerian Luar Bandar dan Wilayah. Jadi dari segi peruntukan pembangunan sama ada infra, dari segi membangunkan ekonomi penduduk luar bandar, membangunkan kawasan perumahan dan sebagainya masih lagi di bawah tanggungjawab KKLW. Jadi walaupun tidak ada KEDA sekalipun di Perlis tetapi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tetap membangunkan luar bandar di Perlis itu sendiri.

Lagipun kalau kita hendak membesarkan kawasan operasi KEDA sebagai contoh, kalau kita hendak besarkan, pertamanya mesti mendapat kelulusan daripada Lembaga KEDA, keduanya mesti diluluskan oleh kerajaan negeri dan ketiganya mesti dibawa ke peringkat kabinet dan sebagainya untuk kelulusan. Kalau ada cadangan Perlis dan sebagainya saya rasa boleh pihak Kerajaan Negeri Perlis berbincang dalam Exco untuk kita bawa ke peringkat lebih atas.

Cuma saya hendak maklumkan pihak EPU sedang mengkaji sebenarnya sekarang ini, mengkaji tentang perlu atau tidak agensi wilayah ini diteruskan ataupun tidak diteruskan lagi. Mereka sedang membuat kajian *insya-Allah* apabila mereka sudah *come out* dengan hasil kajian tersebut, mungkin kita akan tengok lagi dari segi sama ada perlu diperluaskan. Sarawak saya difahamkan pun ada pernah meminta supaya diadakan agensi wilayah di negeri Sarawak dan sebagainya, terutamanya di kawasan Timbalan Menteri saya di kawasan Kapit dan sebagainya. Di kawasan pedalaman pun pernah suatu ketika dahulu pernah disuarakan tetapi terserah kepada kerajaan negeri dan sebagainya.

Isu-isu lain saya rasa saya sudah rangkum tadi. Saya sudah rangkumkan. Saya rasa tidak ada lagi. Perlis pun saya sudah jawab. Dato' Jaspal dari segi pembangunan tadi untuk perniagaan dan sebagainya, usahawan dan sebagainya.

Memang dari segi KEDA kita mempunyai program untuk program meningkatkan pendapatan kepada penduduk di luar bandar di kawasan KEDA dan di Kedah di kawasan KEDA kita mempunyai RTC untuk peluang perniagaan dan kita mempunyai 31 mini RTC juga ini untuk memberi ruang perniagaan dan sebagainya. Walaupun masih belum mencukupi tetapi *insya-Allah* dengan perancangan pembangunan kita akan kita teruskan daripada masa ke semasa.

Projek di Sungai Tukang, pembelian tanah di Kampung Sungai Tukang telah dibuat oleh KKLW melalui KEDA pada tahun 2008 pada harga RM2 juta, lebih kurang 8 lapan ekar daripada *National Land Finance Co-Operative Society* dan tanah ini dibeli oleh kerajaan untuk diberikan kepada lebih kurang 90 orang keluarga India yang telah menduduki tanah tersebut. Tanah ini sedang diuruskan oleh KEDA, statusnya dengan Pejabat Tanah Kuala Muda untuk diberikan hak milik kepada keluarga yang terlibat.

Beberapa perkara yang sedang diselesaikan berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan. Kita akan mempercepatkan proses untuk pemberian hak milik ini. Jadi proses menyediakan hak milik itu sedang berjalan bersama sedang kita laksanakan bersama dengan pejabat tanah. Jadi saya rasa itu sahajalah...

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Ya, Yang Berhormat Senator Dato' Haji...

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya beberapa kali Yang Berhormat Menteri, saya beberapa kali mengucapkan tahniah kepada kakitangan KEDA yang bertugas, berkhidmat dengan begitu beramanah dan menjayakan program-program KEDA sehinggakan saya katakan tadi bahawa kalau pemimpin-pemimpin tempatan, bila ada program kalau boleh hendak buat di KEDA kerana mereka ini sangat responsif dengan program-program.

Soalan saya, saya *dok* ingat Yang Berhormat Menteri hendak beritahu pada sayalah sudah ucap banyak kali tahniah mungkin ada kenaikan gaji kah, kenaikan pangkat kah begitu.

#### ■1240

Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sebagai tambahan, apakah insentif-insentif kepada kakitangan yang berjaya ini Dato' Sri di dalam KEDA? Kalau dalam JPA itu kita tahu tetapi KEDA ini, bila kita melihat di kampung, ramai yang memuji pegawai-pegawai ini. Jadi, apakah insentif setakat ini yang Dato' Sri berikan kepada mereka? Terima kasih Dato' Sri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Kita sudah rekodkan tadi sebelum waktu Dato' keluar tadi tentang pujian yang diberikan kepada KEDA tadi dan saya pun berbangga dengan pegawai KEDA yang berjaya menaikkan nama negeri Kedah ini.

Daripada segi KEDA ini, merupakan agensi kerajaan. Jadi, apa insentif yang diumumkan oleh pihak kerajaan, oleh pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan sebagainya, juga diperolehi insentif itu oleh pegawai-pegawai KEDA dan sebagainya dan anak-anak syarikat KEDA, kita mempunyai anak-anak syarikat KEDA. Mana-mana syarikat yang berjaya seperti juga syarikat-syarikat lain memberi insentif seperti bonus dan sebagainya kepada pekerja-pekerja.

Jadi, saya kira itu sahajalah yang saya hendak sampaikan. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dan menyokong pindaan Akta KEDA pada hari ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah menjawab dengan begitu panjang lebar dan tepat, bernas. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 16 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, [disokong oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki)] dan diluluskan]*

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**12.44 tgh.**

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai di bahas dan diputuskan D.R. 20/2017 - Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Pindaan) 2017; D.R. 23/2017 - Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Pindaan) 2017; D.R. 21/2017 - Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Pindaan) 2017; dan D.R. 22/2017 - Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Pindaan) 2017 seperti yang tertera di nombor 1 hingga nombor 4 dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 21 Ogos 2017.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa menyokong?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA (PINDAAN) 2017**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**12.46 tgh.**

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Pindaan) 2017 iaitu suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972 [Akta 75] dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Pindaan) 2017, atau selepas ini disebut sebagai Akta KEJORA yang dicadangkan bertujuan untuk meminda Akta 75 yang telah berkuat kuasa pada 30 Mac 1972.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sama seperti pindaan yang dibuat kepada Akta KEDA 1981 yang telah diluluskan sebelum ini, pindaan ini juga melibatkan pindaan dalam aspek pengurusan dan pentadbiran yang bertujuan untuk menambah baik Akta 75 sedia ada dan menyelaras peruntukan dengan amalan semasa agensi serta menyeragamkan peruntukan dengan arahan pekeliling undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Lembaga Kemajuan Johor Tenggara ataupun KEJORA merupakan badan berkanun persekutuan yang telah ditubuhkan pada 1 Jun 1972 di bawah Akta 75 dan Enakmen Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972 untuk mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi yang wujud antara kawasan di Johor dengan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dalam wilayah ini. Kawasan-kawasan operasi KEJORA terletak di dua buah daerah iaitu Kota Tinggi dan Kluang yang meliputi kawasan seluas 333,364 hektar.

Fungsi utama KEJORA adalah untuk memaju, menggalak, membantu, mengusahakan, mengawal dan menyelaras pembangunan sosioekonomi merangkumi aspek tempat tinggal, pertanian, perusahaan dan perdagangan dalam wilayah ini.

Tuan Yang di-Pertua, objektif utama akta yang dicadangkan adalah untuk:

- (i) mengadakan perubahan undang-undang yang bersesuaian dan selaras dengan perubahan tugas dan tanggungjawab KEJORA ekoran daripada perubahan dasar dan peraturan urus tadbir semasa kerajaan bagi memastikan Akta 75 sentiasa relevan dan selari dengan undang-undang yang berkuat kuasa;

#### ■1250

- (i) menyelaras Akta 75 dengan beberapa undang-undang dasar dan peraturan urus tadbir semasa kerajaan berkaitan badan berkanun Persekutuan, seperti Akta Badan-badan Berkanun (Akaun dan Laporan) 1980 [Akta 240], Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605], dan Surat Pekeliling Am, Bil. 3, 1998, bagi meningkatkan urus tadbir dan kecekapan sistem penyampaian.

Pindaan-pindaan dalam akta yang dicadangkan merangkumi:

- (i) pindaan empat seksyen dan satu Jadual sedia ada;
- (ii) penggantian dua seksyen sedia ada;
- (iii) perwujudan tiga seksyen baru dan satu Jadual baru; dan
- (iv) pemotongan tujuh seksyen.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang dicadangkan ini mengandungi 14 fasal kesemuanya. Fasal-fasal yang tidak dinyatakan secara khusus adalah fasal yang melibatkan pindaan kecil atau berbangkit. Antara fasal pindaan utama dalam rang undang-undang ini ialah:

Fasal 2, yang bertujuan memasukkan takrif Menteri.

Fasal 3, bertujuan untuk meminda seksyen 5 berhubung dengan keanggotaan Lembaga, antaranya merangkumi soal pelantikan Menteri serta pelantikan anggota Lembaga oleh Menteri, bagi yang mengkhususkan kepada wakil kementerian dan agensi Pusat serta pelantikan anggota lain yang difikirkan sesuai oleh Menteri.

Fasal 4, memasukkan seksyen baru 5A bagi memberi Menteri kuasa untuk melantik anggota silih ganti.

Fasal 6, bertujuan untuk meminda sebahagian seksyen 13, yang mana termasuk pelantikan pengurus besar serta fungsi-fungsinya.

Fasal 7, bertujuan untuk menggantikan seksyen 16A, untuk peruntukan bahawa Akta-akta Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000, berkenaan dengan tata tertib pekerja Lembaga hendaklah terpakai.

Fasal 8, bertujuan untuk memotong seksyen 16B, 16C, 16D, 16E, 16F, 16G dan 16H yang berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada seksyen 16A.

Fasal 9, bertujuan untuk menggantikan seksyen 22, untuk mengadakan peruntukan bahawa Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan) 1980, hendaklah terpakai oleh Lembaga.

Fasal 10, bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 28A, untuk memberi Lembaga kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa.

Fasal 11, bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 32A untuk memberikan Lembaga kuasa dengan kelulusan Menteri, untuk meminda jadual Akta 75.

Fasal 12, bertujuan untuk meminda sebahagian Jadual Pertama.

Fasal 13, bertujuan untuk memasukkan Jadual baharu, Jadual Ketiga bagi mengadakan peruntukan, perkara-perkara yang berhubung dengan pelantikan, mesyuarat dan tatacara jawatankuasa.

Fasal 14, bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Johor 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang, dan terbuka untuk dibahas.

Pertama sekali, saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Faharyah binti Hj Md Nordin, dipersilakan.

**12.54 tgh.**

**Dato' Hajah Faharyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan saya untuk turut menyertai perbahasan dalam Rang Undang-undang KEJORA ini. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri KKLW di atas pembentangan bagi meminda Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara ataupun KEJORA, bagi memastikan pembangunan di kawasan luar bandar yang telah membuktikan amat berperanan membangunkan kawasan di antara Kluang dan Kota Tinggi. Sebagai rakyat Johor, Tuan Yang di-Pertua, saya amat berbangga dengan pertumbuhan pesat Pengerang sebagai Kawasan Perindustrian Bersepadu Petrokimia dan Bandar Tenggara Sembrong menjadi nadi utama perladangan kelapa sawit yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi luar bandar Johor dan negara.

Kita tahu bahawa pembangunan pesat ini berada kebanyakannya di kawasan KEJORA. Pindaan pada hari ini saya kira amatlah bertepatan pada masanya, bersesuaian dengan perkembangan ekonomi setempat. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh pindaan akta ini, yang mana sebagaimana yang dimaktubkan dalam fasal 6, pindaan subseksyen 13(4), yang untuk memberikan kewajipan kepada Pengurus Besar KEJORA bertanggungjawab kepada Menteri dan Lembaga.

Justeru, melalui pindaan yang dibuat ini, integriti dan kecekapan pentadbiran Lembaga Kemajuan akan ditambah baik dan prinsip integriti dan pengasingan kuasa eksekutif dan kuasa Lembaga. Namun, saya ingin mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah rasional sebenar apabila pindaan ini dibuat, yang mana *reporting system* dipinda daripada Pengerusi kepada Menteri dan juga kepada Lembaga? Saya juga merujuk kepada fasal 3, pindaan seksyen 5, akta ibu yang dipinda untuk menyenaraikan semula bilangan lantikan Ahli-ahli Lembaga Kemajuan Johor Tenggara.

Saya ingin merujuk kepada subseksyen 5(1)(g), yang mana berkenaan dengan pelantikan empat orang Ahli Lembaga. Saya di sini ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana baru-baru ini telah melantik seorang wanita muda untuk menyertai sebagai Ahli Lembaga KEJORA. Namun, harapan saya kepada Yang Berhormat Menteri agar peruntukan seksyen ini, agar kuota lantikan ini akan terus mencakupi golongan belia yang akan berperanan meneruskan rancangan pembangunan kawasan Pembangunan Johor Tenggara serta memastikan wanita juga dilantik, disesuaikan dengan sumbangan wanita dalam teras pembangunan Johor serta negara.



Tuan Yang di-Pertua, bagi pelantikan ahli silih ganti, saya ingin memohon agar pelantikan dibuat di kalangan pegawai-pegawai kanan kementerian, EPU dan Kementerian Kewangan yang mempunyai kapasiti kuasa dan perjawatan yang boleh mempercepatkan sesuatu dasar dan perancangan dilaksanakan dengan segera. Ini untuk memastikan pindaan yang kita buat melalui akta ini akan menjamin usaha pembangunan luar bandar lebih cekap dan memberi manfaat kepada penduduk di kawasan ini. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ada lagi sesiapa yang hendak bercakap tentang usul ini, tentang rang undang-undang ini? Silakan. Sila dan nama?

12.57 tgh.

**Puan Hajah Rahemah binti Idris:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berhormat Menteri, rakan-rakan daripada Ahli-ahli Dewan Negara, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya tidak perlu melengah-lengahkan masa, saya sudah baca tentang akta ini. Cuma satu sahaja yang saya hendak minta, hendak tanya Yang Berhormat Menteri, tentang seksyen baru 28A iaitu berkaitan kuasa untuk menubuhkan Jawatankuasa. Apakah bentuk jawatankuasa yang boleh ditubuhkan oleh Lembaga ini dan kedua adakah wujud syarat-syarat tertentu yang mesti dipatuhi oleh Lembaga sebelum Jawatankuasa ini dibentuk?

Saya juga hendak merakamkan jutaan terima kasih kepada Menteri di KKLW. Saya rasa kita semua patut bagi satu tepukan kepada Menteri... *[Tepuk]* Bila saya duduk tadi, saya lihat *website* yang penuh, apa yang kita hendak semua ada di situ, tidak payahlah kita hendak soal lagi, sebab saya tengok dari segi infrastruktur, KEMAS, semua ada. Akhir sekali bila perancangan Menteri KKLW ini pun sangat bagus.

Beliau telah memperkasakan JKKK, dengan memperkasakan JKKK ini, kalau kita tengok, kalau dulu JKKK ini tiada apa-apa, sekarang kita perhatikan bila mereka diberi elaun dan sebagainya. JKKK kini sudah bertaraf yang sangat terbaik dan membantu kerajaan dalam memajukan negara... *[Tepuk]* Saya ingin ucapkan syabas dan tahniah kepada Menteri yang bertanggungjawab. Saya rasa memang selayak-layaknya lah beliau menjadi Menteri seterusnya. Jadi Yang Berhormat Menteri, saya rasa tidak payah saya memanjangkan masa, sebab masa pun sudah hampir kepada waktu rehat. Sekian, terima kasih dan saya menyokong usul ini sepenuh-penuhnya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri hendak jawab sekarang? Ada lagi siapa hendak bercakap? Sila, ada lagi siapa hendak bercakap?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Orang Johor ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada? Jadi, Yang Berhormat nampak sendiri bahawa sanjungan tinggi kepada Yang Berhormat Menteri, tepuk tangan sedikitlah... *[Tepuk]* Tahniah Yang Berhormat, jadi Menteri yang buat kerja, yang berpaksi kepada perjuangan itu. Jadi, saya haraplah supaya kita dapat terus menilai, nilaikan kerja yang dibuat oleh Menteri kita. Syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri.

Jam tepat pukul 1, dengan itu saya tangguhkan Mesyuarat hingga jam 2.30 petang. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

■1430

**[Timbalan Yang di-Pertua mmpengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Dengan sukacitanya saya persilakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

**2.32 ptg.**

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah dan juga Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah yang mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai pindaan Akta KEJORA.

Saya ingin menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah. Yang Berhormat bertanya mengenai kenapa di dalam akta ini, Pengurus Besar hanya bertanggungjawab kepada Menteri dan tidak lagi kepada Pengerusi seperti di dalam akta yang lepas.

Kalau Yang Berhormat lihat kepada seksyen 13(4), Pengurus Besar hendaklah melaksanakan kewajipan dan sebagainya seperti yang ditentukan oleh Menteri atau Lembaga. Jadi bermakna, Pengurus Besar bukan sahaja bertanggungjawab terhadap Menteri tetapi juga terhadap Lembaga. Apabila kita sebutkan Lembaga, ia termasuklah Pengerusi kerana Pengerusi merupakan ketua kepada Lembaga dan secara tidak langsungnya masih lagi bertanggungjawab kepada Pengerusi. Jadi kita cuba tukarkan Pengerusi kepada Lembaga. Dan oleh kerana KEJORA merupakan agensi di bawah Kerajaan Persekutuan dan semua dasar ditentukan oleh kementerian, maka sebab itulah akhirnya keputusan akhir mengenai dasar mesti tertakluk kepada keputusan Menteri. Sebab itulah kita tukar akta ini supaya lebih luas lagi.

Seksyen 5(1)(g) juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu kenapa ada empat orang yang dilantik oleh Menteri yang difikirkan sesuai.

Kita perlu ada seksyen ini untuk memperluaskan dari segi pelantikan tersebut. Ini bermakna, kalau di KEJORA misalnya, kita fikirkan bahawa pemimpin koperasi boleh menyumbang kepada peranan KEJORA, difikirkan sesuai, jadi Menteri boleh melantik pemimpin ataupun wakil daripada koperasi. Atau kita ingin membangunkan belia, sebagai contoh, di daerah tersebut kerana isu yang berkaitan dengan belia, berkaitan dengan isu sosial dan sebagainya yang memerlukan Menteri melantik belia, maka melalui seksyen 5 (1)(g) ini, bermakna Menteri boleh melantik pemimpin-pemimpin NGO untuk menganggotainya.

Saya mengambil maklum cadangan daripada Yang Berhormat untuk memberikan tempat kepada belia untuk berada di dalam ahli majlis ataupun ahli Lembaga Pengarah KEJORA dan sebagainya. Ketika ini pun, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat, memang kita melantik beberapa kepimpinan orang muda sama ada orang muda belia, begitu juga dengan perempuan muda ataupun beliawanis untuk berada dalam Ahli Lembaga Pengarah sama ada KEJORA ataupun anak-anak syarikat KEJORA.

Seterusnya adalah wakil silih ganti. Saya ingin maklumkan bahawa wakil silih ganti adalah wakil silih ganti kepada seksyen 5(1)(c), (d) dan (e) iaitu wakil silih ganti kepada wakil kerajaan. Misalnya seksyen 5(1)(c), wakil daripada kementerian; sub seksyen (d), wakil daripada Kementerian Kewangan; dan sub seksyen (e), wakil daripada EPU, sebagai contoh. Ini adalah berdasarkan seksyen ini. Jadi, pelantikan wakil kerajaan ini bukan berdasarkan individu, bukan berdasarkan kepada personel, tetapi pelantikan mereka berdasarkan kepada kementerian itu sendiri. Mereka hanya mewakili kementerian.

Jadi kalau wakil kementerian tidak boleh hadir sekalipun, kita benarkan wakil ganti itu untuk menggantikan wakil daripada kementerian untuk mewakilkan kementerian tersebut. Sebab, wakil kementerian bercakap tentang kementerian yang mereka wakili. Bukan berdasarkan nama tetapi berdasarkan nama kementerian yang mereka wakili. Kalau KSP sebagai contoh, mewakili Kementerian Kewangan, dia tidak boleh datang, masih lagi boleh ada wakil ganti yang bukan mewakili KSP tetapi mewakili Perbendaharaan ataupun Kementerian Kewangan. Itulah rasional kenapa kita ada wakil ganti.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah membangkitkan...

**Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Yang Berhormat, boleh celah sedikit?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey.

**Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Boleh ya? Yang Berhormat Menteri, pagi ini saya tengok dia ada di sini. Soalan-soalan dia jawab. Waktu pagi. Selepas makan pun dia ada di sini. Banyak baik punya Menteri... [Tepuk]

Satu lagi, saya hendak beritahu semua ahli UMNO... *[Disampuk]* Ya, sudah betul. Yang Berhormat Menteri, saya tengok- sudah cukup enam tahun saya di sini- ada dua kekosongan *Vice President* di UMNO. Ada kosong.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Boleh mencelah?

**Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Ha?

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Boleh mencelah?

**Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Apa mencelah?

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Minta laluan boleh?

**Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Bagi saya habiskanlah.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Nanti *you* sudah duduk, saya tidak boleh mencelah. Tuan Yang di-Pertua, boleh bagi? Tuan Yang di-Pertua?

**Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Nanti saya boleh bercakap?

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Tuan Yang di-Pertua?

**Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Tuan Yang di-Pertua, nanti saya bagi dia bercakap, saya boleh bercakap balik?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mahu tanya Yang Berhormat Tan Sri Nalla. Yang Berhormat Tan Sri Nalla Presiden parti apa? Kenapa mahu campur hal UMNO? Hendak ingatkan kita pemimpin UMNO? Boleh jelaskan sedikit?

#### ■1440

**Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Apa Yang Berhormat Datuk Megat tanya saya jawab sama dia dahulu. Ini kita cakap 1Malaysia. Kita 1Malaysia, saya satu parti Presiden, ya saya pun tolong Barisan Nasional. Kalau saya keluar daripada Barisan Nasional, saya tiada cakap UMNO punya hal. So, Menteri ini ada lagi dua kosong di UMNO, *Vice President*- ada dua kosong, Timbalan Perdana Menteri dia sudah naik, itu kosong, lagi satu ada kosong. Kita UMNO semua, bukan saya UMNO lah *[Ketawa]* Saya cakap kita- UMNO, UMNO semua di sini Yang Berhormat Senator semua, Ahli-ahli sahabat saya tengok ini Menteri, berapa rajin mereka undi untuk dia, bawa dia jadi *Vice President*. Itulah yang saya nak cakap. Banyak terima kasih. Baik, baik.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung sikit. Ini apa fasal cerita dalam Dewan pasal pemilihan UMNO? Kita pilihan raya pun belum lagi. Tentukan parti yang Yang Berhormat bekerja untuk menangkan pilihan raya dulu, lepas itu baru kita tentukan siapa yang hendak jadi Naib Presiden dalam UMNO. Tak payah campur lah Yang Berhormat, ini UMNO punya hal. Terima kasih.

**Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Tuan Yang di-Pertua boleh saya jawab? Campur tadi saya sudah cakap. Saya satu parti Barisan Nasional saya satu *friendly party*. Kalau saya tak ada cakap lagi siapa mahu cakap? Siapa ada India sini mahu cakap, betul kah tidak? So inilah saya tanya ini, soalan saya hendak cakap Menteri ini rajin, macam ini lah yang kita mahu. Itu sebab saya cakap. Bukan apa-apa...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat niat ikhlas?

**Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat, saya cari dalam pindaan ini tiada pun yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat *[Ketawa]* Jadi saya terus kepada jawapan saya kepada Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad yang bertanyakan apa rasionalnya untuk menubuhkan jawatankuasa itu.

Sebenarnya jawatankuasa ini ditubuhkan bagi melicinkan perjalanan pentadbiran dan sebagainya untuk membantu Lembaga dan membantu pengurus besar dan sebagainya. Sebagai contoh, perjawatan maknanya untuk membantu menambahkan ataupun *interview* jawatan dan sebagainya. Kita ada boleh menubuhkan jawatankuasa perjawatan kalau yang melibatkan pelaburan misalnya kita boleh- ahli Lembaga boleh menubuhkan jawatankuasa pelaburan misalannya.

Ini jawatankuasa-jawatankuasa kecil di dalam Lembaga ini. Tujuan dia untuk melicinkan dan membantu pengurus besar dan sebagainya dan Lembaga untuk mentadbir dengan baik lagi.

Jadi saya kira itu sahajalah yang saya hendak sampaikan dari segi jawapan-jawapannya. Sekali lagi saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli yang Berhormat yang berbahas dan Ahli-ahli yang Berhormat yang mencelah. Terima kasih. *Assalamualaikum.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

**[Fasal-fasal 1 hingga 14 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis Sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, [disokong Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri)] dan diluluskan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH (PINDAAN) 2017

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**2.47 ptg.**

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang Akta Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Pindaan) 2017 iaitu suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Akta 104) dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Pindaan) 2017 atau selepas ini disebut sebagai Akta KETENGAH yang dicadangkan bertujuan untuk meminda Akta 104 yang telah berkuat kuasa pada 12 April 1973. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sama seperti pindaan yang dibuat kepada Akta KEDA 1981 dan Akta KEJORA 1972 yang telah diluluskan sebelum ini pindaan ini juga hanya melibatkan pindaan dalam aspek pengurusan dan pentadbiran yang bertujuan untuk menambah baik Akta 104 sedia ada dan menyelaraskan peruntukan dengan amalan semasa agensi serta menyeragamkan peruntukan dengan arahan pekeliling undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah atau KETENGAH, merupakan badan berkanun Persekutuan yang telah ditubuhkan pada 20 April 1973 melalui Akta 104 dengan kuasa merancang, menggalak, menyelenggarakan, menyertai dan melaksanakan program sosioekonomi dalam wilayah KETENGAH yang berkeluasan 443,876 hektar. Pada 12 Jun 1993, kawasan Tasik Kenyir pula telah dijadikan sebahagian kawasan pembangunan KETENGAH melalui pewartaan keluasan wilayah KETENGAH telah bertambah kepada 653,075 hektar atau 50.14 peratus daripada keluasan negeri Terengganu dan meliputi kawasan pedalaman daerah Dungun, Kemaman dan Hulu Terengganu.

Seperti Lembaga Kemajuan Wilayah di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, KETENGAH juga diberi tanggungjawab dalam pelbagai aspek pembangunan sosioekonomi, pembasmian kemiskinan dan pembangunan fizikal termasuk pewujudan kemasukan kawasan perbandaran dalam kawasan operasi.

#### ■1450

Tuan Yang di-Pertua, objektif utama akta yang dicadangkan adalah;

- (i) untuk mengadakan peruntukan undang-undang yang bersesuaian dan selaras dengan perubahan tugas dan tanggungjawab KETENGAH ekoran daripada perubahan dasar dan peraturan urus tadbir semasa kerajaan bagi memastikan Akta 104 sentiasa relevan dan selari dengan undang-undang yang berkuat kuasa; dan
- (ii) menyelaraskan Akta 104 dengan beberapa undang-undang, dasar dan peraturan urus tadbir semasa kerajaan berkaitan Badan Berkanun Persekutuan seperti Akta Badan-badan Berkanun Akaun dan Laporan 1980 [*Akta 240*], Akta Badan-badan Berkanun Tatatertib dan Surcaj 2000 dan Surat Pekeliling Am, Bil. 3 1998, bagi meningkatkan urus tadbir dan kecekapan sistem penyampaian.

Pindaan dalam akta yang dicadangkan merangkumi pindaan:

- (i) pindaan lima seksyen dan satu Jadual sedia ada;
- (ii) penggantian dua seksyen sedia ada; dan
- (iii) perwujudan seksyen 3 baharu, dan satu Jadual baharu serta pemotongan tujuh seksyen.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang dicadangkan ini mengandungi 15 fasal kesemuanya. Fasal-fasal yang tidak dinyatakan secara khusus adalah fasal yang melibatkan pindaan kecil atau berbangkit.

Antara fasal-fasal pindaan utama dalam rang undang-undang ini adalah;

Fasal 2 yang bertujuan untuk memasukkan takrif Menteri dalam Akta 104.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 5 berhubung dengan pelantikan anggota Lembaga yang mewakili kementerian dan agensi serta pelantikan anggota lain yang difikirkan sesuai oleh Menteri.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 5A bagi memberi Menteri kuasa untuk melantik anggota silih ganti.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda sebahagian seksyen 13 yang mana termasuk pelantikan Pengurus Besar dan fungsi Pengurus Besar.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda subseksyen 14(2) untuk memperuntukkan bahawa Pengarah setiap bahagian hendaklah dilantik oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri.

Fasal 8 bertujuan untuk menggantikan seksyen 16A untuk memperuntukkan bahawa Akta Badan-badan Berkanun Tatatertib dan Surcaj 2000 [*Akta 605*] berkenaan dengan tatatertib pekerja Lembaga hendaklah terpakai.

Fasal 9 bertujuan untuk memotong seksyen 16B, 16C, 16D, 16E, 16F, 16G dan 16H yang berbangkit daripada pindaan yang dibuat daripada seksyen 16A.

Fasal 10 bertujuan untuk menggantikan seksyen 22 untuk mengadakan peruntukan bahawa Akta Badan-badan Berkanun Akaun dan Laporan 1980 [*Akta 240*] hendaklah terpakai bagi Lembaga.

Fasal 11 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 28A untuk memberi Lembaga kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa.

Fasal 12 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 32A untuk memberi Lembaga kuasa dengan kelulusan Menteri untuk meminda Jadual, Akta 104.

Fasal 13 bertujuan untuk meminda sebahagian Jadual Pertama.

Fasal 14 bertujuan untuk memasukkan Jadual baharu ketiga bagi mengadakan peruntukan perkara-perkara yang berhubung dengan pelantikan, mesyuarat dan tatacara jawatankuasa.

Fasal 15 bertujuan untuk mengadakan peruntukan pengecualian.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah 1973 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Di hadapan saya, ada dua, tiga orang yang hendak berbahas tentang Terengganu ini.

Saya jemput yang pertama sekali, Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun- ada? Tiada. Kita lompat kepada Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin.

**2.54 ptg.**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Salam 1Malaysia. Salam Negaraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya mengucapkan jutaan terima kasih kerana diberikan peluang dan kesempatan ini untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Akta Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Pindaan) 2017. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah mengambil inisiatif untuk meminda Akta 104 ini yang telah berkuat kuasa semenjak 12 April 1973. Ini selaras dengan perkembangan dan pembangunan kawasan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) ini.

Saya juga mengucapkan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas inisiatif ini dan menyambut baik langkah kerajaan meminda akta ini memandangkan perkembangan terkini di mana KETENGAH telah pun bertambah keluasannya daripada 443,876 hektar tahun 1973 dahulu kepada 653,075 hektar pada tahun 1993 ataupun separuh lebih daripada keluasan negeri Terengganu meliputi Daerah Dungun, Kemaman dan Hulu Terengganu.

Saya suka mencadangkan kepada kerajaan khususnya Yang Berhormat Menteri bahawa baru-baru ini, minggu lepas Yang Berhormat Menteri ada mengumumkan bahawa seluruh Daerah Hulu Terengganu juga dimasukkan di dalam kawasan KETENGAH ini. Saya suka mencadangkan supaya dua lagi daerah yang berhampiran dan bersempadan dengan daerah Hulu Terengganu ini ialah daerah Setiu ataupun Parlimen Setiu, lebih jelas lagi. Parlimen Setiu dan Daerah Besut perlu juga dimasukkan di dalam wilayah ini memandangkan kedua-dua kawasan ini juga perlu dibangunkan lebih banyak prasarana seperti mana yang telah dibuat di kawasan KETENGAH ini.

Saya mempunyai justifikasi walaupun Yang Berhormat Menteri mungkin ada jawapannya kerana di Setiu dan Besut ini sudah pun ada ketara agensi-agensi lain dan sebagainya. Akan tetapi jawapan juga ada. Walaupun di Setiu dan di Besut ini ada agensi-agensi ini juga, di KETENGAH sekarang ini pun ada agensi-agensi yang hampir sama seperti FELDA dan sebagainya yang turut sama berada di dalam Wilayah KETENGAH ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat semua, Tuan Yang di-Pertua, kita tahu asas dan tujuan penubuhannya ialah untuk memajukan dan membandarkan kawasan luar bandar wilayah tersebut dan meningkatkan taraf hidup dan sosioekonomi rakyat di kawasan-kawasan tersebut. Kalau dulu, kawasan-kawasan ini ialah hutan belantara.

Untuk makluman semua, di KETENGAH ini ialah hutan belantara terutamanya di Bandar KETENGAH itu sendiri dan apatah lagi di Kenyir sekarang ini. Kalau dulunya ada hutan belantara sekarang ini, pada 1 Ogos yang lalu, telah pun diisytiharkan ataupun dibuka kedai bebas cukai yang diluluskan oleh Kerajaan Malaysia melalui MOF pada tahun 2010 diluluskan dan beroperasi pada 1 Ogos yang lalu. Oleh sebab itu, saya suka mencadangkan di sini kepada Yang Berhormat Menteri, saya sendiri pun tidak pergi lagi ke kawasan bebas cukai ini.

Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri buat lawatan, bawa semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator ini pergi sekali melawat ke Tasik Kenyir dan juga ke kedai bebas cukai.

■1500

Setuju kah tidak, tidak tahulah. Ahli-ahli Yang Berhormat?

**Beberapa Ahli:** Setuju.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin:** Setuju ya? Terima kasih. Setuju ye Abang Lah. Saya mengalu-alukan pindaan akta ini yang mengandungi 15 fasal meliputi pindaan lima seksyen dan satu jadual penggantian. Jadi, dua seksyen sedia ada dan mewujudkan seksyen baru dan satu jadual baru serta pemotongan tujuh seksyen.

Pertamanya, saya ingin menyentuh berhubung dengan fasal 2 yang bertujuan meminda seksyen 2, Akta 104 ini dengan memasukan takrif "Menteri" selepas takrif "Lembaga".

Pindaan ini menjelaskan bahawa Menteri yang bertanggungjawab untuk melaksanakan fungsi di bawah akta ini adalah Menteri yang bertanggungjawab bagi kemajuan luar bandar dan wilayah, yakni, Yang Berhormat Menteri KKLW. Sebelum ini, takrif Lembaga agak kurang jelas dan fungsi Menteri juga tidak dijelaskan secara khusus. Pindaan ini, membolehkan Yang Berhormat Menteri melaksanakan fungsi dan tanggungjawab untuk KETENGAH dengan lebih telus dan berkesan lagi.

Saya ingin mendapatkan penjelasan, setakat manakah pindaan fasal 2 ini memberi kesan kepada pengurusan dan pentadbiran KETENGAH keseluruhannya. Khususnya dalam program pembangunan wilayah dan pembasmian kemiskinan. Oleh sebab itu, saya juga sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada KETENGAH dan pegawai-pegawai dia. Kalau dahulu saya sebut tadi adalah dari sebuah hutan belantara, sekarang ini, status pencapaiannya ialah hampir 100 peratus kemudahan asas dan prasarana telah dapat disediakan oleh KETENGAH di kawasan wilayahnya sehingga sekarang ini, meliputi jalan perhubungan, bekalan air, bekalan elektrik, telekomunikasi, perumahan dan sebagainya.

Kedua, saya ingin menyentuh fasal 3 yang bertujuan meminda seksyen 5(1), Akta 104 ini iaitu berhubung dengan pelantikan Lembaga Pengarah oleh Menteri. Kalau dibandingkan dengan Akta Ibu, Lembaga ini terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, tiga orang wakil Kerajaan Persekutuan, tiga orang wakil kerajaan negeri, tiga orang profesional yang sesuai dan Pengurus Besar. Pindaan baru menetapkan Lembaga yang dilantik oleh Menteri hendaklah mengandungi Pengerusi, Timbalan Pengerusi, seorang wakil sahaja dari kementerian yang bertanggungjawab bagi kemajuan KKLW, wakil Perbendaharaan, wakil UPEN, Jabatan Perdana Menteri, tiga orang wakil kerajaan dan empat orang profesional yang sesuai dan Pengurus-pengurus Besar.

Saya ingin mendapatkan penjelasan. Pertama, apakah kriteria untuk pelantikan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi di KETENGAH ini? Adakah wajar kriteria tertentu ditetapkan bagi memastikan adalah wajar kriteria tertentu ditetapkan bagi memastikan kewibawaan dan integriti dalam mengurus dan mentadbir KETENGAH ini bagi memastikan tidak berlaku penyelewengan dan salah guna kuasa. Saya ingin mencadangkan agar Pengerusi dan Timbalan Pengerusi di KETENGAH ini dilantik di kalangan anak negeri Terengganu sendiri bagi memastikan kepentingan rakyat dan negeri Terengganu ini terjamin dan terpelihara.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan pelantikan tiga orang wakil kerajaan negeri. Kalau dibandingkan dengan Akta Ibu, wakil dari Kerajaan Persekutuan diperincikan dalam pindaan akta ini. Akan tetapi, wakil kerajaan negeri tidak diperincikan. Oleh itu, saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan apakah asas pelantikan tiga orang wakil Kerajaan Negeri Terengganu, sama ada ia dari kalangan pegawai kerajaan, ahli politik, profesional atau orang awam yang difikirkan sesuai dan berwibawa.

Ketiga, saya ingin mendapatkan penjelasan apakah dasar pertimbangan untuk menambah bilangan Ahli Lembaga di kalangan profesional dari tiga orang kepada empat orang? Apakah bidang-bidang profesional yang ditetapkan sebagai pertimbangan pelantikan empat profesional ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berhubung fasal 4 yang memasukkan seksyen baru 5A untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk melantik anggota silih ganti di bawah perenggan 5(1)(c), (d) dan (e) untuk menghadiri sebagai ganti anggota berkenaan dalam mesyuarat Lembaga.

Pindaan ini adalah penting bagi memastikan wakil Kerajaan Persekutuan dapat memainkan peranan yang berkesan untuk urusan di KETENGAH ini, walaupun Yang Berhormat Menteri itu sudah pun jawab dalam Akta KEJORA sebentar tadi.

Seterusnya, saya ingin menyentuh fasal 5 yang bertujuan meminda kepada seksyen 12 Akta 104 untuk menyatakan fungsi Pengerusi termasuklah memotong bekalan, "*hendaklah menjadi Ketua Pegawai Pengurus*" di dalam seksyen 12(1), sebaliknya, memasukkan sub seksyen baru. Langkah ini adalah wajar bagi memastikan fungsi Pengerusi adalah bertanggungjawab menyelia dan mengawal pelaksanaan dasar dan keputusan yang dibuat oleh Lembaga berbanding sebelum ini Pengerusi juga adalah Ketua Pegawai Pengurus. Langkah ini adalah wajar bagi memastikan tidak berlaku konflik, kepentingan dan salah guna kuasa. Saya ingin mendapatkan penjelasan.

Pertama, setakat manakah Menteri memastikan Pengerusi telah melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya secara berkesan? Dan apakah mekanisme atau kayu pengukur yang dapat digunakan bagi memastikan Pengerusi Lembaga terus berwibawa dan berintegriti dalam melaksanakan tanggungjawab serta jalinan atau hubungan akrab kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Kedua, apakah kewajaran dan kepentingannya kerajaan menggantikan seksyen 12, sub seksyen (2) yang membolehkan Pengerusi melantik mana-mana Pegawai Khidmat Lembaga untuk menjalankan kuasa kewajipan dan fungsi Pengerusi. Apakah jaminan kerajaan bahawa elemen di bawah sub seksyen 2 ini tidak akan mendedahkan kepada penyalahgunaan kuasa dan integriti Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berhubung dengan pindaan fasal 6 yang menyentuh seksyen 13 iaitu berhubung dengan Pengurus Besar. Pertama, seksyen 13(1) menurut Akta Ibu pelantikan Pengurus Besar adalah dilantik oleh Lembaga dengan persetujuan Menteri. Manakala dalam pindaan ini, Menteri yang bertanggungjawab melantik Pengurus Besar mengikut apa-apa pertimbangan dan syarat yang ditentukan oleh Menteri.

Saya ingin mendapatkan penjelasan Yang Berhormat Menteri, apakah garis panduan tentang syarat-syarat bagi pelantikan Pengurus Besar ini? Dan nyatakan secara jelas syarat-syarat dan kelayakan yang ditentukan bagi pelantikan Pengurus Besar ini? Adalah menjadi harapan kepada saya, Yang Berhormat Menteri mengambil pertimbangan bagi melantik dari kalangan anak negeri Terengganu sebagai Pengurus Besar KETENGAH ini sampai bila-bila sekali pun.

Kedua, pindaan Akta 104 ini juga bertujuan untuk memberikan perbezaan fungsi dan tanggungjawab Pengerusi dan Pengurus Besar. Saya ingin mendapatkan penjelasan fungsi dan tanggungjawab Pengerusi dan Pengurus Besar KETENGAH sebelum dan selepas pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini, seperti mana yang disebutkan tadi baru-baru ini kawasan Zon Bebas Cukai telah pun dibuka pada 1 Ogos yang lalu. Saya mahu penjelasan apakah perancangan kerajaan seterusnya bagi memastikan supaya Tasik Kenyir ini lahir sebagai Zon Bebas Cukai dan kawasan pelancongan yang dikenali oleh penduduk tempatan dan pelancong antarabangsa? Dan bagaimanakah sambutan di Tasik Kenyir sebagai Zon Bebas Cukai setakat ini?

#### ■1510

Walaupun ada disebut butir-butir di sini yang saya dapat seramai 17,935 orang yang sudah datang sehingga sekarang ini yang datang ke kedai zon bebas cukai. Saya berharap dan mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah, saya tengok inilah satu-satunya kawasan wilayah di bawah KKLW yang mempunyai pusat kawasan bebas cukai dan setinggi-tinggi syabas kepada Yang Berhormat Menteri dan kementerian KKLW. Apakah langkah kerajaan seterusnya terhadap *Kenyir Trade Centre* dan terminal utama di Pulau Bayas yang akan dibuka pada tahun 2018?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh selain daripada pembangunan fizikal, geopolitik dan sosioekonomi yang dibuat oleh kerajaan bagi membangunkan kawasan ini, kita harus tahu, kita harus sedar bahawa keseluruhan wilayah KETENGAH ini merupakan dari segi geopolitiknya ialah *fixed deposit* kepada Barisan Nasional daripada dahulu sehinggalah sekarang ini termasuklah juga keseluruhan kawasan di dalam Daerah Hulu Terengganu yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri itu juga adalah *fixed deposit* kepada UMNO dan Barisan Nasional.

KETENGAH ini mempunyai geopolitiknya yang tersendiri di mana semua kawasannya merupakan *fixed deposit* UMNO dan Barisan Nasional. Keseluruhan kawasan dimenangi oleh Barisan Nasional.



Namun daripada segi sosioekonominya masih lagi rendah dan perlu kepada pembangunan. Ia memerlukan bimbingan, nasihat dan bantuan daripada kerajaan bagi memajukan kampung-kampung di dalamnya sama ada pembangunan fizikal, infrastruktur, pelajaran dan bidang perniagaan.

Banyak bahan-bahan tempatan perlu dikomersialkan sebagai contohnya ialah macam di Jerangau umpamanya macam buah salak, orang KETENGAH tahu buah salak bagus yang dihasilkan di Jerangau tetapi kita perlu kepada komersial lagi supaya dapat kita pasarkan dengan lebih baik lagi dan juga pengeluaran pertanian tempatan seperti durian dan sebagainya.

Saya juga bercakap dengan rakan-rakan Ahli-ahli Dewan yang mahir tentang pertanian ini dan saya suka mencadangkan bahawa di KETENGAH ini, ada potensi untuk memajukan durian musang king kerana ia mempunyai tanah yang subur dan tanah yang luas untuk kita majukan dengan musang king. Saya ingin mencadangkan kerajaan memasukkan Parlimen sebagaimana saya sebutkan tadi, Parlimen Setiu dan Daerah Besut dimasukkan juga ke dalam kawasan KETENGAH ini kerana juga kawasan ini perlu kepada pembangunan Yang Berhormat Menteri.

Kawasan-kawasan yang saya sebutkan ini juga ialah kawasan *fixed deposit* kepada Barisan Nasional yang mana kawasan ini merupakan kubu kuat Barisan Nasional dalam setiap kali pilihan raya. Memerlukan perhatian kerajaan bagi membangunkan dengan infrastruktur, fizikal, pendidikan dan peluang-peluang ekonomi bagi rakyat dan kawasan-kawasan atau daerah yang berkenaan, saya berharap kerajaan atau kementerian ini dapat memberikan tumpuan yang lebih bagi kawasan ini sebagai membalas budi atau jasa rakyat yang sentiasa menyokong Barisan Nasional.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang memperkenalkan RUU ini dan menambah baik Akta 104 yang sedia ada khususnya supaya bersesuaian dengan fungsi KETENGAH bagi menyelaraskan dengan beberapa undang-undang bagi meningkatkan tadbir urus dan kecekapan sistem penyampaian. Sekian, terima kasih dan saya mohon menyokong. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin. Terima kasih banyak. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Dipersilakan.

**3.15 ptg.**

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin kerana membahaskan pindaan Akta KETENGAH pada hari ini.

Saya terus kepada perkara-perkara yang dibangkitkan. Pertamanya adalah mengenai permohonan untuk diperluaskan kawasan operasi KETENGAH kepada Setiu dan juga Besut. Memang benar saya umumkan sewaktu di Hulu Terengganu, kita juga akan melihat kepada cadangan Hulu Terengganu untuk memperluaskan kawasan. Di peringkat KETENGAH, kita tiada masalah, kita boleh meluluskan kalau kita hendak perluaskan.

Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada beberapa prosedur, beberapa peraturan lagi. Pertamanya, dari segi peraturannya ia mesti diluluskan oleh Ahli Lembaga KETENGAH dan selepas kelulusan tersebut hendaklah diserahkan kepada UPEN iaitu Unit Perancang Ekonomi Negeri untuk mereka mengkaji dan kalau dipersetujui, cadangan tersebut perlu dibawa ke Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri.

Apabila diluluskan oleh Exco Kerajaan Negeri maka selepas itu perlu dibawa ke pihak Persekutuan dan perlu diluluskan oleh mesyuarat Kabinet. Jadi oleh sebab perkara ini telah pun dibangkitkan, saya percaya pihak KETENGAH akan membuat kajian perkara ini dan akan membawa ke dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah KETENGAH nanti.

Manakala cadangan seterusnya hendak bawa Yang Berhormat Senator hendak pergi melawat pulau bebas cukai di Tasik Kenyir, saya sudah *check* dengan pegawai saya, kita boleh bersetuju untuk bawa Yang Berhormat Senator untuk melawat Tasik Kenyir terutamanya pulau bebas cukai.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Termasuk Tuan Yang di-Pertua *kot.*

Mengenai pertanyaan mengenai takrifan “Menteri”. Kita perlu memasukkan takrifan Menteri untuk memperjelaskan “Menteri” itu kerana sebelum ini tidak ada takrifan tentang “Menteri”, sedangkan di dalam akta ini banyak sering kali berulang-ulang menyebut tentang “Menteri” tetapi tidak ada takrifan tentang “Menteri”, sebab itulah kita memberikan takrifan yang jelas bahawa “Menteri” adalah “Menteri yang menjaga kepentingan wilayah iaitu Menteri Kemajuan Luar Bandar.”

Jadi kita jelas bahawa daripada segi pembangunan dan sebagainya, apabila kita sebut “Menteri”, kita tahu “Menteri” yang dimaksudkan itu adalah Menteri yang menjaga kemajuan wilayah iaitu Menteri KKLW.

Daripada segi pelantikan pengerusi. Pengerusi dilantik oleh Menteri dengan mendapat persetujuan daripada Perdana Menteri kalau ia melibatkan orang politik. Itu memang peraturannya. Jadi Menteri mencadangkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan selepas kelulusan, maka kita boleh melantik Menteri.

#### ■1520

Memang kita memilih orang Terengganulah sebagai pengerusinya. Malah hari ini kita ada timbalan pengerusi pun kita pilih daripada orang Terengganu yang berada di dalam kawasan KETENGAH itu sendiri.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, Pengerusi KETENGAH hari ini adalah Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu. Jadi saya kira kalau kita hendak lihat daripada segi kelayakan, saya percaya Yang Berhormat Menteri Besar Terengganu memang individu yang amat layak untuk menjadi pengerusi. Ini kerana seperti kita tahu walaupun KETENGAH di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan tetapi dari segi peruntukan pembangunan dan sebagainya, memang daripada Kerajaan Persekutuan.

Akan tetapi dari segi pelaksanaan masih lagi perlu terlibat dengan kerajaan negeri dan sebagainya. Dari segi tanah, dari segi untuk meluluskan pelan pembangunan dan sebagainya mesti tidak boleh lari daripada kerajaan negeri. Oleh sebab itu saya percaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu adalah yang sesuai untuk menjadi Pengerusi kepada KETENGAH ini. Walau bagaimanapun, bukan bermakna wajib di dalam akta melantik Menteri Besar Terengganu, boleh kita lantik pihak lain pun yang difikirkan sesuai.

Untuk wakil kerajaan negeri, memang kita mendapatkan nama-nama wakil tersebut daripada kerajaan negeri itu Terengganu. Memang kita tidak lantik secara sendiri walaupun Menteri mempunyai kuasa untuk melantik tetapi kita melantik adalah berdasarkan nama yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Terengganu kepada kita. Selepas ini saya ada KESEDAR. Mungkin hendak tanya juga fasal pelantikan wakil negeri. Saya *reserve* jawapan selepas inilah. Akan tetapi wakil negeri Terengganu pun dilantik oleh Menteri Besar, dicadangkan oleh Menteri Besar. Biasanya yang ada kaitan dengan tanggungjawab KETENGAH itu sendiri.

Sebagai contoh, misalnya ada beberapa agensi wilayah lain KEJORA, KEDA dan sebagainya yang dilantik itu yang ada kaitan. Sebagai contoh, mungkin yang dilantik itu Exco yang terlibat dengan prasarana di negeri itu kerana kita mempunyai banyak program membangunkan prasarana. Ataupun mungkin Exco keusahawanan, ekonomi dan keusahawanan negeri misalnya kerana banyak program yang melibatkan keusahawanan dan sebagainya. Oleh sebab itu kita melantik, kita memberikan kuasa untuk negeri untuk mencadangkan. Biasanya kita tidak akan ubah apa yang dicadangkan oleh kerajaan negeri.

Tiga orang- dulu kita ada hanya profesional sahaja yang dilantik. Sekarang ini seperti saya kata kita buka dengan lebih luas iaitu mereka yang dilantik adalah mereka yang difikirkan sesuai oleh Menteri. Menteri boleh melantik profesional. Kalau Menteri hendak lantik mungkin banyak yang melibatkan perkara-perkara berkaitan dengan perundangan misalnya, Menteri boleh melantik wakil peguam misalnya untuk berada di dalam Ahli Lembaga Pengarah KETENGAH tetapi tidak mesti kita lantik kerana akta yang baru ini memberi ruang yang lebih luas, terbuka dan sebagainya.

Jadi kita boleh lantik daripada NGO seperti saya kata tadi, boleh lantik daripada koperasi, boleh lantik daripada mungkin pengerusi-pengerusi ataupun pertubuhan ketua kampung, tidak kiralah mana-mana yang difikirkan sesuai, yang boleh membantu KETENGAH untuk melaksanakan fungsinya, kita akan lantik. Jadi lebih terbuka. Kalau dulu hanya tiga wakil profesional. Jadi kadang-kadang mungkin agak terhad daripada segi individu yang boleh kita lantik tadi.

Perkara seksyen 12(a) memang Pengerusi adalah *non-executive*. Kalau dulu Pengerusinya eksekutif, dia menjadi 'Ketua Pengawal'. Sedangkan Pengerusi yang biasanya adalah Menteri Besar. Jadi tidak mungkin dia menjadi eksekutif di lembaga seperti KETENGAH dan sebagainya. Jadi Pengerusi selepas ini menjadi Pengerusi yang *non-executive*, yang mempunyai *executive power* adalah Pengurus Besar.

Walau bagaimanapun, di dalam akta menekankan bahawa Pengurus Besar walaupun mempunyai kuasa eksekutif tetapi masih tertakluk kepada Lembaga yang mana lembaganya dipengerusikan oleh Pengerusi iaitu orang yang sama juga. Jadi walaupun dia mempunyai kuasa *non-executive* tetapi Pengurus Besar masih tertakluk kepada Lembaga. Pengerusi melalui Lembaga akan mengawal perjalanan pentadbiran Pengurus Besar dan juga Pengurus Besar mesti melaksanakan dasar dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar yang diputuskan oleh mesyuarat lembaga. Maknanya apabila mesyuarat lembaga memutuskan, Pengurus Besar mesti melaksanakan apa yang diputuskan oleh Mesyuarat Lembaga. Akan tetapi kerana dimasukkan juga Lembaga atau Menteri kerana Menteri mempunyai kuasa dari segi dasar keseluruhannya maka *final*-nya, akhirnya juga tertakluk kepada kuasa Menteri. Jadi kita tidak mengambil alih kuasa Pengerusi, kuasa Pengerusi masih lagi bersama dengan Lembaga dan sebagainya.

Seterusnya adalah Pengurus Besar. Kalau dulu pelantikan Pengurus Besar, Lembaga mencadangkan kepada Menteri untuk pelantikan. Jadi tidak ada anggapan yang mengatakan Menteri berkuasa penuh dan merampas hak daripada Lembaga. Ini kerana dulu pun Lembaga tidak boleh melantik Pengurus Besar tetapi Lembaga mencadangkan Pengurus Besar kepada Menteri dan *final decision* untuk pelantikan masih lagi Menteri. Cuma sekarang kita ringkaskan dari segi pelantikan iaitu *instead of* Lembaga datang kepada Menteri, Menteri boleh melantik terus Pengurus Besar.

Walau bagaimanapun, biasanya tentu sahajalah Menteri akan berbincang dengan pihak Pengerusi iaitu Menteri Besar dari segi membincangkan tentang soal pelantikan. Saya beri jaminan kepada Yang Berhormat setakat hari ini Pengurus Besar dan sebagainya adalah daripada Terengganu. Seperti kata Yang Berhormat, kalau boleh janjilah kekal sampai bila-bila pun.

Jadi kalau kelayakannya cukup dari segi pelantikannya, grednya mencukupi dan sebagainya *insya-Allah*, tentu sahaja kita akan beri kepada Pengurus Besar daripada Terengganu kerana merekalah yang memahami tentang apa yang diperlukan. Ahli silih ganti saya sudah sebutkan tadi. Ahli silih ganti adalah wakil daripada Kerajaan Persekutuan, ia bukan mewakili dirinya tetapi mewakili kerajaan.

Yang Berhormat Senator ada membangkitkan tentang pembangunan di Tasik Kenyir. Saya hendak perjelaskan secara ringkas Zon Bebas Tasik Kenyir. Fasa pertama adalah di Pengkalan Gawi yang telah pun dibuka pada 1 Ogos 2017 iaitu menjual barangan bebas cukai dan sebagainya. Itu merupakan fasa pertama. Fasa pertama adalah di Gawi dan fasa kedua adalah di Pulau Bayas. Pulau Bayas itu akan ada Kenyir Trade Center dan juga terminal utama. Kita jangka akan beroperasi pada tahun 2018. Kita jangka pada bulan Ogos 2018.

Setakat ini kita buka di Pulau Gawi dan hasil jualannya seperti Yang Berhormat sebut tadi. Dari segi kehadirannya memang ramai walaupun hanya seminggu dari 1 hingga 7 Ogos 2017, jualannya mencecah RM405,000 baru seminggu dan sebagainya, baru seminggu. Kita yakin ia akan terus menjadi tempat untuk membeli-belah dan sebagainya. Pihak KETENGAH bersama-sama dengan pihak pelancongan negeri dan pihak Pelancongan Persekutuan (MOTAC) akan terus mempromosikan Tasik Kenyir terutamanya zon bebas cukai. Kita harap dengan pembukaan fasa dua Pulau Bayas ini perniagaannya akan menjadi lebih rancak dan saya percaya yang akan mendapat faedahnya ialah mereka yang berada di sekitar Tasik Kenyir iaitu masyarakat di sekitar dan sebagainya.

#### ■1530

Yang Berhormat Senator dari segi pembangunan. Saya faham dari segi pembangunan tadi, Yang Berhormat Senator ada menyebutkan tentang pembangunan fizikal dan sebagainya. Suka saya maklumkan Yang Berhormat Senator, untuk pembangunan fizikal, jalan perhubungan di dalam kawasan KETENGAH, kita telah bina sebanyak 864.17 kilometer, bekalan air hampir 100 peratus, bekalan elektrik 100 peratus, telekomunikasi 100 peratus. Dari segi infranya sudah mencapai 100 peratus.

Manakala, daripada segi perumahan. Sehingga hari ini 4,603 rumah kos rendah telah pun kita bina. Kita bina Kampung Tersusun sebanyak 205 buah dan Rumah Bina Negara di bawah RISDA, kita bagi kepada KETENGAH untuk melaksanakan sebanyak 200 buah dan sebagainya, Program Kemajuan Kampung (PPK) sebanyak 320 buah rumah.

Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Senator, Kerajaan Persekutuan telah memberikan peruntukan sehingga tahun 2017 ini sebanyak RM1.335 bilion untuk KETENGAH. Manakala, Kerajaan Terengganu sebanyak RM862.1 juta. Banyak yang kita laburkan untuk KETENGAH.

Dari segi pendidikan Yang Berhormat Senator kita ada empat IPTA dan IPTS di kawasan KETENGAH iaitu Kolej KETENGAH, UiTM, MKIC dan Giat Mara. Manakala, usahawan kita sudah lahirkan seramai 371 usahawan dan kita akan terus kembangkan. Seperti Yang Berhormat Senator sebutkan tadi pokok salak dan sebagainya.

Memang kita ada beberapa program di bawah EPP 7 iaitu di Kampung Banho, Cerul Kemaman dan beberapa tanaman seperti nangka madu, durian belanda dan sebagainya. Saya ambil perhatian Yang Berhormat Senator tadi mengenai buah salak dan juga durian- musang king. Minta maaf Yang Berhormat Senator, sewaktu saya di Hulu Terengganu saya dijamu dengan durian Hulu Terengganu. Memang mempunyai potensi yang besar untuk kita memperluaskan projek-projek yang melibatkan pertanian dan sebagainya.

*Insya-Allah*, Yang Berhormat Senator, KETENGAH akan terus membangunkan kawasan-kawasan yang telah pun kita laksanakan dari segi operasinya di bawah tanggungjawab kita dan cadangan Yang Berhormat Senator untuk memperluaskan kawasan itu, saya rasa amat popular di kalangan masyarakat di daerah-daerah lain di Terengganu, melihat kepada kemampuan KETENGAH untuk membangunkan kawasan yang sedang kita bangunkan ini.

*Insya-Allah*, kita akan bawa dalam mesyuarat dan kita akan ketengahkan perkara ini. Terima kasih, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri dan nampak jelas banyak sudah dia buat jasa kepada kita. Sebab tadi ramai yang memuji. Tahniah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis Bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 15** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (Datuk Alexander Nanta Linggi) dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN (PINDAAN) 2017**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**3.36 ptg.**

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang Akta Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Pindaan) 2017 iaitu suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan 1978 [Akta 203] dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang Akta Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Pindaan) 2017 atau selepas ini disebut sebagai Akta KESEDAR yang dicadangkan bertujuan untuk meminda Akta 203 yang telah berkuat kuasa pada 2 Mac 1978.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sama seperti pindaan yang dibuat kepada Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah 1981, Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972, Akta Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah 1973, yang telah diluluskan sebelum ini, pindaan ini juga hanya melibatkan pindaan dalam aspek pengurusan dan pentadbiran yang bertujuan untuk menambah baik Akta 203 sedia ada dan menyelaraskan peruntukan dengan amalan semasa agensi serta menyeragamkan peruntukan dengan arahan pekeliling undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan ataupun KESEDAR merupakan Badan Berkanun Persekutuan yang telah ditubuhkan pada 2 Mac 1978 di bawah Akta 203 dengan matlamat untuk mempercepatkan pembangunan penduduk di kawasan Kelantan Selatan. Bagi mencapai pembangunan seimbang daripada fizikal dan sosioekonomi dengan kawasan-kawasan lain terutamanya dengan kawasan Kelantan Utara.

Kawasan operasi KESEDAR berkeluasan 1.234 juta hektar dan merangkumi empat jajahan iaitu Gua Musang 797,976 hektar, Jeli 128,304 hektar, Kuala Krai 235,689 hektar dan sebahagian Tanah Merah 72,263 hektar.

Seperti agensi Lembaga Kemajuan Wilayah di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang lain, KESEDAR telah melaksanakan tanggungjawab yang diberikan kepadanya dalam aspek pembangunan sosioekonomi dan pembasmi kemiskinan menerusi pelbagai program terutamanya rancangan kemajuan tanah serta pembangunan fizikal seperti penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam di kawasan operasi.

#### **■1540**

Tuan Yang di-Pertua, objektif utama akta yang dicadangkan adalah untuk yang pertama, mengadakan peruntukan undang-undang yang bersesuaian dan selaras dengan perubahan tugas dan tanggungjawab KESEDAR ekoran daripada perubahan dasar dan peraturan urus tadbir semasa kerajaan bagi memastikan Akta 203 sentiasa relevan dan selari dengan undang-undang yang berkuat kuasa. Kedua, menyelaraskan Akta 203 dengan beberapa undang-undang dasar dan peraturan urus tadbir semasa kerajaan berkaitan badan berkanun persekutuan seperti Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240], Akta Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] dan Surat Pekeliling, Am Bil.3/1998 bagi meningkatkan urus tadbir dan kecekapan sistem penyampaian.

Pindaan-pindaan dalam akta yang dicadangkan merangkumi pindaan lima seksyen dan satu jadual sedia ada. Penggantian dua seksyen sedia ada, pewujudan tiga seksyen baru dan satu jadual baru serta pemotongan seksyen 7.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang dicadangkan ini mengandungi 15 fasal kesemuanya. Fasal-fasal yang tidak dinyatakan secara khusus adalah fasal yang melibatkan pindaan kecil atau berbangkit. Antara fasal-fasal pindaan utama dalam rang undang-undang ini ialah seperti berikut.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda takrif "Menteri".

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 5 berhubung dengan keanggotaan Lembaga. Antaranya mengandungi pelantikan anggota Lembaga oleh Menteri yang mengkhususkan wakil kementerian agensi Pusat yang dilantik bagi mewakili Persekutuan dan termasuk juga kepada pelantikan ahli-ahli yang difikirkan sesuai oleh Menteri.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 5A bagi memberi Menteri kuasa untuk melantik anggota silih ganti.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda nota bahu kepada seksyen 12, Akta 203 dan menggantikan seksyen 12(1) untuk memperuntukkan tanggungjawab Pengerusi.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda sebahagian seksyen 13, termasuk pelantikan Pengurus Besar dan juga tanggungjawab serta fungsinya.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda subseksyen 14(2) untuk memperuntukkan bahawa Pengarah setiap bahagian hendaklah dilantik oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri.

Fasal 8 bertujuan untuk menggantikan seksyen 16A untuk memperuntukkan bahawa Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.

Fasal 9 bertujuan untuk memotong seksyen 16B, 16C, 16D, 16E, 16F, 16G dan 16H yang berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada seksyen 16A.

Fasal 10 bertujuan untuk menggantikan seksyen 22 untuk mengadakan peruntukan bahawa Akta Badan-badan Berkanun (Akaun dan Laporan) 1980 hendaklah terpakai.

Fasal 11 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 28A untuk memberi Lembaga kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa.

Fasal 12 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 32A untuk memberi Lembaga kuasa dengan kelulusan Menteri untuk meminda Jadual Akta 203.

Fasal 13 bertujuan untuk meminda sebahagian daripada Jadual Pertama.

Fasal 14 bertujuan untuk memasukkan Jadual baru Ketiga bagi mengadakan peruntukan perkara-perkara yang berhubungan dengan pelantikan mesyuarat dan tatacara jawatankuasa.

Fasal 15 bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan 1978 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Dalam senarai saya ini ada tujuh orang, lapan orang hendak bercakap.

Saya beri peluang pertama sekali kepada Yang Berhormat Senator Hajah Khairiah binti Mohamed.

### 3.45 ptg.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih kerana memberi saya ruang yang pertama untuk membahaskan rang undang-undang ini yang begitu rapat dengan rakyat Kelantan. Pertamanya, saya ingin menyentuh tentu sekali berkait dengan keanggotaan ahli Lembaga KESEDAR. Oleh kerana kita punya pengalaman yang begitu lama dengan keanggotaan ahli Lembaga KESEDAR ini.

Sedikit saya sentuh, bermula pada tahun 1994 sehingga tahun 2003, tiga kerusi, tiga orang wakil kerajaan negeri yang sepatutnya diisi adalah kosong. Daripada tahun 2004 sehingga- yang ini, maklumat ini saya tidak begitu tepat sebab tahun 2004 hanya seorang yang dilantik iaitu setiausaha kerajaan negeri, Dato' Asri masa itu, sehingga bila, saya tidak pasti.

Akhirnya, pada tahun 2014 barulah ada pelantikan penuh tiga orang wakil kerajaan negeri iaitu terdiri daripada seorang Exco iaitu Datuk Che Abdullah dan seorang Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga Pengarah Tanah dan Galian Kelantan. Jadi, ini pengalaman Kelantan berkait dengan akta ini.

Saya kira apabila keanggotaan ahli Lembaga ini tidak lengkap, khususnya daripada pihak kerajaan negeri, banyak perkara yang tidak selesai dan menyusahkan. Tentu sekali matlamat penggubalan akta ini tidak tercapai. Agak terbantut. Kalau kita tengok kepada pengalaman Kelantan tadi daripada tahun 1994 sehingga tahun 2013, berlaku kekurangan daripada sudut lantikan ataupun keanggotaan ahli Lembaga ini. Jadi, melalui pindaan pada kali ini, pertamanya saya ingin mohon kepastian, bolehkah melalui akta ini, melalui pelantikan ahli Lembaga ini hendaklah memastikan kerusi-kerusi ini sentiasa penuh? Jangan ada kekosongan, terutamanya ya lah semua yang terlibat ini, semua penting bagi memastikan berjalan lancar pembangunan dan apa yang dimatlamatkan dalam akta ini. Mesti keanggotaannya penuh.

Kedua, perlu dinyatakan secara jelas tiga orang wakil kerajaan negeri itu siapa? Siapa wakil kerajaan negeri itu? Perlu dinyatakan secara jelas juga sebagaimana kita melihat daripada Akta Ibu, tiga orang wakil daripada kementerian sebelum ini dinyatakan secara umum, sekarang dinyatakan secara jelas mesti daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, seorang daripada Kementerian Kewangan dan seorang daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, jelas. Jadi, saya kira itu yang pertama yang perlu kita semua ambil perhatian dan memang ini adalah satu tambah baik. *Alhamdulillah* kita di Kelantan bila mana ada wakil daripada Kerajaan Kelantan yang dilantik di dalam KESEDAR, beberapa isu besar berkait dengan tanah dapat diselesaikan, yang pertama.

Kedua, saya begitu tertarik dengan anggota silih ganti. Sememangnya saya pun mungkin ini pertama sekali yang saya dengar anggota silih ganti ini. Mungkin sebelum ini di tempat-tempat lain ada. Akan tetapi saya ingin menimbulkan di sini berkait dengan pertamanya, keupayaan ataupun kapasiti, keupayaan, kemampuan anggota silih ganti ini berbanding dengan anggota ataupun ahli Lembaga yang diganti itu.

Adakah dia mempunyai kemampuan ataupun keupayaan untuk membuat keputusan sama seperti ahli Lembaga yang dilantik? Saya kira tentu sekali apabila mesyuarat-mesyuarat jabatan contohnya, seorang yang dilantik adalah berkapasiti seorang yang paling kanan dalam jabatan, yang tentu sekali punya kuasa ataupun punya *authority* yang lebih besar untuk membuat keputusan.

#### ■1550

Jadi apabila anggota silih ganti yang dihantar, pandangan saya, tentu sekali ia akan mempunyai keupayaan yang dia adalah lebih junior berbanding dengan kekananan anggota ahli Lembaga yang asal. Jadi, adakah keperluan anggota silih ganti ini begitu mendesak sehinggakan perlu ada ganti kepada ahli yang tetap yang saya yakin seorang yang paling kanan, pegawai yang paling kanan yang boleh berupaya membuat keputusan, berupaya untuk membuat keputusan-keputusan yang besar?

Saya kira keanggotaan dalam KESEDAR dan sebelum ini pun dalam tiga akta yang lain ini, bukanlah suatu perkara yang kecil. Kalau di mahkamah, kita menetapkan tarikh perbicaraan, di Mahkamah Tinggi, di Mahkamah Federal, di Mahkamah Rayuan-kita tidak punya alasan untuk tidak hadir. Ini Mesyuarat Ahli Lembaga. Kenapa tidak hadir? Saya masih lagi melihat anggota silih ganti ini sebenarnya mungkin maknanya tidak perlu. Kita boleh atur perjalanan diari kita, yang ini mesyuarat yang kita mesti hadir, wajib hadir. Jadi, kemungkinan keperluan anggota silih ganti ini diwujudkan dibuat semata-mata memenuhi sebab kita tidak menjadikan mesyuarat ini satu prioriti, bukan menjadi prioriti kita. Atau mungkin ada justifikasi lain. Mohon maklum.

Berkait dengan anggota silih ganti ini juga, daripada sudut liabiliti anggota silih ganti, adakah ia mempunyai liabiliti yang sama seperti anggota yang asal yang dia ganti? Adakah liabilitinya sama? Adakah ia juga adalah ahli Lembaga? Liabilitinya macam mana? Sekiranya dia menggantikan dalam satu-satu mesyuarat dan membuat satu-satu keputusan, adakah bila berlaku satu-satu kes, orang yang diganti itu juga mempunyai liabiliti yang sama walaupun dia tidak hadir? Jadi, ini antara persoalan-persoalan undang-undang yang timbul apabila berlaku penggantian yang digubal secara *direct*, bukannya tidak ada wakil. Maknanya benda ini dibuktikan secara jelas di dalam akta.

Saya rasa itu sahaja berkait dengan perbincangan rang undang-undang ini yang saya ingin bahaskan dan yang akhir yang banyak juga disentuh oleh sahabat-sahabat iaitu berkait dengan kawasan-kawasan pelancongan di Kelantan.

Saya kira di Kelantan banyak sebenarnya tempat-tempat menarik yang boleh dibangunkan untuk kawasan-kawasan pelancongan dan banyak lagi usaha-usaha yang perlu diteroka untuk menjadikan Kelantan ini kelihatan lebih cantik, lebih menarik dan lebih indah. Saya rasa usaha ini antara usaha yang boleh dibuat adalah daripada pihak KESEDAR sendiri. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah. Saya jemput pula Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

### 3.54 ptg.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam Negaraku Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang KESEDAR ini. Saya amat mengalu-alukan Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri KKLW kerana amat komited dalam memastikan pembangunan di kawasan selatan Kelantan terus diberi perhatian sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dibuat meliputi penstrukturan semula kuasa Lembaga dan Pengerusi serta tanggungjawab Pengurus Besar KESEDAR dilihat seiring dengan aspirasi KKLW melalui transformasi membandarkan luar bandar. Justeru, melalui pindaan yang dibuat terhadap seksyen 5 berkaitan dengan pelantikan komposisi keanggotaan Lembaga, ia amatlah disokong sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, transformasi membandarkan luar bandar seperti di kawasan-kawasan Gua Musang, Dabong, Kuala Krai dan Machang iaitu di kawasan saya, memerlukan pemerhatian dan komitmen yang tinggi oleh seluruh pihak yang berkepentingan. Machang ini sebenarnya adalah sempadan dengan Kuala Krai tetapi KESEDAR pun tidak, KADA pun tidak. Jadi apakah salahnya masukkan Machang ini dalam kawasan KESEDAR? Di Machang ini, FELCRA itu adalah sedikit tetapi tidak mencukupi kerana banyak tanah-tanah terbiar, tanah-tanah persendirian yang sesuai untuk perusahaan getah dan kelapa sawit. Kalaulah yang di Kedah itu apa yang dibentang oleh Yang Berhormat Menteri tadi sebanyak 89 peratus, apakah salahnya KESEDAR diperluaskan ke jajahan Machang?

Tuan Yang di-Pertua, bunyi *jah ore* Machang ini duduk di utara pada Kuala Krai, tapi dari segi pendapatannya, *llin ore* Kuala Krai. Tuan Yang di-Pertua mungkin tidak faham, tetapi Yang Berhormat Menteri faham saya *kecek Kelate*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya Faham.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Jadi kena tolonglah Machang ini, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, kerana kawasan Machang ini ialah kawasan menang. Kita ada Ahli Parlimen iaitu Timbalan Menteri KKLW.

Komposisi seimbang yang dilantik bagi menganggotai Lembaga KESEDAR perlu dibuat. Dan saya ingin mencadangkan untuk melantik wakil wanita yang menjadi tunjang pembangunan luar bandar kerana saya dapati peneroka-peneroka pun ramai juga terdiri daripada wanita.

Tuan Yang di-Pertua, pasca banjir tahun 2014 memperlihatkan bahawa KESEDAR memainkan peranan yang amat signifikan dalam membela nasib penduduk di luar bandar Kelantan Selatan. Saya amat berbangga dengan komitmen Kerajaan Persekutuan membina Lebuh raya Kota Bharu-Kuala Krai, projek *Central Spine Road* telah membuktikan pembangunan pesat luar bandar di Kuala Krai, Gua Musang dan Jeli.

Pindaan yang dilakukan juga menyentuh penstrukturan fungsi dan tanggungjawab Pengurus Besar serta keterlibatan Lembaga dalam memastikan segala keputusan yang diputuskan oleh Menteri dan Lembaga dapat dilaksanakan dengan berkesan dan cekap di samping menjadikan integriti dalam apa jua kerja atau pelaksanaan program KESEDAR. Sekian, saya mohon menyokong pindaan ini, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datin Rahimah. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim.



3.58 ptg.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam negaraku Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pertama-tamanya saya hendak berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana hadir sendiri. Kelmarin ke mari, hari ini ke mari. Saya rasa inilah Menteri yang paling terbaik yang menerajui KKLW kalau hendak dibandingkan dengan Menteri-menteri sebelum ini. Yang Berhormat Menteri ini juga berwibawa macam Yang Berhormat Dato' Hishamuddin kelmarin juga.

Tuan Yang di-Pertua, KESEDAR ini kalau kita tengok kawasan dia, daripada dulu sampai sekarang tidak berubah. Saya tengok apabila Kelantan Selatan ini diletak di bawah satu badan berkanun kerajaan iaitu KESEDAR, dulu Gua Musang ini kawasan kampunglah- kalau ibarat kata, tempat jin bertendang syaitan menggoda. Dulu kampung.

■1600

Akan tetapi sekarang sudah banyak berubah dan kalau hendak kira macam Yang Berhormat Datin Rahimah katalah kalau hendak banding Machang dengan Gua Musang nampak sekarang ini hilir Gua Musang daripada Machang sebab adanya KESEDAR. Adanya hotel dan kedai-kedai makan pun sudah rasa bertaraf Bandar Kota Bharu sudah ini kerana kalau ambil kira dari segi *cost of living*, dengan izin, lebih mahal di Gua Musang hendak banding dengan Kota Bharu. Cuma saya sokonglah beri kuasa kepada Menteri sebelum ini pun disebut Menteri dan saya sokonglah setuju diberi kuasa kepada Menteri untuk melantik ahli Lembaga pengarah KESEDAR. Kalau ada hendak minta boleh tetapi kuasa melantik itu kuasa Menteri, Menteri pun dia hendak lantik ALP atau Ahli Lembaga Pengarah itu yang tidak menyusahkan dan tidak memberi masalah kepada KESEDAR.

Kalau hendak lantik yang menyusahkan nanti hendak bangun KESEDAR itu susah pula jadi saya mintalah supaya Menteri yang dikasihi oleh semua orang UMNO ini supaya diperluaskan kawasan. Tadi Yang Berhormat Datin Rahimah minta sampai ke Machang kalau Machang, Rantau Panjang hendak juga pun boleh. Sebab saya tengok Macang tak masuk dia lompat ke Tanah Merah, Tanah Merah masuk jadi apabila lompat ke Tanah Merah, Tanah Merah ini sempadan dengan Rantau Panjang. Kalau boleh kalau Rantau Panjang tak masuk semua pun masuk DUN Bukit Tunku pun cukup sudah. Saya tengok apabila kawasan ini berada di bawah KESEDAR, saya tengok kawasan itu semakin maju.

Rakyatnya makin berubah cara pemikiran dan kita tengok dalam kawasan KESEDAR sendirilah walaupun di Pos Bihai itu saya tengok tinggi walaupun 16 kilometer tetapi jalannya lima jam naik tapi sampai ke atas bukit sana pun saya tengok sekolah pun ada dan maju. Orang Asli pun dulu hitam sekarang sudah putih-putih sudah fasal maju letak di bawah KESEDAR. Jadi saya mintalah kalau bolehlah sebab saya tahu benda ini melibatkan kerajaan negeri, ia melibatkan tanah. Jikalau kawasan KESEDAR ini hendak ditambah kalau letak wakil kerajaan negeri dalam itu kalau wakil kerajaan negeri itu setuju boleh tambah perluas kawasan, boleh. Kalau wakil kerajaan negeri duduk dalam itu tak bekerjasama baik tak usah lantik.

Kepada KESEDAR, saya tengok memang baguslah. Dalam KESEDAR itu ada tiga DUN, Galas, Paloh, Nenggiri dan Parlimen 100 peratus di menangi oleh Barisan Nasional. Saya hendak berterima kasihlah KESEDAR kerana berjaya bangunkan minda dan pemikiran rakyat dalam kawasan KESEDAR. Kemudian yang akhir sekali, kita pilihan raya ini kalau tak jadi tahun ini tahun depan. Saya tengok di bawah pengurusan baru, Pengurus Besar KESEDAR ini saya tengok dia hendak pencen September ini, saya hendak minta jasa baik Menterilah kalau boleh sambung dia sampai pilihan raya. Pengurus Besar KESEDAR, saya tengok dia nampaknya dari segi taat setianya tidak berbelah bahagi kepada kementerian dan kepada Menteri sendiri. Saya tengok dia ini masih lagi berkemampuan, berintegriti dan berinovasi dan saya minta jasa baik Menteri sambung Pengurus Besar KESEDAR ini sampai ke pilihan raya.

Seterusnya tadi disebut fasal bangunkan kawasan KESEDAR untuk pelancongan, saya setuju. KESEDAR ini di Gua Musang ini saya rasa memang selayaknya kita bina satu kawasan pelancongan sebab saya tengok sekarang ini ramai orang sakit jiwa. Bila orang pergi pantai, pantai pun sudah tiada, tak dibangunkan. Saya rasa amat sesuai Gua Musang ini carilah mana-mana tempat yang boleh dibuat pelancongan air terjun kah, jangan orang terjun sudahlah. Buat kawasan air terjun dan bela ikan kelah banyak sana tetapi tak boleh di tangkaplah, untuk di tengok sahaja dan rasa amat sesuai di bangunkan pusat-pusat pelancongan di kawasan Gua Musang.

Saya difahamkan banyak tempat yang boleh dibangunkan dan menjadi *income* dan kepada kerajaan dan juga memberi kerja kepada banyak peniaga-peniaga di kawasan Gua Musang. Saya rasa itu sahaja Yang Berhormat Menteri saya sokong penuhlah dan saya amat yakin di bawah Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, KESEDAR ini akan dapat dibangunkan lagi, akan dapat diperkasakan lagi, lebih-lebih lagi seorang Menteri yang tidak ada protokol, baik dengan semua orang, saya rasa semua orang boleh beri kerjasama untuk Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob membangun KESEDAR dan Malaysia. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim dan terima kasih banyak ya. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Tuan Aknan Ehtook.

#### 4.06 ptg.

**Tuan Aknan Ehtook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya pun turut ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah bertungkus-lumus untuk membentangkan empat rang undang-undang sekali gus hari ini. Walaupun benda sama tetapi kawasan yang berbeza. Saya ingin menarik perhatian kepada perkara 5 sebab yang lain-lain sudah dibincangkan oleh kawan-kawan yang lain. Perkara 5 itu, "*Pengurus Besar hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan lain atau tambahan sebagaimana yang dikemukakan oleh Menteri atau Lembaga*". Di sini saya hendak membangkitkan tentang JKKKP iaitu Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan.

Saya difahamkan elaun-elaun mereka ini dibayar oleh KESEDAR. Akan tetapi apabila saya semak di lapangan, ada setengah JKKKP ini tidak menjalankan fungsi yang sepatutnya. Ada yang mengadakan mesyuarat berkala, ada yang tidak. Walaupun dalam jawapan Yang Berhormat Menteri kepada saya soal saya tentang apakah ukuran yang digunakan untuk menilai prestasi JKKK, salah satunya ialah mengadakan mesyuarat sebanyak 12 kali sebulan. Kemudian mengemas kini profil kampung, melaksanakan tiga aktiviti dalam masa setahun, menyediakan pelan tindakan desa dan menghadiri kursus induksi.

Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri dan juga pihak KESEDAR, saya minta supaya tolong semakkanlah sama ada KPI ini telah dilaksanakan oleh JKKK atau tidak. Ini kerana JKKK inilah pemimpin peringkat akar umbi yang menentukan apa sahaja yang dicadangkan oleh orang-orang kampung untuk sampai ke peringkat Menteri, peringkat atas, peringkat kementerian dan sebagainya. Jadi sekiranya mereka ini tidak berfungsi dengan baik jadi mungkin maklumat yang dapat itu mungkin tidak tepat, kurang tepat dan mungkin tidak sesuai apabila sesuatu program yang dicadangkan oleh kementerian bila sampai ke bawah tidak mencapai matlamat yang orang kampung hendak sendiri.

Jadi minta tolong semak dan pastikan mereka melaksanakan tugas mereka dan juga kerana pihak KESEDAR ini jadi tukang bayar elaun itu, adalah banyak benda yang boleh di pulas jari kah, hendak pulas tangan kah, boleh buat semua. Jadi pastikan supaya- saya amat berharap pihak JKKKP ini menjalankan tugas dengan terbaik. Ini kerana kalau kita lihat di Kelantan, dalam satu kampung itu ada dua JKKK, satu JKKK dan satu lagi JKKKP. Jadi kadang-kadang dua pihak ini memberi khidmat kepada satu kampung jadi ada pertembungan di situ. Jadi jikalau JKKKP ini tidak menjalankan fungsi dengan baik, dia akan memberi kesan kepada program yang dirancang dan dijalankan oleh kementerian dan juga Kerajaan Persekutuan. Jadi itu sahaja yang saya hendak bangkitkan kerana yang lain telah diulang beberapa kali dan ini yang keempat.

#### ■1610

Jadi akhir, saya ingin menyokong agar rang undang-undang ini diluluskan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Aknan Ehtook dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Tuan Haji Muhammad bin Mustafa.

#### 4.11 ptg.

**Tuan Haji Muhamad bin Mustafa:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera... [Membaca sepotong doa dalam bahasa Arab]*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya turut serta membahaskan akta ini. Saya ingin mengambil sedikit masa sahaja. Pertama, saya hendak ucap tahniah dan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat di atas segala usahanya untuk membangun kawasan KESEDAR ini demi kepentingan rakyat dan juga kebaikan bersama. Kita bersyukur kepada Allah dan berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana sentiasa prihatin kepada kawasan KESEDAR ini dan saya harap kerjasama ini dapat diteruskan dengan sebaik-baiknya, dengan penuh ikhlas kerana Allah SWT, semata-mata mencari keredaan Allah dan meneruskan usaha ini semata-mata kerana untuk membela rakyat.

Faktor kejayaan FELDA paling penting ialah kerjasamanya dengan kerajaan negeri. Kalau kerjasama ini tidak dapat dijalankan dengan baik maka berlakulah masalah-masalah seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat sahabat saya, Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah tadi, jadi sangat mendukacitakan lah. Saya harap sejarah-sejarah hitam ini kita cuba putihkan, kita cuba baiki hubungan ini kerana kita semua adalah berusaha mencari keredaan Allah dan untuk kebaikan rakyat di dunia dan juga di akhirat nanti.

Berkenaan dengan ahli Lembaga sebagaimana yang disebut oleh sahabat saya Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah tadi, saya ingin mencadangkan supaya timbalan pengerusi dalam ahli Lembaga ini supaya melantik orang bertanggungjawab secara langsung menjaga hal ehwal tanah dan pembangunan wilayah, iaitulah Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar yang saya rasa kalau dilantik untuk menjadi timbalan pengerusi ahli lembaga ini, *insya-Allah* dengan jiwa besarnya pihak Yang Berhormat Menteri, banyak kebaikan yang dapat dilaksanakan kerana beliau ini ialah yang bertanggungjawab secara langsung menjaga hal ehwal tanah dan pembangunan luar wilayah dan kerjasama boleh gabungkan di antara pihak Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri.

Sebagaimana kita sedia maklum, banyak masalah-masalah KESEDAR ini, memang tidak boleh tinggal kerajaan negeri. Oleh yang demikian, sekiranya yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal tanah ini dapat disertakan atau dapat dilantik secara langsung dalam ahli Lembaga ini, saya rasa segala masalah dapat diselesaikan dengan segera. Tidak banyak protokol lagi, *insya-Allah*. Itu perkara yang pertama yang saya hendak sebut di sini. Perkara yang kedua, saya tengok banyak program-program Kerajaan Pusat di negeri-negeri lain di kawasan seperti Kisdar ini tetapi oleh kerana Kelantan ini berbeza dengan negeri lain dari segi politik kerana Kelantan diperintah oleh pihak pembangkang, maka apa yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat di negeri-negeri lain juga berbeza.

Kenapa apabila kita sebut pembangkang, maka dengan sendiri dia jadi *allergic*. Padahal pembangkang ini satu istilah yang sah dari segi undang-undang dan pembangkang itu bukan bermakna mesti dibezakan dengan negeri-negeri yang lain. Kalau negeri Terengganu Menteri Besar sendiri. Jadi, Pengerusi Ahli Lembaga kenapa negeri Kelantan tidak macam itu? Kalau tidak sampai peringkat itu pun, sekurang-kurangnya Timbalan Menteri Besar disertakan bersama. Paling tidak.

Dalam hal ini, saya ingin memohon kepada pihak Yang Berhormat Menteri kalau boleh kita berilah satu peluang pada kali ini kepada orang yang memang bertanggungjawab secara langsung untuk menjaga hal ehwal tanah ini saya kenali beliau ini adalah seorang yang berjiwa besar dan mudah untuk bekerjasama. Jadi kita lupakanlah perkara-perkara yang telah lalu itu supaya program-program yang akan dilakukan oleh Kerajaan Pusat dapat dijalankan dengan sebaik-baiknya, *insya-Allah*.

Perkara yang seterusnya saya hendak sebut di sini ialah masalah tanah KESEDAR itu sendiri. Saya difahamkan hampir 75 peratus tanah di Kelantan ini termasuk dalam kawasan FELDA yang melibatkan jajahan Gua Musang, Tanah Merah, Kuala Krai, Jeli ya dan tanah-tanah ini sangat strategik dari segi pembangunan dan sangat penting untuk membantu rakyat dan kita lihat di Kelantan ini sektor yang paling mustahak dan paling penting ialah sektor pertanian ya. Walaupun sektor-sektor lain pun di Kelantan tetapi sektor pertanianlah yang paling utama.

Oleh hal yang demikian saya harap pihak Yang Berhormat Menteri dengan kerjasama kerajaan negeri supaya dapat mencipta sejarah agar Kelantan mempunyai satu sektor pertanian yang boleh membela rakyat dengan bantuan Kerajaan Pusat tanpa mengira kefahaman politik dan sebagainya.

Yang ketiga, sebagaimana yang disebut sebelum ini iaitu masalah kemiskinan. Salah satu daripada penghalang kemajuan ialah kemiskinan dan biasanya kemiskinan ini dilihat dari sudut fizikalnya sahaja.

Jadi saya harap dalam pembangunan KESEDAR ini kita perlu melihat masalah kemiskinan itu secara bersepadu kerana di sana ada orang-orang yang memang sempurna kemiskinannya, rakyat-rakyat yang memang sempurna kemiskinannya, miskin dari segi fizikalnya, kehidupan lahirnya, miskin juga dari segi rohaninya, keilmuannya, keagamaannya.

Jadi hal yang demikian maka pembangunan rakyat di kawasan ini kita perlu mengatasi masalah kemiskinan ini secara sepadu dan dibangunkan secara bersepadu dengan mengambil kira faktor agama, ekonomi dan lain-lain. Lagi pun di Kelantan ini pendidikan Islam adalah sangat-sangat di ambil berat oleh kerajaan dan rakyat dan kalau boleh diberikan keutamaan yang penting untuk membina rakyat di kawasan ini. Saya juga tadi dengar Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah, Senator yang baru dilantik menceritakan tentang masalah-masalah rakyat di kawasan yang disebut tadi. Saya rasa masalah ini hampir sama berlaku di kawasan-kawasan KESEDAR.

Oleh hal yang demikian, saya harap dalam rangka dan usaha pembangunan ini, kita cuba sepadukan di antara negeri-negeri sebab masalahnya hampir sama. *Insyallah* dengan pimpinan seorang Menteri yang berjiwa besar ini kita harap segala masalah yang disebut itu dapat diatasi dengan sebaik-baiknya. Saya ingin mencadangkan di sini marilah kita sama-sama bekerja sama dalam perkara-perkara yang disepakati bersama dan saling hormat-menghormati dalam perkara yang berbeza.

#### ■1620

Ini merupakan syarat kejayaan. Kalau kita sentiasa bertelingkah dan berbalah, berkelahi, sudah pasti banyak merugikan rakyat. Jadi marilah kita sama-sama berusaha supaya dalam Pelan Pembangunan KESEDAR yang akan datang ini, saya harap benar-benar pihak Kerajaan Pusat bekerjasama dengan kerajaan negeri dalam semua aspek. Kalau boleh bukan saja dalam ahli Lembaga tetapi juga dalam jawatankuasa-jawatankuasa lain pun, biar ada juga wakil-wakil dari kerajaan negeri supaya kerajaan negeri dan Pusat ini berjalan seiring.

Ini kerana kedua-dua, Kerajaan Pusat dan negeri mempunyai kepentingan yang bersama iaitu membangun dan membawa kemajuan kepada rakyat. Saya rasa itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua apa yang saya nak sebut di sini. Sekali lagi saya sebut, saya harap supaya seorang Timbalan Pengerusi itu dilantik orang yang berautoriti dan berwibawa untuk bertanggungjawab secara langsung menjaga hal ehwal tanah pembangunan wilayah demi untuk mempercepatkan segala usaha yang dilakukan oleh pihak Kerajaan Pusat khususnya kementerian berkenaan. Sekian terima kasih dan saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad bin Mustafa. Sekarang akhirnya pembahas kita iaitu Yang Berhormat Puan Bathmavathi Krishnan.

#### 4.21 ptg.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut berbahas Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Pindaan) 2017.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kemudahan-kemudahan yang disediakan di Lembah Klang, bagi Orang Kurang Upaya ia jauh berbeza dari apa yang disediakan di tempat-tempat lain termasuk negeri Kelantan. Mengapa perkara ini harus berlaku? Walhal orang kurang upaya terdapat di seluruh negara. Jadi untuk mengatasi ketidakseimbangan dan demi meningkatkan taraf hidup orang kurang upaya di Kelantan Selatan, saya ingin mengutarakan sedikit cadangan.

Saya mencadangkan supaya dalam Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan ini keanggotaan ini diberi peluang kepada seorang wakil untuk dilantik untuk mewakili kepentingan dan keperluan orang kurang upaya. Ini adalah untuk memastikan supaya dasar kerajaan berkenaan dengan pembangunan orang kurang upaya dapat dilaksanakan. Di antara undang-undang dan dasar yang telah pun digubal oleh kerajaan untuk kesejahteraan orang kurang upaya ialah Undang-undang Kecil Bangunan Seragam yang digubal dan telah diwartakan pada tahun 1990.

Kedua, Dasar Satu Peratus Peluang Pekerjaan di sektor awam dan di sektor swasta untuk dikhaskan kepada orang kurang upaya, dan juga ketiga pendaftaran orang kurang upaya.

Saya mencadangkan supaya dengan kerjasama JKK di Kelantan Selatan, pendaftaran orang kurang upaya dipertingkatkan supaya OKU di Kelantan Selatan dapat menikmati kesemua 25 jenis kemudahan yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Begitu juga saya mencadangkan supaya ahli yang dilantik nanti boleh juga membantu dalam pelaksanaan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016 hingga 2022 itu dengan memberi saranan dan juga memantau pelaksanaan apa yang terkandung dalam pelan tindakan ini demi memperkasakan kehidupan orang kurang upaya di Kelantan Selatan. Dengan ini saya sokong Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Pindaan) 2017. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Bathmavathi Krishnan dan itu akhirnya. Sekarang kita sudah habis semua, kita pula minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

**4.25 ptg.**

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada enam Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian, iaitu Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed; Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad; Yang Berhormat Senator Haji Abdullah bin Mat Yasim; Yang Berhormat Senator Tuan Aknan A/L Ehtook; Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad bin Mustafa; dan Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi.

Terima kasih saya ucapkan kerana sama-sama mengambil bahagian dan memberikan pandangan kepada pihak kementerian bagi kita memperkasakan peranan KESEDAR ini. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah membangkitkan mengenai seksyen 5(1)(f) iaitu pelantikan wakil kerajaan negeri.

Untuk makluman, saya apabila Yang Berhormat menyebutkan tentang pelantikan tadi, Yang Berhormat menyebut bahawa pada tahun 2014 tiga wakil kerajaan negeri dilantik.

Suka saya maklumkan pelantikan itu dibuat apabila saya menjadi Menteri KKLW... [Tepuk] *Insyah-Allah* wakil kerajaan negeri itu akan terus kita lantik bagi mewakili Kerajaan Negeri Kelantan kerana bagi saya perkara ini amat jelas di dalam akta ini iaitu tiga orang wakil kerajaan negeri. Jadi tidak ada sebab kenapa tidak dilantik wakil dari kerajaan negeri kerana sudah terdapat di dalam akta ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, seketika ini tiga wakil kerajaan negeri telah pun diisi oleh Yang Berhormat Datuk SUK, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pengarah Tanah dan Galian dan juga seorang EXCO kerajaan negeri iaitu EXCO Pertanian. Jadi bolehlah juga saya menjawab apa yang diperkatakan oleh Senator Tuan Haji Muhamad tadi bahawa memang wujud kerjasama di antara KESEDAR dan juga pihak Kerajaan Negeri Kelantan. Baru-baru ni pun atas kerjasama perkara yang melibatkan hak milik telah pun diselesaikan apabila kita menjalinkan kerjasama yang rapat dengan kerajaan negeri.

Saya ingin menjelaskan walaupun Kerajaan Negeri Kelantan dan Persekutuan berbeza dari segi fahaman politiknya, tetapi kita tidak pernah meminggirkan dari segi pembangunan wilayah di bawah KESEDAR itu iaitu Gua Musang, Kuala Krai, Tanah Merah dan sebagainya. Gua Musang mungkinlah itu di bawah BN tetapi Kuala Krai bukan di bawah BN pun. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan, perbelanjaan yang kita belanjakan, dana yang kita belanjakan untuk KESEDAR sejak daripada 1978 hingga hari ini, berjumlah RM4.3 bilion. Beginilah besarnya.

Bermakna Kerajaan Persekutuan terus membangunkan wilayah di bawah KESEDAR tanpa kita melihat kepada siapa yang memerintah negeri Kelantan, Parlimen itu diwakili oleh pembangkang ataupun kerajaan. Begitulah adilnya pihak Kerajaan Persekutuan hari ini kepada Kerajaan Negeri Kelantan... [Tepuk]

Banyak program-program, tadi saya terus masukkan dari segi pembasmian kemiskinan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad tadi. Selain daripada kita membangunkan kampung tradisional, mewujudkan Pusat Pertumbuhan Desa dan sebagainya.

■1630

Dari segi pembangunan untuk kita bantu orang miskin bagi memiliki rumah PPRT sehingga hari ini sebanyak 18,210 unit rumah telah pun kita bina baru manakala 27,202 unit untuk kita baik pulih.

Bagi peningkatan pendapatan sebanyak 1,387 ketua isi rumah telah dapat kita bangunkan dan kita bantu mereka untuk meningkatkan pendapatan. Manakala untuk anak-anak mereka, kita berikan latihan dan kerjaya iaitu di bawah Program PLKK sebanyak 2, 763 isi rumah. Maknanya yang mendapat faedah ini juga tanpa mengira fahaman politik. Jadi semuanya akan mendapat faedah dari segi pembangunan yang dilaksanakan oleh KESEDAR.

Yang Berhormat Senator Hajah Khairiah binti Mohamed juga ada membangkitkan mengenai anggota silih ganti. Sebelum itu dibangkitkan dicadangkan supaya diperjelaskan siapa yang nak dilantik oleh kerajaan negeri tersebut. Saya rasa kita tidak perlu menetapkan siapa yang dilantik bagi saya lebih baik kita serahkan kepada budi bicara kerajaan negeri. Menteri Besar mempunyai budi bicara untuk melantik sesiapa yang difikirkan perlu. Jadi kita tidak tetapkan, macam kitalah wakil KKLW kita tidak tetapkan KSU ke TKSU, kita akan menentukan siapa yang layak dan sesuai untuk berada di situ.

Bagi anggota silih ganti, saya ingin perjelaskan sekali lagi. Kalau kita rujuk kepada pindaan ini di bawah seksyen 5A(1), dijelaskan bahawa pelantikan anggota silih ganti ini adalah berdasarkan kepada seksyen 5(1)(c), (d) dan (e) iaitu yang mewakili Kementerian Kemajuan Luar Bandar, yang mewakili perbandaran daripada Kementerian Kewangan dan juga mewakili Unit Perancangan Ekonomi (UPEM). Maknanya anggota silih ganti saya sudah jelaskan tadi bahawa bukan mewakili diri dia tetapi mewakili kementerian ataupun badan kerajaan itu sendiri.

Jadi dia yang dilantik menjadi wakil kerajaan itu boleh mempunyai ahli silih ganti kerana apabila wakil asalnya tidak menghadiri mesyuarat, ahli silih ganti boleh mewakili kerana dia bukan mewakili diri dia, tapi mewakili kementerian yang diwakili. Sebagai contoh saya beri contoh, katakan wakil Kementerian Luar Bandar adalah KSU kementerian, KSU mungkin waktu mesyuarat tersebut tidak boleh menghadiri diri. Wakil silih ganti mungkin saya namakan sebagai TKSU untuk mewakili kementerian. Jadi KSU kah, TKSU kah, dia tidak mewakili diri dia tetapi dia mewakili kementerian sebab itulah kita membenarkan ada wakil silih ganti, cuma dari segi perundangan ada dibangkitkan tadi siapakah yang akan menanggung liabiliti kalau ada berlaku kes hasil daripada keputusan mesyuarat yang dibuat apabila wakil silih ganti hadir misalnya mewakili ahli asal yang dilantik.

Saya rujuk kepada seksyen 5A(3) sila rujuk iaitu seorang anggota silih ganti yang menghadiri Mesyuarat Lembaga hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai seorang anggota Lembaga. Maknanya walaupun dia anggota silih ganti tetapi apabila dia mewakili ahli yang asal, dia taraf dia sama saja dengan ahli asal itu. Bermakna liabiliti dia adalah kepada anggota silih ganti yang membuat keputusan semasa Mesyuarat Lembaga itu dibuat. Jadi itulah dari segi perkara yang saya nak bangkitkan iaitu mengenai silih ganti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai projek pelancongan, suka saya maklumkan memang kita mempunyai perancangan untuk projek pelancongan di KESEDAR, memang kita faham. Tadi pun Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad pun menyebutkan kalau boleh kita ada perluaskan program pelancongan, pertanian dan sebagai.

Yang Berhormat Datin Rahimah pun membangkitkan tentang pelancongan dan sebagainya. Memang sehingga hari ini kita telah melaksanakan program pelancongan desa di tiga tempat iaitu di Taman Santuari Tasik Pergau; yang keduanya, Taman Rekreasi KESEDAR Perdana; dan yang ketiganya- Taman Etnobotani. Tiga projek pelancongan telah pun kita laksanakan dan saya percaya KESEDAR akan terus mencarikan peluang yang baru untuk membangunkan projek pelancongan dan dalam masa yang sama seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad tadi, dari segi pertanian pun kita akan membangunkan kawasan-kawasan untuk projek pertanian dan sebagainya.

Saya percaya dengan adanya wakil kerajaan negeri, Exco Pertanian pula itu yang mewakili Kerajaan Negeri Kelantan. Saya rasa tanah di bawah kerajaan negeri, kalau boleh ada kawasan yang diperuntukkan untuk projek pertanian, insya-Allah kita akan bangunkan projek pertanian.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Boleh, sedikit sahaja saya sebenarnya punya suatu impian untuk di Kelantan mungkin dibangunkan satu projek berbentuk *Islamic water theme park* oleh pihak KESEDAR sendiri untuk di Kelantan Selatan. Saya kira sekiranya ia dibangunkan, memang akan menjadi suatu yang sangat menarik untuk dibangunkan di Kelantan dan sangat sinonim dengan Kelantan, *Islamic water theme park*. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** *Islamic water theme park*, ini wakil saya ada di belakang ini, dicatatkan. Saya akan bersetuju kalau perkara yang kita cadangkan itu dapat memberikan manfaat kepada penduduk di wilayah KESEDAR. Kalau ada tempat yang sesuai dan sebagainya saya percaya pihak Lembaga boleh meneliti perkara ini dan mungkin Yang Berhormat berdua yang mewakili Kelantan boleh memaklumkan kepada Exco Kerajaan Negeri Kelantan yang menjadi ahli ini untuk membangkitkan perkara ini di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah, insya-Allah kita akan memberikan pertimbangan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Datin Rahimah dan juga Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim, *Abe Lah* telah pun memohon supaya KESEDAR ini juga diperluaskan sehingga ke Machang dan juga ke Rantau Panjang. Nasib baik *Abe Lah* sebut Rantau Panjang kalau diperluaskan ke Golok mungkin saya susah sedikit. Saya seperti yang saya sebutkan tadi bahawa kita sentiasa terbuka untuk memperluaskan kawasan ini. Akan tetapi seperti yang saya sebutkan dalam setiap kita bentangkan pindaan akta agensi wilayah ini semuanya memohon supaya diperluaskan kawasan. Jadi saya anggap itu merupakan satu *signal* bahawa semuanya bersetuju iaitu agensi wilayah ini telah pun berjaya membangunkan kawasan yang mereka wakili, sebab itulah ramai yang mohon supaya diperluaskan ke kawasan masing-masing dan sebagainya.

Akan tetapi prosedur dia tetap sama iaitu mesti mendapat kelulusan daripada kerajaan negeri untuk dibawa ke persekutuan. Setakat hari ini kita telah pun- pihak KESEDAR telah pun bersetuju untuk memperluaskan kawasan ini sejak daripada tahun 2004. Status semasa kita adalah masih menunggu kelulusan daripada pihak kerajaan negeri. Jadi saya haraplah, saya difahamkan baru-baru ini Yang Berhormat Timbalan Menteri saya iaitu Yang Berhormat Dato' Jazlan jumpa dengan pihak kerajaan negeri, juga untuk mencadangkan supaya Machang dimasukkan ke dalam kawasan operasi KESEDAR.

Jadi saya harap kalau boleh *insya-Allah* kita bawa ke kerajaan negeri dan kalau lulus oleh kerajaan negeri, kita bawa ke Mesyuarat Kabinet untuk kelulusan, *insya-Allah*. Boleh, silakan.

**Tuan Haji Muhamad bin Mustafa:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya terlintas sedikit saja lagi berkenaan dengan lebuhraya.

#### ■1640

Kelantan adalah satu-satunya negeri yang tiada lebuhraya, dan penderitaan rakyat Kelantan tentang jalan raya sudah begitu lama sekali terutama pada musim-musim perayaan dan sebagainya. Memandangkan kawasan Gua Musang dan juga Machang banyak melibatkan tanah KESEDAR. Jadi saya cadangkan supaya lebuhraya ini dapat dipercepatkan kerana masalah tanah dah berada dalam milik KESEDAR barangkali lebih mudah daripada segi pengambilan tanah dan sebagainya lebih mudah dan cepat supaya projek lebuhraya Kelantan ini dapat dipercepatkan kerana kalau terlalu lama sangat menunggu untuk siapkan lebuhraya ini akan penantian adalah menyiksakan kehidupan rakyat suatu penyiksaan. Jadi saya harap Menteri yang berwibawa ini dapat membawa perkara ini kepada pihak Kabinet dan pihak-pihak yang berkenaan yang seterusnya. Terima kasihlah.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa lebuhraya telah pun ada perancangannya iaitu bermula dari Pasir Hor hingga Kuala Krai ini sudah ada dan *spine road* dalam Rancangan Malaysia yang seterusnya iaitu Kuala Krai ke Gua Musang untuk pembesaran dan pelebaran jalan itu yang akan dilakukan secara berperingkat sehingga sampai ke Kuala Krai dan sebenarnya Kelantan ini pun bertuah kerana jalan kereta api laju ini dari Kuala Lumpur hingga ke Tumpat. Saya yang tak bemasib baik, Bera keluar daripada jalan kereta api itu. Itulah di Kelantan masuk sampai ke Tumpat dan sebagainya.

Jadi percayalah Yang Berhormat, kalau kita boleh bekerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri di bawah pimpinan parti Yang Berhormat, kalau kita boleh pentingkan daripada segi kebajikan rakyat, saya rasa tidak ada perkara yang tidak boleh kita lakukan secara bersama, *insya-Allah*.

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah juga mencadangkan supaya komposisi dalam KESEDAR ini ada wakil wanita, begitu juga dengan Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi. Selain daripada mungkin bukan setakat ahli Lembaga tetapi kalau tidak, Lembaga pun sekurang-kurangnya wakil wanita dan juga wakil OKU di dalam anak-anak syarikat dan sebagainya yang juga mampu untuk membuat keputusan tentang dasar dan sebagainya.

Jadi *insya-Allah* Yang Berhormat, kita akan lihat perkara ini. Kita akan dapatkan pandangan dan kita akan tengoklah mana yang paling sesuai yang boleh kita lantik, kita akan lantik.

JKK. Saya tahu Yang Berhormat Senator Tuan Aknan bercakap soal JKK dan JKPP. Memang kita mempunyai KPI kepada mereka, daripada segi pelaporan mesyuarat, profil kampung dan sebagainya dan sekarang ini kementerian di bawah saya, saya perluaskan daripada segi kuasa mereka, memperkasakan kuasa mereka. Misalnya daripada segi pemantauan projek. Kita beri mereka pantau projek. Saya dengar macam-macam kompelin dulu. Projek masuk ke kampung mereka, mereka langsung tidak dimaklumkan sedangkan ada ketua. Bak kata mereka, beri salamlah dulu sebelum masuk ke rumah.

Jadi sebab itulah sekarang ini kita beri peranan yang lebih besar kepada JKK iaitu untuk memantau setiap perkembangan projek dan melaporkan kepada kementerian kerana kita tak nak projek itu dah sakit baru kita dimaklumkan oleh pegawai tetapi dimaklumkan lebih awal oleh pengerusi JKK, JKPP dan sebagainya.

Begitu juga dengan keputusan Kabinet untuk menyerahkan pembaik pulih rumah PPRT. Kita serahkan kepada JKK untuk membaik pulih. Kita tahu di kampung ini ramai tukang-tukang rumah yang bagus daripada segi membaiki rumah tetapi tak ada lesen CIDB dan sebagainya dan mereka boleh *repair* kalau setakat tukar atap dan sebagainya dan dalam masa yang sama kita beri kerja kepada masyarakat luar bandar untuk meningkatkan pendapatan. Ini juga tanggungjawab kepada JKK yang kita berikan sebagai KPI. Jadi untuk mengangkat dan memperkasakan JKK untuk menjadi lebih profesional, kita mengadakan kursus sijil tadbir urus yang modulnya disediakan oleh UniKL.

Pada tahun ini kita dah selesai untuk memberikan kursus kepada 3,000 pengerusi JKK daripada 16,600 kalau tak silap saya pengerusi JKK seluruh negara. Jadi kita fasa *by fasa* kita akan selesaikan. Kalau kita beri mereka KPI tetapi mereka tidak dilatih untuk menguruskan pentadbiran, menguruskan kewangan dan sebagainya dan daripada segi minda dan sebagainya tidak diubah, *mindset*, *attitude*, sikap dan sebagainya tidak berubah, mereka akan tetap menjadi JKK yang sama. Dulu kita kata setiap kali mesyuarat kita ada elaun. Banyak JKK yang tidak bermesyuarat pun kerana mungkin daripada segi sikap dan sebagainya. Sebab itulah kita adakan kursus tadbir urus ini supaya KPI yang kita tetapkan dapat kita jayakan sebab menetapkan KPI tanpa memberikan mereka kursus mengubah cara mereka bekerja dan sebagainya, KPI akan tetap tinggal KPI dan takkan kita pecat mana-mana JKK yang gagal mencapai KPI. Yang pentingnya kita latih mereka...

**Tuan Aknan Ehtook:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekejap, lekas.

**Tuan Aknan Ehtook:** Okey. Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, tadi sebut tentang projek-projek kecil di kampung untuk membantu memberikan peluang kepada JKK untuk menilai dan juga memastikan berjalan lancar. Jadi, ada satu perkara yang Menteri sebut tadi yang saya pun nak ungkitkanlah kerana kita dapati bahawa bila datang musim hujan, musim ribut ada satu, dua rumah yang dua, tiga zinknya terbang. Kemudian bila nak minta peruntukan untuk baiki itu lambat. Jadi, ada cadangan mengatakan bahawa kenapa tidak ada satu peruntukan yang kecil diberikan kepada JKK untuk tempoh setahun kah, enam bulan kah untuk membolehkan JKK membantu rumah-rumah yang zinknya terbang, dindingnya terkopak dan sebagainya. Projek segera, bilangan kecil. Mungkin kementerian boleh adakan garis panduan macam mana nak laksanakan. Jadi, ini satu *touch point* yang sangat-sangat penting. Walaupun kecil tetapi dia memberi kesan kepada orang-orang di luar bandar. Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. Setakat ini kita belum ada cadangan lagi walaupun banyak permintaan kerana daripada segi bencana ini diletakkan di bawah MKN. Kita tak nak ada pertindihan. Kalau ada bencana, ada pihak yang menjaga perkara yang berkaitan dengan bencana. Kita hanya *repair* rumah yang biasa, yang perlu di naik taraf iaitu di bawah PPRT. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, cadangan itu memang sentiasa dibangkitkan oleh JKK supaya diadakan peruntukan khas untuk JKK. Bukan sahaja daripada segi *repair* rumah tetapi juga daripada segi program dan sebagainya.

Seterusnya ada satu lagi permintaan daripada Senator Tuan Haji Muhamad iaitu mengenai timbalan pengerusi. Perkara ini kita akan tengoklah yang mana yang sesuai, kita tengok.



Akan tetapi saya beri jaminan bahawa sekarang dah ada tiga wakil daripada kerajaan negeri dan hubungan antara KESEDAR dengan wakil kerajaan negeri adalah baik sekali. Jadi tidak ada isu. Saya rasa itu sahaja yang saya hendak sampaikan. Saya akan *check* balik daripada *Hansard*. Mana-mana yang saya tak jawab, saya akan jawab secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih. *Assalamualaikum*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam*. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka kepada Majlis bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-Fasal 1 hingga 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, [disokong oleh Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (Datuk Alexander Nanta Linggi)] dan diluluskan]*

#### ■1650

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya tangguhkan Mesyuarat ini, saya ingin juga mengucapkan syabas dan tahniah atas dua orang tokoh yang dilantik iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah, lantikan semula dan nampaknya hari ini dia lebih semangat macam orang muda... *[Tepuk]* Yang kedua Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Anathan A/L Somasundaram.

Yang paling penting hari ini, kita berbincang Yang Berhormat begitu lancar, dinamik, nampak rangsang kuat begitu. Jadi hasilnya tadi daripada perjuangan oleh Menteri kita yang ikhlas dapat melaksanakan tugas dengan penuh amanah dan keimanan yang saya nampak. Ramai tadi puji dia, ramai, tahniah. Saya hendak katakan bahawa pernah saya katakan dulu budi baik dikenang orang. Jadi bak kata pantun orang Melayu,

*Tenang-tenang air di laut,  
Sampan kolek mudik ke tanjung,  
Hati terkenang mulut menyebut,  
Budi baik Yang Berhormat terasa nak junjung... [Tepuk]*

Jadi saya ingat Yang Berhormat Senator Tan Sri Nalla pun setuju ya.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 21 Ogos 2017. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 4.53 petang]***